



**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN NEGARA**  
*SENATE*

**PARLIMEN KEENAM**  
*Sixth Parliament*

**PENGGAL KETIGA**  
*Third Session*

**KANDUNGANNYA**

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
[Ruangan 2641]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1985) [Ruangan 2698]

Rang Undang-undang Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Peruntukan-peruntukan Khas) (Pindaan) [Ruangan 2756]

**USUL-USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 2755]

Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 2761]

**UCAPAN PENANGGUHAN:**

PUSAKABUMI—Penubuhan dan Fungsi [Ruangan 2762]

MALAYSIA

**PARLIMEN KEENAM—DEWAN NEGARA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KETIGA**

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Datuk Ben Stephens, P.S.M., S.P.D.K., B.E.M. (Dilantik)
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor, J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Dilantik)
- ” Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Abang Haji Ahmad Urai bin Datu Hakim Abang Haji Mohiddeen (Sarawak)
- ” Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman (Dilantik)
- ” Lt. Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim, S.M.S., K.M.N., P.I.S. (Dilantik)
- ” Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif (Dilantik)
- ” Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar, A.M.N. (Dilantik)
- ” Toh Muda Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, P.C.M. (Dilantik)
- ” Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim (Dilantik)
- ” Tuan Ahmad bin Othman, B.M.S., A.M.K., A.M.N., P.J.K. (Kedah)
- ” Puan Hajjah Azizah binti Mohd. Said (Dilantik)
- ” Tuan Bee Yang Sek (Kedah)
- ” Tuan Fadzil bin Mahmood, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Perlis)
- ” Puan Hajjah Habibah binti Abdul Ghani, K.M.N., A.M.P., A.M.N., P.J.K. (Pahang)
- ” Tuan Harun bin Hassan (Trengganu)
- ” Puan Hasanah binti Haji Mohd. Kassim @ Hasanah Fatimah binti Haji Mohd. Kassim, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Terengganu)
- ” Tuan Hassan bin Nam (Dilantik)
- ” Tuan Haji Hussein bin Ahmad (Dilantik)
- ” Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang (Negeri Sembilan)
- ” Datuk Ishak bin Abdul Rahman, D.S.P.N., A.M.N., P.J.K. (Pulau Pinang)
- ” Tan Sri Ismail Khan, P.M.N., P.S.M., P.N.B.S., B.K.T., P.P.T. (Dilantik)

- Yang Berhormat Tuan Jaafar bin Harun (Dilantik)
- ” Datuk James Bernard Willie, P.G.D.K. (Sabah)
- ” Puan Sri Janaki Athi Nahappan, A.M.N., P.J.K. (Dilantik)
- ” Dato Kamaruzaman bin Ahmad (Dilantik)
- ” Tuan Kenneth Kenyan Anak Temenggong Koh, K.M.N., J.B.S. (Sarawak)
- ” Dato Khoo Kay Por, D.M.P.N., J.M.N., J.P. (Pulau Pinang)
- ” Tuan Kuan Peng Soon @ Kuan Peng Ching (Perak)
- ” Dato K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.P.T. J.P. (Dilantik)
- ” Tuan Lim Kean Siew (Dilantik)
- ” Cik Lim Sean Lean @ Lim Hiang Nai, K.M.N. (Dilantik)
- ” Datuk Loh Fook Yen, D.S.I.J., P.P.N., P.I.S. (Dilantik)
- ” Tuan Loo Swee Mok, A.M.N., P.P.N. (Pahang)
- ” Tuan Haji Mohamed bin Yahya, P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Johor)
- ” Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar, P.G.D.K., A.D.K., B.K. (Dilantik)
- ” Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah (Kelantan)
- ” Tuan Mohd. Noor bin Bedah, P.J.K., P.J.B. (Perlis)
- ” Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim (Perak)
- ” Tuan Mohd. Yusoff @ Yusof Haji Md. Nor (Kelantan)
- ” Tuan Nasir bin Haji Manap, A.M.N., P.J.K. (Melaka)
- ” Puan Nen Abidah binti Abdullah, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik)
- ” Tuan Ng Ah Poi, P.P.N., J.P. (Melaka)
- ” Tuan M.G. Pandithan (Selangor)
- ” Tuan Paramjit Singh (Dilantik)
- ” Dato G. Pasamanickam, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S., B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik)
- ” Puan Rokiah @ Maimun binti Zainuddin, A.M.N., P.J.K. (Dilantik)
- ” Tan Sri C. Selvarajah, P.S.M. (Dilantik)
- ” Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom, A.M.N., P.J.K. (Dilantik)
- ” Tuan A. Shaik Dawood Abu Bakar @ A.S. Dawood, (Dilantik)
- ” Tuan Stephen Timothy Wan Ullok (Dilantik)
- ” Tuan Haji Shuaib bin Lazim (Dilantik)

Yang Berhormat Tuan Tan Chang Soong, A.M.N. (Dilantik)

” Tuan Tay Chee King, K.M.N., B.S.I., P.I.S., A.M.N., J.P. (Johor)

” Tuan Tiong Hiew King (Dilantik)

” Tuan Wong Yau Ket (Sabah)

” Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahya (Selangor)

## DEWAN NEGARA

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap

Penyunting Kanan: P. B. Menon

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad

#### *Pemberita-Pemberita*

Louis Yeoh Sim Ngoh

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah

Suhor bin Husin

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof

Juliah binti Awam

Supiah binti Dewak

Ismail bin Hassan

Shamsiah binti Mohd. Yusof

Hajjah Kalsom binti Ghazali

Mohamed bin Osman

Norishah binti Mohd. Thani

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Haji Ahmad bin Buntu

MALAYSIA  
DEWAN NEGARA

Selasa, 30hb Julai, 1985

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI  
PERTANYAAN-PERTANYAAN

TV—RANCANGAN FILEM HARI  
KEBESARAN ISLAM

**1. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang** minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada beliau menyedari bahawa ada rancangan filem di TV yang ditayangkan pada hari-hari kebesaran Islam terutama pada malam dan siang Hari Raya yang bercanggah dengan didikan rohani peribadi orang Muslim dan menyatakan tindakan dan usaha-usaha pensuaian dibuat seperti filem-filem rencana yang ditayangkan itu ditapis lebih dahulu oleh jemaah penapis.

**Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, semua filem atau rancangan dari luar negeri ditapis oleh Badan Penapis Filem sebelum disiarkan menerusi televisyen.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya mencuba seberapa yang terdaya untuk mengisi sebanyak mungkin dan sebanyak yang patut unsur-unsur keislaman dalam rancangan-rancangan pada hari-hari kebesaran Islam. Tetapi pada hari-hari perayaan ini, waktu siaran TV biasanya ditambah dan adalah sukar untuk mengisi seluruh waktu siaran itu dengan rancangan-rancangan yang berunsur pendidikan rohani peribadi orang-orang Islam semata-mata memandangkan bahawa hari-hari kebesaran Islam seperti Hari Raya adalah hari cuti am bagi seluruh rakyat majmuk Malaysia.

NISBAH PENUNTUT-PENSYARAH

**2. Puan Hasanah binti Mohd. Kassim** minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa ramai penuntut-penuntut dinisbahkan kepada seorang tenaga pengajar (pensyarah) di tiap-tiap universiti dalam negara kita ini.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Dr Ling Liong Sik):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara keseluruhannya, universiti-universiti tempatan mempunyai nisbah 9 orang pelajar bagi seorang tenaga pengajar atau pensyarah. Nisbah ini amatlah sesuai sekali di dalam proses pembelajaran di peringkat pengajian tinggi.

KONTRAKTOR BUMIPUTERA

**3. Dato Kamaruzaman bin Ahmad** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ramai kontraktor bumiputera telah mengalami kerugian yang besar oleh kerana menunggu lesen pendaftaran daripada Pusakabumi yang mengambil masa yang sangat lama; dan jika sedar, apa tindakan beliau akan ambil untuk membantu kontraktor bumiputera-bumiputera tersebut.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob):** Tuan Yang di-Pertua, suka saya memaklumkan bahawa kontraktor-kontraktor kerja sama ada bumiputera atau bukan bumiputera yang sedia berdaftar dengan berbagai jabatan atau agensi Kerajaan masih boleh memasuki tender-tender di jabatan atau agensi Kerajaan yang mereka telah berdaftar walaupun pendaftaran mereka belum lagi diambilalih ke dalam Daftar PUSA-KABUMI.

Urusan mengambilalih pendaftaran kontraktor-kontraktor kerja yang sedia berdaftar dengan berbagai jabatan dan agensi masih belum selesai. Ini bermakna terdapat kontraktor yang pendaftarannya telahpun ditukar ke pendaftaran PUSAKABUMI dan ada yang belum lagi ditukar ke pendaftaran PUSAKABUMI. Walau bagaimanapun, suka saya menjelaskan bahawa kontraktor-kontraktor kerja yang pendaftarannya belum lagi ditukar ke pendaftaran PUSAKABUMI, tidaklah dihalang dari memasuki tender-tender di jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan di mana mereka asalnya berdaftar. Dalam erti kata lain, mereka yang sedia berdaftar dengan JKR, JPT dan PKNS, umpamanya masih boleh memasuki tender-tender di jabatan-jabatan itu. Oleh itu, kenyataan bahawa kelewatan pendaftaran oleh PUSAKABUMI telah menyebabkan ramai kontraktor bumiputera mengalami kerugian yang besar tidaklah begitu tepat.

Bagi mereka yang baru ingin menjadi kontraktor, mereka perlu berdaftar dengan PUSAKABUMI. Setakat ini PUSAKABUMI telah menerima permohonan-permohonan pendaftaran baru sebanyak 2,233. Urusan memproses dan menimbang permohonan itu adalah berbeza mengikut kes, iaitu jika permohonan yang dikemukakan lengkap dan segala dokumen yang perlu telah dikemukakan bersama, maka jangkamasa purata yang telah diambil ialah antara 2 atau 3 bulan. Tetapi dalam kebanyakan permohonan-permohonan yang dikemukakan, banyak persuratan berlaku untuk meminta laporan-laporan lengkap daripada pihak bank dan agensi-agensi lain bagi mengesahkan butir-butir dalam permohonan-permohonan tersebut. Sudah tentulah peraturan persuratan demikian akan memakan masa dan faktor inilah yang banyak melambatkan proses menimbang permohonan berkenaan.

Walaupun bagaimanapun, Kerajaan tidaklah bercadang meningkatkan proses penyemakan dan pengesahan butir-butir yang dikemukakan kerana matlamat utama ialah untuk memastikan bahawa setiap syarikat yang ingin berdaftar mempunyai keupayaan teknikal dan kewangan semoga kontrak-kontrak Kerajaan tidak tergendala perlaksanaannya.

## BUKIT NENAS TEMPAT PELANCONGAN

4. Tuan Haji Shahrom bin Haji Maasom minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan:

- (a) perbelanjaan yang dibuat untuk memajukan Bukit Nenas sebagai tempat pelancongan dan jumlah kerugian yang dialami; dan
- (b) sama ada Kementerian ada rancangan untuk membangunkan semula Bukit Nenas; jika ada nyatakan rancangan itu, kos pembangunan dan cara pelaksanaan.

**Menteri Wilayah Persekutuan (Dato Shahrir bin Abdul Samad):** Tuan Yang di-Pertua, rancangan dan usaha-usaha yang telah dijalankan sebelum ini ialah oleh Jabatan Pelancongan pada tahun 1972 dan telah diambil alih oleh pihak Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia (TDC) ketika jabatan tersebut dimansuhkan. Projek ini juga tidak melibatkan Kementerian Wilayah Persekutuan pada ketika itu.

Walaupun bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah perbelanjaan yang telah dibuat untuk projek pelancongan Bukit Nenas pada tahun 1972 adalah sebanyak \$3.4 juta, manakala kerugian yang telah dialami sehingga kompleks itu ditutup adalah sebanyak \$1.4 juta. Jumlah kerugian 1.4 juta ini sebahagian besarnya adalah jumlah yang telah digunakan untuk menampung kos-kos penguurusan seperti gaji dan elaun kakitangan dan penyelenggaraan.

Bagi menjawab Bahagian (b) pula, Kementerian saya sememangnya mempunyai rancangan untuk membangunkan semula kawasan Bukit Nenas dan rancangan tersebut masih sedang diperbincangkan di antara pihak-pihak yang terlibat khususnya Jabatan Perhutanan Malaysia, Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia dan juga pihak Dewan Bandaraya. Perbincangan ini adalah bertujuan untuk mencari jalan di mana projek tersebut dapat dijalankan tanpa mengenyahkan kepentingan-kepentingan yang sedang wujud di bawah tanggungjawab jabatan-jabatan yang berkenaan.

Kawasan Bukit Nenas ini ialah satu kawasan rezeb perhutanan yang tertua di negara kita kerana ia telah digezzetkan pada tahun 1906 dan juga mengandungi berbagai-bagai jenis tanaman atau pokok yang sungguh bernilai dari segi penyelidikan dan pendidikan. Adalah menjadi tujuan Kementerian Wilayah Persekutuan bagi menjadikan kawasan ini sebagai sebuah taman rimba yang dikenali sebagai Taman Rimba Bukit Nenas (Bukit Nenas Forest Park) dan juga sebagai satu kawasan tarikan pelancongan di bandaraya kita. Maka keaslian serta keadaan semulajadi kawasan tersebut akan dipelihara sebagai satu khazanah warisan negara yang boleh dilawati serta dinikmati oleh pelawat-pelawat ke ibu negara kita.

#### BEKALAN AIR LEMBAH KELANG

**5. Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim** minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada beliau sedar bahawa menjelang tahun 1990 adalah dijangkakan bekalan air untuk penduduk-penduduk di Lembah Kelang akan kekurangan; dan jika sedar apakah tindakan jangka pendek dan jangka panjang beliau akan diambil supaya tiap-tiap projek perumahan yang diluluskan itu mendapat bekalan air yang mencukupi.

**Timbalan Menteri Kerjaraya (Dato' Zainal Abidin bin Zin):** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa bekalan air untuk Lembah Kelang akan meningkat tetapi tidak berkurangan menjelang tahun 1990. Kekurangan hanya akan berlaku pada tahun irri iaitu tahun 1985 sebab sebanyak lebih kurang 220 juta liter sehari. Kekurangan ini adalah disebabkan oleh kerana permintaan yang dianggarkan sebanyak 985 juta liter sehari berbanding dengan jumlah air yang dapat dibekalkan dari Ampangan Kelang, Ampangan Langat dan Loji Pembersihan Air di Damansara sebanyak 765 juta liter sehari sahaja. Di antara tindakan jangka pendek yang telah diambil untuk menampung permintaan air yang tidak mencukupi untuk tahun 1985 ini ialah dengan menyegerakan penyiapan Fasa I Skim Semenyih pada penghujung tahun ini yang mana dianggarkan akan dapat membekalkan lebih air sebanyak lebih kurang 135 juta liter sehari. Dengan penambahan itu dan juga tindakan seperti galakan berjimat-cermat dalam menggunakan air di kalangan pengguna-pengguna ini di Lembah

Kelang maka saya yakin pengurangan air dalam tahun 1985 itu akan dapat diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, di antara tindakan jangka panjang yang akan diambil ialah dengan siapnya Skim Semenyih yang mana dapat menambahkan bekalan air pada penghujung tahun 1986 sebanyak 545 juta liter sehari. Tambahan ini telah mengambilkira permintaan bekalan air yang sentiasa meningkat oleh pengguna-pengguna termasuk di projek-projek perumahan di Lembah Kelang yang diketahui semasa Skim Semenyih ini dirancang hingga ke tahun 1990.

Untuk tahun 1990 hingga 2000 Kerajaan akan melaksanakan Skim Bekalan Air Sungai Selangor di bawah Rancangan Malaysia Kelima. Projek ini dijangka siap pada tahun 1990 dan akan dapat menambahkan bekalan air sebanyak 800 juta liter sehari.

**Dato Kamaruzaman bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah pun meriwayatkan tentang pembaziran membuang air. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa paip-paip yang di tepi jalan umpamanya daripada Tanjung Karang hendak ke Kuala Lumpur pada pagi tadi sahaja saya melihat oleh kerana saya hendak buat soalan tambahan dalam Dewan yang mulia ini, bukan sahaja manusia yang mandi tetapi lembu mandi di paip air dimandikan oleh tuannya lembu dan juga lori-lori berhenti. Tidakkah ini membazir namanya? Paip air di tepi jalan biasanya air kuat memancut tetapi orang yang membayar di bawah sana tidak dapat air sebab air ini memancut yang amat deras, 'porrr' bunyinya.

Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa pembaziran ini patut dielakkan, soalan saya, apakah tindakan Yang Berhormat supaya perkara-perkara ini tak akan berlaku lagi di hari ini?

**Dato Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Yang di-Pertua, saya sangat berterima kasih kepada Yang Berhormat Senator yang mengambil berat tentang ada memerhatikan terdapatnya di kalangan masyarakat kita yang membazirkan daripada segi penggunaan air yang bersih ini. Cuma kita meminta kepada masyarakat yang



bertanggungjawab ini bagi menggunakan air demi kepentingan penggunaan sehari-hari tetapi tidaklah untuk mandikan lembu, kerbau, lori dan sebagainya. Bahawa tunggak-tunggak air yang dibina di sepanjang jalan ini adalah untuk kepentingan orang-orang awam terutama sekali untuk penggunaan air minum tetapi bukanlah untuk penggunaan air basuhan. Sepertimana yang kita ketahui sekiranya Kerajaan memberhentikan ataupun memansuhkan tunggak-tunggak air ini kita mendapat bantahan-bantahan yang terlalu banyak sama ada kepada Wakil Rakyat ataupun kepada Kerajaan Negeri dan kalau hari ini rakyat mendengar bahawa Yang Berhormat Senator telah membangkitkan perkara ini dan kalau besok kita tutupkan tunggak-tunggak air yang berkenaan, Yang Berhormat Senator juga akan mendapat surat-surat begini, Cuma kita minta kepada masyarakat umum perkara-perkara seperti ini tidak akan dibuat lagi.

Bersabit dengan pancutan air yang kuat, ini sudah semestilah. Tunggak-tunggak air biasanya terdapat di paip-paip utama (main line) pada bekalan air sedangkan air yang masuk ke rumah kadang-kadang terlalu jauh daripada paip utama ini. Maka oleh sebab itulah masyarakat kita yang tidak bertanggungjawab menggunakan kesempatan pancutan yang kuat di tepi-tepi jalan ini bagi membasuh lori dan kerbau mereka. Kita sebenarnya sedang mengkaji pada ketika ini, satu jawatankuasa yang telah ditubuhkan di peringkat Kementerian bagi hendak mengkaji Akta Bekalan Air tahun 1948 di mana termasuk hukuman-hukuman yang akan dikenakan kepada mereka yang menyalahgunakan air yang bersih ini termasuk mereka yang memandikan lembu, memandikan kerbau, memandikan lori ataupun pada tempat yang mereka tidak boleh mandi mereka mandi. Kita harap pada ketika itu tidak ada pula ahli-ahli politik kita yang akan tampil untuk menjamin mereka ini pada ketika-ketika kita mengambil tindakan pada masa akan datang.

**Dato Kamaruzaman bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, boleh juga saya katakan untuk pembetulan.

Saya tidak berniat dan tidak pula berkata dalam Dewan yang mulia ini bahawa sanya paip-paip ini hendaklah ditutup. Cuma saya

mengatakan adakan satu sekatan atau undang-undang supaya setidak-tidaknya rakyat tahu bahawa pembaziran air ini Kerajaan mengambil berat. Macam tadi Yang Berhormat kata supaya letakkan undang-undang, keluar di surat-khabar bahawa barang siapa membazirkan air sekian hukuman denda, begitu dan sebagainya.

Saya teringat lagi, Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1900 semasa penjajah dahulu, tiap-tiap paip air tepi jalan diletakkan tanda: 'Jangan gunakan paip ini untuk membasuh dan sebagainya'. Ini adalah didapati sebagai satu kesalialian kecil boleh didenda \$25.00. Apa salah kita buat begitu, di tiap-tiap paip air?

Soal memandikan kerbau lembu ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah perkara benar. Kalau Yang Berhormat itu kurang yakin, besok bersamasama dengan saya pagi-pagi daripada Tanjong Karang kita tengok, saya tunjukkan tempatnya tetapi kita tidak cakap malam ini, nanti dia tidak mahu memandikan kerbau dia lagi di tempat itu.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya tidak menolak perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator berkenaan dengan mandi lembu dan mandi kerbau dan basuh lori ini; dan perkara-perkara yang seperti inilah yang saya ingin nyatakan kepada Dewan yang mulia ini bahawa satu tindakan yang telah diambil oleh pihak Jabatan Bekalan Air Negeri Perak di mana terdapat di antara masyarakat yang salahgunakan air yang bersih ini dan telah cuba hendak menutupkan sebahagian daripada tonggak-tonggak air dan telah mendapat bantahan.

Sepertimana yang telah Yang Berhormat Senator kemukakan bahawa adakah tidak ada satu cara untuk kita mengatasi masalah ini, saya telah terangkan bahawa Akta Bekalan Air akan kita pinda dan sedang dikaji oleh sebuah Jawatankuasa di peringkat Kementerian ini.

Cadangan Yang Berhormat untuk meletakkan papan-papan tanda amaran bahawa sekiranya terdapat orang-orang yang menyalahgunakan air di tonggak-tonggak air ini akan

didenda dengan beberapa ringgit yang tertentu, ini kita akan kemukakan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri yang bertanggungjawab secara sepenuhnya mengenai bekalan air di seluruh negara kita.

### **PROTON SAGA - PENGEDAR SYARIKAT BUMIPUTERA**

**6. Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim** minta Perdana Menteri menyatakan jumlah syarikat pengedar Bumiputera dan bukan Bumiputera yang memohon bagi pengedar Proton Saga; dan syarat-syarat yang ditetapkan atas perlantikan lapan (8) syarikat Bumiputera dan dua-belas (12) syarikat bukan Bumiputera untuk menjadi pengedar kereta buatan Malaysia itu.

**Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr. James P. Ongkili):** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sejumlah 280 permohonan telah diterima dari syarikat-syarikat bumiputera yang berminat untuk menjadi pengedar kereta Malaysia Proton Saga. Angka ini termasuk syarikat-syarikat usaha sama di mana saham bumiputera melebihi 51%. Manakala permohonan yang diterima daripada syarikat-syarikat yang bukan bumiputera yang ingin menjadi pengedar Proton Saga ialah 106, ini termasuk syarikat-syarikat yang mana saham bumiputera kurang daripada 49%.

Untuk perhatian Yang Berhormat, angka yang disebutkan di dalam soalan di atas yakni 8 syarikat bumiputera dan 12 syarikat bukan bumiputera bukanlah berkaitan dengan mereka yang memohon untuk menjadi pengedar kereta Malaysia bahkan ianya ialah berkaitan dengan pengeluar dan pembekal komponen-komponen tempatan projek Proton Saga seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat di Dewan Negara pada 17hb April, 1985.

Walau bagaimanapun dari bulan Januari hingga Disember 1986 sebanyak 22 buah syarikat bumiputera dan 15 syarikat bukan bumiputera dijangka akan dilantik untuk menjadi pengedar kereta Proton Saga. Namun demikian EON masih belum lagi membuat pilihan terhadap mereka yang berjaya.

Syarat-syarat yang ditetapkan atas perlantikan pengedar kereta Malaysia adalah seperti berikut:-

- (1) Mereka mestilah salah satu daripada berikut:-
  - (a) Syarikat Berhad;
  - (b) Syarikat Sdn. Berhad;
  - (c) Syarikat Perkongsian Berdaftar (Registered Partnership);
  - (d) Pertubuhan-pertubuhan.
- (2) Mereka hendaklah mempunyai:
  - (a) sumber kewangan, kakitangan dan kemudahan-kemudahan yang lengkap dan mencukupi;
  - (b) mempunyai rekod pengalaman yang baik dalam perniagaan kereta.
- (3) Mereka dikehendaki menandatangani perjanjian pengedar (dealers agreement) yang mengandungi syarat-syarat yang menyeluruh untuk menjadi pengedar.
- (4) Perlantikan wakil penjual akan dibuat oleh Lembaga Pengarah Syarikat Edaran Otomobil Nasional (EON) berpandu kepada garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk menjamin ianya sejajar dengan kehendak Dasar Ekonomi Baru.

### **RAKYAT ASING MELAKUKAN JENAYAH**

**7. Tuan Hassan bin Nam** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan rakyat asing yang ditangkap kerana melakukan jenayah seperti mencuri dan sebagainya sambil berpura-pura menjadi pengemis.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, mengikut rekod yang ada, tidak ada rakyat asing yang ditangkap kerana melakukan jenayah seperti mencuri atau sambil berpura-pura menjadi pengemis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Tan Chang Soong.

**Tuan Loo Swee Mok:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, Soalan No. 8.

### EKONOMI MALAYSIA - MENINGKATKAN PELABURAN

**8. Tuan Loo Swee Mok (di bawah S.O. 23(2)):** minta Menteri Kewangan menyatakan ekonomi kita sekarang dan langkah-langkah positif yang telah diambil untuk mewujudkan satu suasana yang lebih baik lagi menambah pengeluaran serta meningkatkan pelaburan.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr. Tan Tiong Hong):** Tuan Yang di-Pertua, ekonomi Malaysia adalah dalam keadaan stabil dan dijangka akan berkembang sebanyak 5.6% pada tahun ini setelah mencatat pertumbuhan yang pesat pada tahun lalu sebanyak 7.3%

Prestasi ekonomi tahun ini adalah memuaskan memandangkan kadar pertumbuhan melebihi 5% adalah lebih tinggi dari kadar pertumbuhan yang akan dicapai oleh negara-negara maju.

Tuan Yang di-Pertua, pertumbuhan ekonomi negara yang lebih rendah sedikit tahun ini adalah disebabkan oleh kelembapan ekonomi negara-negara maju yang merupakan rakan-rakan perdagangan utama Malaysia. Oleh sebab itu pendapatan eksport Malaysia pada tahun ini akan berkembang dengan lebih perlahan sedikit. Walau bagaimanapun dengan adanya usaha Kerajaan untuk mengawal import, terutamanya dengan menghadkan perbelanjaan pembangunan, imbalan dagangan Malaysia telah bertambah kukuh. Dalam empat bulan pertama tahun ini, imbalan dagangan Malaysia telah mencatat lebih sebanyak \$2,175.2 juta berbanding dengan \$1,526.6 bagi tempoh yang sama tahun dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun memandangkan kedudukan kewangan Kerajaan masih mengalami defisit, strategi mempergiatkan pertumbuhan ekonomi melalui perbelanjaan Kerajaan yang lebih tinggi adalah tidak wajar. Oleh itu sektor swasta adalah diseru dan digalakkan memainkan peranan utama dalam mempergiatkan pertumbuhan ekonomi.

Kerajaan telah memperkenalkan beberapa langkah baru bagi mewujudkan satu suasana yang lebih baik bagi sektor swasta, menambah pengeluaran serta meningkatkan pelaburan mereka terutama dalam bidang yang boleh menguatkan prestasi eksport negara.

Langkah-langkah positif ini termasuklah:

- (1) mengurangkan cukai pendapatan individu bagi tahun taksiran 1985 ini untuk menggalakkan peningkatan daya pengeluaran dan pelaburan swasta
- (2) Mengurangkan kadar faedah supaya kos pinjaman dari institusi kewangan oleh pihak swasta bagi pelaburan dapat dikurangkan;
- (3) menyediakan Kumpulanwang sebanyak \$1,000 juta yang boleh dipinjamkan kepada sektor swasta oleh bank-bank perdagangan dengan kadar faedah yang menasabah untuk pelaburan.
- (4) melonggarkan kawalan perolehan ekuiti oleh pelabur-pelabur asing dalam firma-firma yang berorientasi eksport.
- (5) mengurangkan kos operasi perniagaan di negara ini, misalnya dengan mengurangkan kadar bayaran telefon antarabangsa. Kadar bayaran penggunaan elektrik sedang juga dikaji untuk mengurangkan kos operasi industri.

Tuan Yang di-Pertua, di samping langkah-langkah ini, Kerajaan sedang mengkaji semula Akta Penyelarasan Perindustrian supaya syarat pelaksanaan syarikat-syarikat swasta dapat dilonggarkan. Sistem insentif juga akan diperbaiki untuk menggalakkan pihak swasta melabur dengan lebih giat lagi dalam sektor perkilangan dan pertanian.

Saya percaya dengan langkah-langkah ini Kerajaan dapat mewujudkan suasana yang lebih baik bagi pihak swasta menambah pengeluaran dan pelaburan.

## GURU SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN CINA

**9. Tuan Loo Swee Mok** minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah yang akan diambil oleh pihak Kerajaan untuk mengatasi kekurangan guru sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Dr. Ling Liong Sik):** Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi kekurangan guru di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina ialah dengan menambahkan pengambilan guru-guru pelatih bagi Kursus Pengajian Sekolah Rendah pada setiap tahun. Di samping itu Kerajaan juga mengambil langkah meneruskan Kursus Dalam Cuti bagi guru-guru sandaran tanpa latihan yang mempunyai kelayakan yang sesuai. Kekosongan di SRJK(C) diisikan dengan guru-guru sandaran tanpa latihan yang memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

**Tuan Loo Swee Mok:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, setakat ini berapa ramaikah guru sementara mengajar di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina?

**Dato' Dr. Ling Liong Sik:** Tuan Yang di-Pertua, untuk memberi butir-butir seperti itu, saya haraplah dapat notis.

## MAKANAN HALAL

**10. Puan Habibah binti Abdul Ghani** minta Perdana Menteri menyatakan tindakan Kerajaan untuk memastikan jenis-jenis makanan yang disukai ramai yang tidak mempunyai kenyataan yang jelas sama ada boleh atau tidak dimakan oleh orang Islam seperti jelly, walaupun pihak berkuasa telah mengisytiharkan ada jenis-jenis yang boleh dimakan dan ada yang tidak, tetapi ini masih meragukan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa mengambil langkah perlu untuk menjamin makanan yang dijual yang bertanda halal itu supaya benar-benar halal. Masalah barang-barang yang tidak bertanda halal adalah

satu perkara yang rumit untuk ditentukan, semua jenis itu adalah halal bagi orang-orang Islam.

Setakat ini Jawatankuasa Mengkaji Halal Haram sentiasa mengadakan ujian dari semasa ke semasa bagi menjamin makanan-makanan yang diragui tanda halal atau haramnya. Adalah tidak praktikal bagi Kerajaan kita untuk memastikan semua barang-barang makanan yang dijual atau dikeluarkan oleh kilang-kilang sama ada dari dalam atau luar negeri diwajibkan supaya melebelkan halal atau haram.

## SENJATAPI - SYARAT UNTUK MEMILIKI

**11. Tuan Jaafar bin Harun** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) syarat-syarat yang mesti dipenuhi oleh seseorang rakyat Malaysia sebelum permohonannya untuk memiliki senjatapi, sama ada senapang patah atau pistol diluluskan; dan
- (b) masa yang diperlukan untuk memproses sesuatu permohonan sebelum ia diluluskan.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan yang pertama, di antara syarat-syarat yang diperlukan oleh seseorang untuk memiliki senjatapi ialah pemohon mesti berumur sekurang-kurangnya 18 tahun, bersih dari sebarang rekod Polis, mempunyai kesihatan fizikal dan mental yang baik dan dapat membuktikan bahawa ia benar-benar perlu memiliki senjatapi mengikut tujuan yang dipohon.

- (b) Pihak Polis sentiasa menyegerakan pemerosesan setiap permohonan senjatapi. Bagaimanapun masa yang diambil adalah terpulang pada keadaan dan lazimnya dari 3 bulan sehingga setahun atau kadang-kadang lebih.

### KWSP - SUMBANGAN MAJIKAN

**12. Puan Sri Datin Janaky Athi Nahappan** minta Menteri Kewangan menyatakan bahawa memandangkan tujuan Kumpulanwang Simpanan Pekerja adalah untuk memberi faedah pesara-pesara sama ada Kerajaan bertujuan untuk melaksanakan satu sistem yang menjamin bahawa sumbangan dari majikan dapat dibuat bagi setiap pekerja yang terlibat.

**Dato Dr. Tan Tiong Hong:** Tuan Yang di-Pertua, adalah memang menjadi tujuan KWSP untuk memasukkan semua pekerja-pekerja ke dalam Skim KWSP supaya mereka ada mempunyai simpanan untuk menghadapi masa mereka bersara kelak. Dalam hal ini Kerajaan sedang mengkaji kemungkinan meminda peruntukan-peruntukan dalam Akta KWSP bagi menentukan setiap majikan membuat sumbangan bagi pekerja-pekerjanya kepada KWSP.

### GURU BAHASA CINA

**13. Tuan Ng Ah Poi** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa telah lama wujudnya kekurangan guru bahasa Cina di sekoiah-sekolah menengah, dan sama ada beliau ada rancangan untuk memberi cuti separuh gaji kepada bekas guru yang mengambil Pengajian Tionghua sebagai subjek utama di Universiti Malaysia.

**Dato Dr. Ling Liong Sik:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran menyedari wujudnya kekurangan guru bahasa Cina di Sekolah-sekolah Menengah tetapi kekurangan ini amat kecil jika dibandingkan dengan kekurangan guru-guru bagi matapelajaran yang lain. Oleh itu Kementerian Pelajaran belum ada rancangan untuk memberi cuti separuh gaji kepada guru-guru yang hanya mengambil matapelajaran pengajian Tionghua di Universiti Malaya.

Walau bagaimanapun bagi guru-guru yang membuat pengkhususan dua matapelajaran, dengan izin, double major, jika mereka mengambil pengajian Tionghua sebagai salah satu matapelajaran pengkhususan bersama-sama

satu matapelajaran lain yang termasuk di dalam senarai yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran, cuti separuh gaji mereka adalah diteruskan. Dengan cara ini kekurangan guru bahasa Cina di Sekolah-sekolah Menengah dapat dikurangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Shuaib bin Lazim.

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, Soalan No.14.

### ZAKAT DAN FITRAH - PERBEZAAN

**14. Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom** (*di bawah S. O. 23 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa masalah-masalah pentadbiran Agama seperti zakat dan fitrah adalah tidak begitu memuaskan iaitu kadarnya berbeza dari satu negeri ke satu negeri dan memandangkan Agama Islam sebagai Agama rasmi negara, sama ada beliau akan menaikkan taraf Bahagian Agama di Jabatan Perdana Menteri sama tarafnya dengan Jabatan-jabatan Persekutuan yang lain dan melantik seorang Menteri Penuh khas untuk mentadbirkan masalah Agama.

**Dato Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor:** Tuan Yang di-Pertua, kadar penetapan bayaran zakat dan fitrah di negara ini ditentukan oleh pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam negeri-negeri atas nasihat Majlis Agama Islam di negeri-negeri yang berkenaan.

Kerajaan menyedari memang terdapat perbezaan kadar pembayaran zakat dan Titrah antara sesebuah negeri dengan negeri yang lain dan usaha untuk menyelaraskan kadar pembayarannya sedang dan akan dikemaskinikan dari semasa ke semasa.

Mengenai cadangan menaikkan taraf Bahagian Agama Islam di Jabatan Perdana Menteri sama dengan Jabatan-jabatan Persekutuan yang lain, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mulai 1.1.1984 Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri telah dinaikkan taraf sama dengan Jabatan-jabatan Persekutuan yang lain. Mulai tarikh tersebut peranan di organisasi Bahagian itu telah disusun

semula dan bilangan perjawatannya ditambah dan dinaikkan grednya. Bahagian ini kini dinamakan Bahagian Hal Ehwal Islam.

**Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu, adakah Kerajaan berhasrat untuk menyelaraskan pentadbiran agama di seluruh negara? Terima kasih.

**Dato Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor:** Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha penyelarasan memang sedang berjalan pada masa ini kerana kita mempunyai beberapa Jawatankuasa yang telahpun ditubuhkan, di antaranya ialah Jawatankuasa yang dianggotai oleh Pengarah-pengarah dan juga Pengerusi-pengerusi Majlis-majlis Agama seluruh negeri di Malaysia dan Jawatankuasa Muzakarah Muf-ti-mufti dan juga sebuah majlis yang telah ditubuhkan iaitu Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam yang semuanya adalah bertugas untuk menyelaraskan kegiatan-kegiatan Islam di negara kita.

#### MARDI — PENYELIDIKAN BUAH-BUAHAN

**15. Tuan Mohd. Noor bin Bedah** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) kejayaan yang dicapai oleh MARDI atas penyelidikan benih buah-buahan tempatan, seperti cempedak, mempe-lam, langsung, jambu, ciku, rambai dan lain-lain;
- (b) jumlah petani yang menanam benih buah-buahan tersebut dan luas kawasan tanah yang dimajukan; dan
- (c) langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan daya pengeluaran serta pendapatan tambahan kepada petani-petani melalui tanaman buah-buahan tersebut.

**Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhut Wan):** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan:

- (a) Penyelidikan yang dijalankan terhadap tanaman buah-buahan di MARDI ditumpukan terhadap 16 jenis buah-buahan tempatan yang telah

dikenalpasti oleh Kementerian Pertanian. Pembangunan teknologi adalah ditumpukan ke arah mewujudkan satu sistem pengeluaran buah-buahan tempatan untuk keperluan negara dan juga untuk eksport. Beberapa kejayaan telah dicapai terhadap beberapa jenis buah-buahan yang telah dikenalpasti seperti penemuan terhadap beberapa jenis pisang yang mampu untuk ditanam secara besar-besaran untuk keperluan tempatan dan juga eksport, jenis-jenis seperti Pisang Mas, Pisang Berangan dan Pisang Embun.

Di dalam penyelidikan tanaman nenas, MARDI telah mengisytiharkan jenis Nenas Johor yang mana mempunyai mutu dan hasil yang lebih baik jika dibandingkan dengan nenas jenis Masmerah. Jenis ini sedang diperbiakkan oleh Lembaga Perusahaan Nenas Tanah Melayu untuk disebar kepada para petani.

Kajian terhadap tanaman betik telah menghasilkan satu jenis kacukan di antara jenis tempatan dan Hawaian Solo dan jenis ini mempunyai mutu yang lebih baik jika dibandingkan dari kedua-dua baka. Ianya bukan sahaja mempunyai potensi untuk memenuhi keperluan tempatan tetapi juga untuk dijadikan sebagai bahan eksport.

Beberapa jenis gajus juga telah dikenalpasti. Jenis CII telah diisytiharkan yang mana mampu memberi hasil dan mutu yang tinggi.

Satu lagi jenis tanaman yang baru iaitu Melon Wangi (Musk Melon) telah dikenalpasti. Tanaman ini bukan sahaja boleh diusahakan dengan menanam menerusi sistem tanaman Haidroponik, tetapi ianya juga boleh ditanam di atas beberapa jenis tanah yang terdapat di Pantai Timur Semenanjung.

Pada masa ini kegiatan MARDI telah ditumpukan terhadap pengumpulan dan pemilihan jenis-jenis buah-buahan tempatan seperti mempe-lam, langsung, cempedak, ciku dan lain-lain tanaman buah-buahan yang dijangkakan mempunyai potensi di masa akan datang.

Selam daripada mengenalpasti beberapa jenis buah-buahan, MARDI juga telah mengenalpasti dan mewujudkan sistem pengeluaran

benih secara tampang yang mana boleh meningkatkan masa dan mengurangkan kos pengeluaran bahan-bahan ini. Dengan ini adalah diharapkan pengeluaran benih buah-buahan dapat dipercepatkan dengan kos yang rendah.

Untuk menjawab soalan (b), semenjak tahun 1979 sehingga 1984 luas kawasan yang telah dimajukan dengan tanaman buah-buahan ialah 94,604 hektar dan bilangan petani yang terlibat berjumlah 95,579.

Untuk menjawab soalan (c), langkah-langkah yang diambil ialah:

- (i) membaikpulih dusun-dusun yang sedia ada dengan jenis-jenis yang disyorkan untuk meningkatkan daya pengeluaran dan pendapatan tambahan kepada petani-petani;
- (ii) menggalakkan penanaman buah-buahan sebagai satu perusahaan pertanian yang berdayajaya (viable) melalui penanaman semula dan penanaman baru secara berkelompok;
- (iii) menambahkan kawasan buah-buahan secara besar-besaran dengan membuka kawasan-kawasan baru dan menggantikan tanaman bukan buah-buahan dengan buah-buahan di mana sesuai;
- (iv) pihak swasta juga digalakkan melibatkan diri di dalam perindustrian pengeluaran buah-buahan;
- (v) memperbaiki lagi sistem pemasaran untuk industri ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Abdul Ghani Othman.

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan yang ke 16.

#### DASAR EKONOMI BARU — JURANG PERBEZAAN SOSIO-EKONOMI

**16. Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom** (*di bawah S. O. 23 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan menyedari bahawa jurang pebezaan sosio ekonomi

antara yang berada dan tidak berada dalam masyarakat Melayu makin lama makin meluas; jika aliran ini berterusan, pemisahan menurut taraf sosio ekonomi dalam masyarakat Melayu ini sendiri akan menggugat kestabilan masyarakat Melayu dan Negara; jika sedar, apakah perancangan dan tindakan Kerajaan untuk mengelakkan jurang dan pemisahan itu berterusan dan mencabar pula kesan melaksanakan DEB dan rancangan pembangunan negara.

**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat itu, saya suka menegaskan bahawa perkara jurang perbezaan sosio ekonomi ini sebenarnya terdapat dalam mana-mana masyarakat di dunia ini. Soalnya, sejauh manakah ianya berlaku dan sama ada ia akan terus meningkat.

Di negara kita, jurang perbezaan ini terdapat bukan sahaja di kalangan masyarakat Melayu tetapi juga masyarakat-masyarakat yang lain. Kerajaan sedar perkara ini tetapi tidak dapat menerima pendapat yang mengatakan bahawa jurang di kalangan masyarakat Melayu semakin meluas. Hal ini adalah berdasarkan kepada beberapa faktor.

Pertama, dalam soal pengukuran jurang perbezaan biasanya terdapat masalah konsep dan definasi yang perlu diberi perhatian dengan sewajarnya kerana konsep dan definasi yang berbeza di kalangan orang-orang yang berlainan akan juga memberi fahaman yang berbeza kepada pengguna konsep tersebut. Misalnya, dalam soal mengukur arah aliran perbezaan, terdapat beberapa konsep pengukuran seperti nisbah perbezaan pendapatan (disparity ratio) dan nisbah sesuatu bahagian pendapatan kepada bahagian pendapatan yang lain serta beberapa cara lagi. Tiap-tiap satu konsep ini mungkin boleh memberi kesimpulan yang berlainan.

Kedua, pemilihan dan penggunaan satu-satu konsep itu biasanya bergantung kepada maksud yang hendak disampaikan oleh pengguna yang berkenaan.

Ketiga, di negara kita soal wujudnya jurang perbezaan sosio ekonomi di dalam sesebuah masyarakat seperti masyarakat Melayu perlu

mengambil kira faktor-faktor bukan pendapatan (non-income) seperti bertambahnya kemudahan-kemudahan sosial dan kemudahan asas yang lain seperti pelajaran dan latihan, kesihatan, perhubungan jalan, bekalan air dan elektrik serta pembangunan masyarakat yang kesemuanya mempunyai kesan yang positif terhadap taraf hidup sesebuah masyarakat tersebut. Di samping itu, kita juga harus ingat hakikat bahawa anak-anak peneroka FELDA misalnya telah menikmati pendapatan lebih tinggi daripada pendapatan ibu bapa mereka dan ini juga menunjukkan bahawa mereka telah berjaya meningkatkan kedudukan ekonomi mereka.

Sebagai langkah mengawasi supaya keadaan perbezaan ini tidak menjadi meluas, Kerajaan telah dan sememangnya sentiasa memberi perhatian untuk meningkatkan taraf hidup dan potensi meninggikan pendapatan di kalangan mereka yang dianggap miskin atau kurang berada sama ada di bandar atau di luar bandar. Bagaimanapun, Ahli Yang Berhormat harus sedar bahawa untuk mengatasi soal seperti ini bukanlah menjadi tanggungjawab pihak Kerajaan sahaja. Kalau rakyat atau mana-mana golongan masyarakat enggan untuk tampil ke hadapan dan menggunakan peluang-peluang kemudahan yang disediakan, tentulah usaha-usaha untuk merapatkan jurang perbezaan tersebut menjadi lebih sukar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan ketika ini sedang mengkaji perkembangan selanjutnya aspek-aspek yang berkaitan dengan Dasar Ekonomi Baru dan salah satunya termasuk soal perbezaan pendapatan di kalangan kaum. Ahli Yang Berhormat mungkin berminat untuk mendapatkan laporan selanjutnya apabila Kerajaan mengemukakan dokumen Rancangan Malaysia Kelima di Dewan ini pada penghujung tahun ini atau awal tahun hadapan.

#### ASEAN — PAKATAN TENTERA

**17. Tuan M.G. Pandithan** minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada negara-negara ASEAN akan membuat perjanjian Pakatan Tentera untuk mencegah ancaman Komunis.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha):** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, tujuan pembentukan ASEAN adalah berasaskan kepada hasrat negara-negara anggotanya untuk mencapai pembangunan serantau melalui ikatan ekonomi dan kebudayaan dan bukan ikatan ketenteraan. Dengan dasarnya menjadikan rantau ini satu kawasan aman, bebas dan berkecuali (ZOPFAN), ASEAN tidak ada tujuan untuk membentuk ikatan pertahanan atau ketenteraan. Walau bagaimanapun, kerjasama ketenteraan adalah sentiasa diadakan melalui latihan bersama di antara negara-negara anggota.

#### DOKUMEN TENDER — MENGURANGKAN HARGA

**18. Puan Rokiah binti Zainuddin** minta Menteri Kewangan menyatakan mengapa harga sesuatu dokumen tender begitu tinggi dan tidakkah Kerajaan bercadang hendak mengurangkan harganya.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik):** Tuan Yang di-Pertua, kadar harga bagi sesuatu dokumen tender yang ada sekarang adalah berasaskan kadar-kadar yang ditetapkan mulai 1hb September, 1982. Kadar-kadar tersebut telah ditetapkan setelah diadakan perbincangan-perbincangan dengan semua Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan yang terlibat. Harga-harga ini adalah difikirkan munasabah dan berpatutan oleh kerana sebelum ini tidak terdapat satu kadar yang tetap di mana didapati ada Kementerian-kementerian ataupun Jabatan-jabatan dan juga Juru Perunding yang mengenakan harga yang terlalu tinggi dan tidak seragam.

Oleh kerana harga-harga yang ada sekarang ini difikirkan munasabah dan berpatutan, buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk menurunkan harganya. Walau bagaimanapun, Tuan yang di-Pertua, sekiranya kadar-kadar ini didapati membebaskan kontraktor-kontraktor, khususnya kontraktor-kontraktor kecil, Kementerian Kewangan sanggup mengkaji semula kadar-kadar tersebut.



### KUTIPAN TOL BAGI PENGGUNA LEBUHRAYA

**19. Datuk G. Pasamanickam** minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada Kerajaan menyedari bahawa pengguna-pengguna lebuh-raya bersungut mengenai kutipan tol yang akan dikenakan di seluruh lebuhraya; jika sedar nyatakan sebab-sebab mengapa perlunya kutipan tol ini.

**Dato Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar memang ada di antara pengguna-pengguna lebuhraya yang bersungut mengenai kutipan tol yang sedang dan akan dikenakan di seluruh lebuhraya yang dibina oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia. Saya dapati bahawa sungutan itu adalah berpunca daripada mereka yang tidak mengetahui sebenarnya mengapa kutipan tol itu dikenakan.

Oleh yang demikian, sukalah saya menyatakan bahawa pembinaan lebuhraya-lebuhraya Lembaga Lebuhraya Malaysia adalah dibiayai dari wang yang mana hampir kesemuanya adalah dari pinjaman komersial dan Kerajaan Persekutuan.

Setakat ini Lembaga Lebuhraya Malaysia telah meminjam dan membelanjakan lebih kurang \$1.5,000 juta yang mana bayaran faedah untuk pinjaman jangka panjang bagi tahun 1985 ialah \$86 juta dan untuk pinjaman jangka pendek bayaran balik pinjaman termasuk faedah bagi tahun yang sama ialah \$205 juta. Jumlah kutipan tol dari lebuhraya-lebuhraya yang sekarang dikenakan tol adalah dianggar berjumlah hanya \$42 juta bagi tahun 1985.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu jelaslah di sini bahawa kutipan tol tersebut adalah perlu bukan sahaja untuk membayar balik hutang-piutang yang tersebut di atas tetapi juga untuk menampung kos pengurusan dan penyelenggaraan lebuhraya-lebuhraya itu. Daripada angka kutipan tol yang akan diperolehi adalah jelas didapati bahawa kutipan itu tidaklah mencukupi untuk membiayai tunggakan-tunggakan Lembaga Lebuhraya Malaysia yang ada sekarang ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato K. Kumaran.

**Dato K. Kumaran:** Tuan Yang di-Pertua, soalan No.20.

Sebelum itu, Tuan Yang di-Pertua, dalam baris yang Kedua 'kemudahan-kemudahan elaun Kerajaan', bukan elaun Kerajaan - 'Elaun Keraian (Entertainment Allowance)'.

### ELAUN KERAIAN BAGI PEGAWAI KUMPULAN 'A' TINGKATAN-TERTINGGI

**20. Dato K. Kumaran** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan akan menimbang untuk memansuhkan kemudahan-kemudahan elaun Kerajaan dan elaun perumahan bagi pegawai-pegawai Kerajaan dalam Kumpulan 'A' Tertinggi memandangkan keadaan ekonomi negara yang tidak begitu memuaskan kebelakangan ini; jika ya, biiia dan jika tidak mengapa.

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk memansuhkan Elaun Keraian dan Elaun Perumahan yang dibayar kepada pegawai-pegawai dalam Kumpulan "A" Tingkatan-tertinggi oleh kerana sama ada seperti elaun-elaun lain yang dibayar oleh Kerajaan kepada kakitangannya seperti Elaun Khidmat Awam, Elaun Khas Ukur Sempadan, Elaun Pencegahan Kastam dan sebagainya adalah diwujudkan khusus untuk satu-satu tujuan tertentu bagi meningkatkan kecekapan prestasi dan kelicinan pentadbiran Kerajaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Lim Sean Lean.

**Tuan Loo Swee Mok:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan yang ke 21.

### PERKHIDMATAN AWAM — PROSES PEMILIHAN

**21. Tuan Loo Swee Mok (di bawah S.O.23(2))** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) kriteria yang digunakan dalam proses pemilihan calon-calon yang layak untuk berkhidmat dalam sektor Kerajaan memandangkan bahawa bilangan kaum bukan bumiputera yang kini berkhidmat dalam sektor ini semakin berkurangan.

- (b) kriteria yang telah digunakan sebagai landasan semasa memilih pegawai-pegawai yang kini sedang berkhidmat untuk melanjutkan pelajaran ke institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau ke luar negeri; dan
- (c) berdasarkan kriteria apa pula pegawai-pegawai ini layak dinaikkan pangkat.

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Calon-calun untuk memasuki Perkhidmatan Awam adalah dipilih berdasarkan kepada kelayakan-kelayakan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam skim-skim bagi sesuatu perkhidmatan itu.
- (b) Bagi memilih pegawai-pegawai untuk melanjutkan pelajaran ke institusi-institusi pengajian tinggi pula, kriteria yang digunakan ialah kelulusan, prestasi kerja, sikap dan keperluan latihan pegawai-pegawai yang dipertimbangkan.
- (c) Kriteria yang digunakan bagi kenaikan pangkat adalah seperti yang disebutkan dalam Perintah Am 50, Bab A iaitu di atas kebolehan. Untuk tujuan ini kebolehan seseorang pegawai itu akan ditentukan mengikut satu kecukupan yang ditunjukkan dalam menjalankan tugas-tugasnya. Lain-lain asas termasuk kelulusan serta pengalaman-pengalaman yang sesuai dengan jawatan yang hendak diisi. Apabila beberapa orang pegawai mempunyai kebolehan yang sama, maka faktor kekanan akan diambil sebagai asas penentuan.

#### **RAKYAT MALAYSIA SIMPAN WANG DI LUAR NEGERI**

**22. Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada benar ramai rakyat Malaysia menyimpan wang mereka di luar negara; jika benar tidakkah ini menjejaskan ekonomi negara dan apakah langkah-langkah Kerajaan menggalakkan

rakyat Malaysia menyimpan wang mereka di dalam negara ini.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik):** Tuan Yang di-Pertua, negara kita mengamalkan sistem penukaran asing yang liberal tertakluk kepada tujuan dan jumlah tertentu. Walau bagaimanapun, rakyat Malaysia perlulah mendapat kebenaran Bank Negara untuk membuka akaun di luar negeri,

Sistem bank yang ada di negara kita adalah sofistikated dan dapat memberi perkhidmatan bank yang moden untuk memenuhi semua keperluan urusan perdagangan, perniagaan di peringkat antarabangsa. Oleh itu, tidak ada sebab rakyat negara kita ini perlu menyimpan wang di luar negeri untuk menjalankan urusan perdagangan dan perniagaan mereka.

Sehingga ini jumlah akaun yang dibuka oleh warganegara kita di luar negeri adalah kecil berbanding dengan akaun yang dibuka di dalam negeri. Tambahan pula akaun-akaun yang dibuka di luar negeri ini sebahagian besarnya adalah oleh pelajar-pelajar dan pekerja-pekerja Malaysia di luar negeri. Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa mengawasi keadaan aliran keluar dan masuk wang bagi tujuan mengawal kedudukan sistem wang dan bank di negara ini berada di dalam keadaan yang sihat.

Kedudukan, kekukuhan dan kestabilan ekonomi negara adalah berterusan walaupun keadaan pertumbuhan ekonomi dunia masih perlahan. Kekukuhan ekonomi negara kita diakui oleh rakan-rakan perdagangan utama negara dan badan-baan kewangan antarabangsa. Berdasarkan ataupun berasaskan kepada keadaan ini, Tuan Yang di-Pertua, tidaklah ada sebabnya mengapa warganegara kita sendiri harus menyimpan wang di luar negeri.

#### **INTEGRASI KAUM DI SEKOLAH-SEKOLAH**

**23. Tuan Paramjit Singh** minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah positif yang diambil oleh Kerajaan untuk menggalakkan integrasi kaum di sekolah-sekolah terutama sekali di sekolah-sekolah rendah.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Dr. Ling Liong Sik):** Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang Kementerian Pelajaran sedang merangka satu program kegiatan pendidikan antara sekolah-sekolah berhampiran yang bertujuan untuk meningkatkan integrasi murid-murid daripada berbagai kaum. Konsep program ini lebih menekankan usaha kerjasama dalam kegiatan-kegiatan kurikulum, ko-kurikulum, perkongsian, pengalaman dan kepakaran serta penggunaan bersama, kemudahan dan peralatan sekolah. Buat permulaannya program ini akan dilaksanakan di beberapa buah sekolah percubaan di seluruh negara.

#### PENYAKIT KUKU DAN MULUT

**24. Tuan A. Shaik Dawood** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada Kementerian beliau mempunyai langkah-langkah pencegahan jangka panjang untuk menghindar penyakit kuku dan mulut yang menyerang temakan terutama di Semenanjung Malaysia/Thai.

**Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhut Wan):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian adalah mempunyai langkah-langkah pencegahan menjauhi penyakit kuku dan mulut. Langkah-langkah ini termasuklah:

- (1) Menjalankan suntikan pelalian tiap-tiap tahun.
- (2) Menjalankan usaha-usaha kawalan penyakit (disease surveillance), dengan izin.
- (3) Mempastikan peraturan import dipatuhi.
- (4) Membuat kawalan terhadap pemindahan ternakan dari satu kawasan ke satu kawasan.
- (5) Memberi penerangan dan mendapat kerjasama dari penternak.
- (6) Memberi kesedaran tentang bahaya penyakit ini melalui media massa.
- (7) Mendapat kerjasama Kerajaan Thai.

Semua tindakan ini hanya akan mengurangkan risiko wabak penyakit dan tidak ada jaminan 100% penyakit ini dapat dihindar sama sekali.

#### KOPERASI PINJAM MEMINJAM — MEMINDA PERATURAN

**25. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada Kementerian telah membenarkan Koperasi Pinjam Meminjam yang dianggotai oleh orang Islam meminda Peraturan Koperasi tersebut sesuai dengan dasar pinjaman yang diatur oleh Islam.

**Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar memang membenarkan Koperasi pinjam meminjam yang di anggotai oleh orang-orang Islam untuk meminda Peraturan Undang-undang Kecil Koperasi tersebut sesuai dengan dasar pinjaman yang diatur oleh Islam akan tetapi setakat ini belum ada Koperasi yang telah membuat pindaan sedemikian.

#### PENGAJAR SAMBILAN DI UNIVERSITI-UNIVERSITI TEMPATAN

**26. Puan Hasanah binti Mohd. Kassim** minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan tenaga pengajar sambilan di tiap-tiap universiti yang ada di negara kita.

**Date' Dr. Ling Liong Sik:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini universiti-universiti tempatan masih dalam proses mengisi jawatan-jawatan kosong di Jabatan-jabatan dan Fakulti-fakulti yang berkenaan. Dan oleh itu maklumat yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat tidak dapat diberi sekarang.

Walau bagaimanapun, bilangan tenaga pengajar sambilan yang bertugas di unwersiti-universiti tempatan adalah lebih kurang 10% daripada tenaga pengajar yang ada.

**Puan Hasanah binti Mohd. Kassim:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Daripada seramai mana yang dikehendaki dengan 10%.

**Dato' Dr. Ling Liong Sik:** Saya percaya ini 10% daripada jumlahnya 1,400 orang lebih.

### KELAB BELIA — AKTIVITI

**27. Dato Kamaruzaman bin Ahmad** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada beliau berpuashati dengan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh kelab belia di seluruh negara dan nyatakan langkah-langkah yang beliau akan ambil untuk menggalakkan kelab-kelab belia tersebut supaya lebih aktif lagi.

**Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Dr. Sulaiman bin Haji Daud):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan berpuas hati dengan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh kelab-kelab belia di seluruh negara.

Walau bagaimanapun, aktiviti-aktiviti ini boleh dan harus dipertingkatkan lagi bagi membolehkan semua ahli kelab-kelab belia memainkan peranan mereka dalam pembangunan diri, masyarakat dan negara amnya.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan merancang dan mengendalikan berbagai program sebagai langkah menggalakkan kelab-kelab belia lebih aktif lagi. Program-program ini termasuk mengadakan latihan-latihan, kursus-kursus, bengkel-bengkel kepimpinan, khemah kerja-khemah kerja dan sebagainya melalui aktiviti-aktiviti latihan dan bimbingan belia, pergerakan belia perpaduan dan pembangunan ekonomi belia.

Anugerah Kurnia Belia Jaya merupakan satu rancangan tahunan bagi maksud menggalakkan kelab-kelab belia bergiat lebih cergas lagi dalam lapangan pembangunan sosio ekonomi.

Kementerian ini juga memperuntukkan perkhidmatan bantuan kewangan untuk membiayai pentadbiran dan projek-projek pertubuhan di peringkat kebangsaan, peringkat negeri, daerah dan kelab-kelab bagi tujuan menggalak dan memperbanyakkan rancangan dijalankan di semua peringkat pertubuhan.

Pegawai-pegawai Kementerian di peringkat pusat, di peringkat negeri dan daerah adalah terlibat secara langsung dalam menyelia, menasihati perjalanan kelab-kelab belia di semua

peringkat pertubuhan. Penyeliaan adalah melalui mesyuarat-mesyuarat, majlis dialog, ceramah, perjumpaan dan lain-lain rancangan yang dikelolakan dari semasa ke semasa.

Kementerian saya sentiasa menilai dan mengkaji program-program yang dilaksanakan bagi meningkatkan prestasi dan kejayaan program-program yang dilaksanakan. Di samping itu program-program baru diperkenal dan diwujudkan untuk mengaktifkan lagi kelab-kelab belia di seluruh negara.

**Tuan Fadzil bin Mahmood:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bahawa sekarang ini kelab-kelab belia yang aktif dalam negara kita ini ialah kelab-kelab belia yang terdiri daripada orang-orang Melayu tetapi bukan kelab-kelab belia yang terdiri daripada bukan Melayu.

Setakat hari ini berapa ramaikah kelab-kelab belia yang bukan daripada orang Melayu dan berapakah yang daripada orang Melayu.

**Datuk Dr. Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soal ini menghendaki satu statistik, saya mohon notis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

*Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 28 hingga 58 adalah diberi di bawah ini.*

### PERBADANAN KEMAJUAN KRAETANGAN MALAYSIA— KEMAJUAN

**28. Tuan Haji Shahrom bin Haji Maasom** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan, sejak Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (PKKM) ditubuhkan, nyatakan kemajuan yang telah dicapai dan kerumitan yang dihadapi oleh Perbadanan ini.

**Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid:** Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia telah ditubuhkan pada 1 hb. Oktober, 1979 di bawah Akta 222, Akta Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia. Di antara kemajuan yang telah dicapai oleh Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia selaras dengan konsep dan objektif penubuhannya termasuklah:

#### Latihan

Sepanjang tahun 1979 hingga 1985, seramai 1,051 belia/beliawanis telah diambil untuk mengikuti latihan kemahiran asas. Jangkamasa ialah 1½ tahun.

#### Dayacipta

Program ini memberi tumpuan utama dalam memajukan rekaan yang bermutu dengan pembaharuan mengikut kehendak pasaran juga aktiviti penyelidikan. Sehingga Jun 1985 sejumlah 3664 rekaan telah dihasilkan di mana sejumlah 3616 telah dijadikan barangan contoh. Tumpuan juga diberikan kepada ujian-ujian berkaitan teknik pengeluaran, pengawetan, penggunaan bahan-bahan mentah baru, teknik memproses bahan dan kombinasi pewarnaan seperti hasil-hasil rimba seperti kercut, menerong, tali ribu-ribu dan kelopak batang pisang untuk perusahaan anyaman.

#### Galakan Dagangan

Melalui usaha promosi di dalam dan di luar negeri, rekaan dan reka bentuk hasil-hasil kraftangan tempatan, penggunaan bahan mentah tempatan, campuran dan menguji peluang-peluang pasaran terbuka telah mendapat perhatian. Perbadanan juga telah dapat membekalkan bahan mentah seperti perak, benang sutera, kain putih, kayu, barang-barang beramik dan ubat-ubat celupan kepada pengusaha dengan harga yang berpatutan dan memberi kemudahan kredit. Sejak tahun 1981, lebih kurang 529 orang pengusaha telah mendapat kemudahan melalui skim bekalan bahan mentah ini.

#### Pengeluaran

Sebanyak 13 buah bengkel pengeluaran yang tersusun telah diwujudkan termasuklah 2 buah Pusat Gunasama. Bengkel-bengkel ini dilengkapi dengan kemudahan jentera dan mesin ringan serta alat ketukangan. Perbadanan juga memberi khidmat bimbingan kepada pengusaha di dalam bentuk maklumat pasaran, pengguna mesin, teknik pengeluaran rekacorak baru dan membuat resepi pewarnaan. Pemeliharaan dan pemulihan kraf-kraf yang hampir luput melalui kerja-kerja mendokumentasi kraftangan tepuk, ikat dan tekat-menekat juga dibuat oleh Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia.

Di samping itu, Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (PKKM) juga dapat membantu pasaran yang dijalankan oleh dua agensi iaitu:

- (i) Syarikat Pemasaran Karyaneka.
- (ii) Batik Malaysia Berhad.

Nilai jualan tahunan Syarikat Pemasaran Karyaneka Sdn. Bhd dan Batik Malaysia Berhad boleh dijadikan ukuran terhadap usaha-usaha yang telah dibuat oleh Perbadanan.

	1984	1985 (sehingga Jun)
	M\$	M\$
Syarikat Pemasaran Karyaneka Sdn.Bhd., Batek Malaysia Bhd.	1,794,761.88	897,328.92
	8,615,869.00	4,144,819.20

#### Kerumitan yang dihadapi

Di dalam melaksanakan program/aktiviti, Perbadanan dapat mengesan 3 masalah utama seperti berikut:

##### 1. Maklumat Pasaran

Ketiadaan atau kesukaran untuk mendapatkan maklumat-maklumat pasaran menjejaskan hasil hasil rekaan yang dapat dikeluarkan.

## 2. **Kepakaran**

Menghadapi kekurangan tenaga kepakaran khususnya yang berkaitan dengan teknik pengeluaran yang mana dengan adanya tenaga pakar, dapat membantu Perbadanan dalam membimbing pengusaha ke arah meningkatkan pengeluaran.

## 3. **Masalah Pengeluaran**

Pengeluaran menghadapi masalah dalam mendapatkan pengeluaran yang berterusan, bermutu dan harga yang berpatutan.

Bagi mengatasi masalah pemasaran dan teknikal, Perbadanan telah dan sedang berusaha mendapatkan bantuan tenaga kepakaran bagi jangka panjang dan pendek daripada agensi-agensi antarabangsa melalui Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Unit Perancang Ekonomi dan juga secara persendirian.

### **RUMAH KOS RENDAH BAGI PEMAJU PERUMAHAN**

**29. Tuan Mohd. Yusof bin Kassim** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ramai pemaju perumahan mengalami kesukaran dalam industri perumahan dan jika sedar nyatakan tindakan positif beliau akan ambil untuk membantu dan menggalakan lebih ramai pemaju perumahan mendirikan rumah-rumah kos rendah demi untuk menjayakan Dasar Ekonomi Baru.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato S. Subramaniam):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya memang menyedari bahawa ramai di antara pemaju perumahan pada masa kini menghadapi kesukaran dalam memajukan industri perumahan di negara ini. Keadaan ini berpunca daripada berbagai masalah yang timbul ekoran daripada kemelesetan ekonomi dunia yang melanda negara sejak permulaan tempoh Rancangan Malaysia Keempat lagi. Kemelesetan ekonomi dunia juga bukan sahaja telah menjejaskan pertumbuhan sektor perumahan

di negara ini tetapi juga sektor-sektor ekonomi yang lain pada keseluruhannya.

Dalam menyedari hakikat ini, Kerajaan telahpun merangka langkah-langkah positif untuk membantu dan menggalakan lebih ramai pemaju perumahan mendirikan rumah-rumah kos rendah bagi menjayakan pencapaian Dasar Ekonomi Baru. Antara langkah-langkah positif yang telah/akan diambil oleh Kerajaan adalah seperti berikut:

- (i) Kerajaan telahpun memperkenalkan Skim Pinjaman Khas Perumahan bagi membantu golongan yang berpendapatan sederhana dan rendah membiayai pembelian rumah mengikut kemampuan masing-masing dengan kadar faedah 10% setahun bagi pinjaman pembelian rumah yang berharga Kurang daripada \$60,000 seunit dan 11% setahun bagi pinjaman pembelian rumah yang berharga diantara \$60,000 - \$1,000,000 seunit.
- (ii) Kerajaan telah meluluskan pemakaian Undang-undang Kecil Bangunan yang seragam 1984 (UBBL) untuk memudahkan dan menyeragamkan peraturan pembinaan perumahan di seluruh negara.
- (iii) Melalui Majlis Tanah Negara, Kerajaan telahpun mengarahkan semua Kerajaan Negeri supaya permohonan tanah, tukar syarat dan pecah sempadan tanah dikemukakan untuk pertimbangan Kerajaan Negeri dalam tempoh tiga bulan dari tarikh permohonan diterima.
- (iv) Kerajaan akan terus mengambil langkah-langkah perlu untuk mengswastakan projek-projek perumahan awam kos rendah diseluruh negara.
- (v) Kerajaan akan terus menyediakan dengan lebih banyak lagi rekabentuk pelan-pelan seragam bagi rumah-rumah kos rendah yang boleh diterima pakai di peringkat Negeri/Penguasa-penguasa Tempatan. Disamping itu, Kerajaan juga akan menyediakan beberapa jenis pelan seragam bagi rumah kos sederhana untuk pemakaian umum.

- (vi) Sebagai langkah masa panjang Kerajaan akan memperkenalkan secara berperingkat penggunaan sistem 'Modular Coordination' untuk membolehkan pembinaan perumahan dibuat secara lebih efisien dan sistematik.

#### PEGAWAI LUAR DI PEJABAT PERDAGANGAN MALAYSIA

**30. Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan peratusan wakil perdagangan dan pegawai luar Kementeriannya ketika ini yang berkelulusan ijazah dalam bidang ekonomi perdagangan dan perniagaan yang berupaya melaksanakan dasar Kerajaan meningkatkan kerjasama perdagangan dengan negara-negara lain.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj):** Sebanyak 53% daripada pegawai-pegawai di Pejabat Perdagangan Malaysia di luar negeri adalah berkelulusan ijazah dalam bidang ekonomi, perdagangan dan perniagaan.

Untuk makluman Yang Berhormat semua pegawai-pegawai di luar negeri telah berkhidmat di Bahagian Perdagangan Antarabangsa selama satu jangkamasa yang mencukupi bagi mendapatkan pengalaman dan latihan yang perlu berkaitan dengan tugas-tugas yang dijalankan di luar negeri. Saya penuh yakin dengan pengalaman dan latihan tersebut mereka berupaya melaksanakan dasar Kerajaan untuk meningkatkan kerjasama perdagangan dengan negara-negara lain.

Saya penuh yakin dengan pengalaman dan latihan tersebut mereka berupaya melaksanakan dasar Kerajaan untuk meningkatkan kerjasama perdagangan dengan negara-negara lain.

#### PENAGIH/PENGEDAR DADAH - TANGKAPAN

**31. Tuan Hassan bin Nam** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan penagih-penagih dan orang-orang lain yang terlibat dengan dadah yang telah ditangkap sejak Akta

Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1984 dikuatkuasakan pada 30.5.85.

2.8.85

**7. Puan Habibah binti Abdul Ghani** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan selepas Akta Dadah Berbahaya diluluskan, jumlah pengedar-pengedar yang telah dapat dikesan dan ditangkap dan dihukum di bawah Akta tersebut.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Saya memohon izin untuk menjawab soalan Yang Berhormat Tuan Hassan bin Nam dan soalan dari Yang Berhormat Puan Habibah binti Abdul Ghani pada 2,8.85 sekaligus kerana kedua-dua soalan ini adalah sama.

Untuk makluman kedua-dua Ahli Yang Berhormat, di sini saya nyatakan bahawa setakat ini belum ada tangkapan yang dilakukan ke atas penagih-penagih dan orang-orang yang terlibat dengan dadah di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1984 sejak ia dikuatkuasakan. Walau bagaimanapun, seramai 21 orang tahanan dadah, iaitu 9 orang di Pusat Pemulihan Akhlak Pulau Jerejak dan 12 orang di Pusat Pemulihan Akhlak Muar telah dilanjutkan tempoh-tempoh tahanan mereka bagi tempoh 1 hingga 2 tahun.

#### SKIM ASN - PELANCARAN

**32. Puan Nen Abidah binti Haji Abdullah** minta Perdana Menteri menyatakan sebagaimana yang diketahui bahawa ASN senantiasa berikhtiar bagi meningkatkan dan mempertingkatkan usaha supaya pencapaian yang memuaskan akan dapat diperolehi:

- (a) berapakah nilai pelaburan bersih yang dapat dikumpul dalam tempoh ianya dilancarkan sehingga ke tahun ini;
- (b) pecahan bilangan pelaburan mengikut pekerjaan; dan
- (c) dividen yang telah dikeluarkan kepada pemegang-pemegang saham.

**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:**

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, sejak pelancaran Sekim Amanah Saham Nasional pada bulan April 1981 sehingga 31hb. Mei, 1985, skim ASN telah berjaya mengumpul nilai pelaburan bersih sebanyak \$1,625,912,520.
- (b) Dari segi pecahan bilangan pelabur mengikut pekerjaan pula, didapati penyertaan daripada mereka yang bergaji iaitu dari Kumpulan Pemerintah, Pengurusan dan Iktisas (termasuk pegawai Kerajaan), Kumpulan Pegawai Kerja dan Separa Iktisas, Kumpulan Pekeranian dan Teknik, Kumpulan Kakitangan Rendah dan Buruh, Anggota Tentera, Anggota Polis dan Guru adalah seramai 767,008 orang pelabur dengan peratus penyertaan berjumlah 43.76% daripada jumlah keseluruhan yang melabur, seramai 1,752,448 orang. Bagi Kumpulan Petani, Nelayan dan Peneroka adalah seramai 383,533 orang pelabur dengan peratus penyertaan berjumlah 21.88%. Bagi Kumpulan Peniaga dan Bekerja Sendiri pula bilangan penyertaan adalah seramai 127,201 orang pelabur dengan peratus penyertaan berjumlah 7.25%. Bagi golongan Suri Rumah Tangga bilangan penyertaan adalah seramai 300,603 orang pelabur dengan peratus penyertaan berjumlah 17.15%. Bagi lain-lain Kumpulan pula seperti Pelajar, Pesara, Penganggur dan lain-lain adalah seramai 174,103 orang pelabur dengan peratus penyertaan berjumlah 9.93%.
- (c) Sejak pelancaran Sekim Amanah Saham Nasional sehingga Disember 1984, Sekim Amanah Saham Nasional telah mengeluarkan dividen dan bonus sebanyak 73.2% dengan nilai bayaran berjumlah \$569.3 juta.

**BAYARAN GAJI/PENCEN  
KAKITANGAN KERAJAAN**

**33. Puan Sri Datin Janaki Athi Nahappan** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah tindakan yang akan diambil untuk meringankan

beban kewangan yang dihadapi oleh Kerajaan sekarang untuk membayar gaji dan pencen kepada kakitangan Kerajaan, badan-badan berkanun dan penguasa-penguasa tempatan.

**Dato Dr Tan Tiong Hong:** Tindakan yang sedang dan yang terus akan diambil untuk meringankan beban kewangan yang dihadapi oleh Kerajaan sekarang untuk membayar gaji dan pencen kepada kakitangan Kerajaan, badan-badan berkanun dan penguasa-penguasa tempatan ialah:

- (i) membekukan pengwujudan jawatan-jawatan baru;
- (ii) membekukan pengisian jawatan-jawatan kosong;
- (iii) mengurangkan tenaga kerja yang difikirkan tidak perlu;
- (iv) menyusun semula tugas-tugas jawatan-jawatan bagi melaksanakan tugas-tugas jawatan-jawatan yang kosong;
- (v) menswastakan perkhidmatan-perkhidmatan tertentu kerajaan.

**JEMAAH HAJI DI TANAH  
SUCI — TABUNG HAJI**

**34. Tuan Haji Shuaib bin Lazim** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Jemaah-jemaah Haji yang pernah menunaikan Fardhu Haji dahulu tetapi bagi kali kedua bercadang hendak pergi menunaikan Fardhu Haji melalui Syarikat-syarikat Swasta dan tidak melalui Tabung Haji dan jika sedar sama ada perkara ini menunjukkan kelemahan perkhidmatan Tabung Haji atau perkhidmatan yang lebih baik diberikan oleh Syarikat-syarikat Swasta; dan jika sedar nyatakan sama ada beliau akan mengkaji atau merombak semula pentadbiran Tabung Haji agar keutamaan diberi kepada aktiviti-aktiviti perkhidmatan bagi Jemaah Haji di Tanah Suci dan bukannya untuk memajukan perniagaan dan pelaburan seperti yang berlaku sekarang dengan Bangunan Tabung Haji yang besar, tinggi dan mahal.

**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:** Adalah tidak tepat jika dikatakan bahawa ramai Jemaah Haji yang hendak menunaikan Fardhu Haji



buat kali kedua mahu menguruskannya melalui Syarikat-syarikat Swasta kononnya kerana perkhidmatan mereka lebih baik dari perkhidmatan Tabung Haji. Bilangan yang pergi bagi kali kedua di dapati tidak banyak, ditaksirkan kadarnya lebih kurang 1% daripada jumlah bakal haji tiap-tiap tahun; dan di antara mereka ada yang pergi melalui Tabung Haji sementara yang lain secara bersendirian mungkin kerana ada urusan rasmi atau urusan perniagaan di luar negeri sebelum atau selepas musim haji.

Kerajaan tidak bercadang untuk merombak semula pentadbiran Tabung Haji pada masa ini oleh kerana aktiviti yang dijalankan oleh Tabung Haji bagi menyediakan perkhidmatan untuk dan kepada Jemaah Haji senantiasa diberi keutamaan, dipertingkatkan dan menepati tujuan-tujuan penubuhannya. Apa-apa aktiviti perniagaan dan pelaburan yang dijalankan oleh Tabung Haji tidak menjejaskan perkhidmatan Hajinya. Sebaliknya jika aktiviti-aktiviti tersebut bertambah maju, keuntungan yang diperolehi darinya akan dapat digunakan untuk menambah dan memperbaiki lagi perkhidmatan Hajinya itu.

#### PERINTAH AM — TINDAKAN KAKITANGAN KERAJAAN

**35. Tuan Mohd. Noor bin Bedah** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa tindakan tatatertib ke atas pegawai-pegawai dan kakitangan awam masih tidak dilaksanakan bersungguh-sungguh terhadap mereka yang melanggar Perintah Am dan nyatakan dalam tahun 1983 dan 1984 jumlah mereka yang dikenakan tindakan, serta langkah-langkah yang diambil bagi memastikan mereka dapat berkhidmat dengan sebaik-baiknya, selaras dengan cita-cita 'Bersih, Cekap dan Amanah'.

**Dato<sup>1</sup> Mohamed Khalil bin Yaakob:**

- (1) Kerajaan senantiasa mengambil tindakan ke atas pegawai awam yang melanggar tatakelakuan dan tata tertib seperti di Perintah Am Bab 'D'.
- (ii) Dalam tahun 1983 seramai 1,786 orang pegawai awam persekutuan

dalam semua Kumpulan telah diambil tindakan tatatertib, dan pada tahun 1984 jumlahnya berkurangan kepada 971 orang.

- (iii) Langkah-langkah yang diambil bagi memastikan kawalan tatertib yang berkesan ialah dengan mengadakan bengkel dan panduan penyelenggaraan tindakan tatatertib bagi meningkatkan kemahiran pegawai-pegawai yang bertanggungjawab mengelolakan urusan tatatertib.

#### PENCEMARAN BUNYI BISING

**36. Dato Haji Zakaria bin Haji Yahya** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar tentang data-data dan perangkaan yang dikeluarkan oleh Persatuan Alam Sekitar yang menyebut bahawa lebih dari 50% rakyat Malaysia yang tinggal di bandar-bandar menghadapi risiko rosak pendengaran kerana didedahkan kepada bunyi yang melampaui paras selamat; jika ya, tindakan Kementerian beliau akan ambil bagi mengatasi perkara itu.

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze):** Saya sedar tentang kenyataan akhbar oleh Persatuan Perlindungan Alam Sekitar pada bulan Jun yang mengenai masalah pencemaran bunyi bising yang dihadapi oleh rakyat Malaysia yang tinggal di bandar-bandar. Jabatan Alam Sekitar di bawah Kementerian saya ada menjalankan kajian mengukur paras bunyi bising di kawasan-kawasan bandar besar, perumahan dan perindustrian di seluruh negara. Punca-punca utama masalah bunyi bising di bandar-bandar ialah lalu lintas atau kenderaan dan tempat-tempat perdagangan. Mengikut data-data yang diperolehi, paras bunyi bising di pusat-pusat bandar besar adalah melebihi paras yang disyorkan oleh Kesatuan Kesihatan Sedunia. Walau bagaimanapun, kajian mengenai risiko rosak pendengaran oleh bunyi bising belum dijalankan. Dalam pada itu, saya tidak dapat menyatakan bahawa 50% daripada penduduk bandar menghadapi risiko itu.

## SIMPANAN RASMI BERSIH KERAJAAN

**37. Toh Muda Dr. Abdullah Fadzil Che Wan** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah wang simpanan negara bagi tempoh masa sepuluh tahun yang lepas dan sama ada Kerajaan berpuashati dengan jumlah ini, dan sama ada Kerajaan berhasrat untuk menggunakan simpanan bagi mengurangkan bebanan tekanan ekonomi sekarang ini.

**Dato Dr Tan Tiong Hong:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah cadangan atau simpanan rasmi bersih Kerajaan dalam tempoh sepuluh tahun yang lepas telah meningkat dengan nyata daripada \$3,892 juta dalam tahun 1974 kepada \$10,503 juta pada akhir tahun 1984, iaitu satu pertambahan bersih sebanyak \$6,611 juta. Pertambahan dalam cadangan ini mencerminkan terutamanya perubahan yang baik dalam lebihan akaun dagangan dan aliran masuk modal yang berterusan.

Dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini simpanan rasmi bersih Kerajaan berjumlah kira-kira \$11,290.9 juta. Jumlah ini adalah cukup untuk membiayai import bertanggung semasa selama lebih dari tiap bulan setengah. Ini adalah satu tahap simpanan rasmi yang memuaskan kerana andainya Kerajaan tidak mempunyai apa-apa pendapatan dalam tiga bulan setengah ini Kerajaan masih berupaya untuk membiayai importnya pada kadar import sekarang.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan sentiasa berusaha mengukuhkan ekonomi dan mengurangkan kesan-kesan kemerosotan ekonomi dunia ke atas ekonomi Malaysia. Ini termasuk langkah terbaru Kerajaan seperti meningkatkan pertumbuhan ekonomi dalam negeri dengan menggalakkan rakyat Malaysia membeli barangan buatan tempatan, mengurangkan kadar faedah untuk menggalakkan pelaburan dan mengadakan garis panduan baru ekuiti pelabur untuk menarik lebih banyak pelaburan asing. Langkah-langkah baru ini adalah perlu kerana negara kita sentiasa bersaing terutamanya dalam negara-negara jiran untuk menarik pelaburan baik dari dalam negeri mahupun dari luar negeri.

Pada masa sekarang tindakan-tindakan yang diambil ini adalah dijangka dapat mengukuhkan lagi pembangunan ekonomi negara. Kedudukan ekonomi negara adalah sihat dan stabil. Oleh itu Kerajaan tidaklah bercadang menggunakan simpanan negara untuk mengurangkan tekanan ekonomi sekarang.

## HUTANG KERAJAAN PERSEKUTUAN

**38. Toh Muda Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan** minta Menteri Kewangan menyatakan berapa banyakkah hutang negara setakat ini dibandingkan dengan tahun-tahun lepas; berapa banyakkah jumlah faedah yang kena dibayar bagi tahun-tahun yang berkenaan dan sama ada Kerajaan menghadapi masalah untuk membayar balik hutang-hutang ini serta menervis faedah-faedah ini.

**Dato Dr Tan Tiong Hong:** Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan sehingga 30hb. Jun, 1985 adalah dianggarkan sebanyak \$54,406 juta dan jumlah faedah yang dijangka akan dibayar pada tahun 1985 ini adalah sebanyak \$4.743 juta. Jika dibandingkan dengan tahun-tahun lepas, maka kedudukannya adalah seperti berikut:

	1981	1982	1983	1984	1985
Jumlah Hutang (\$ Juta)	30,579	41,132	50,764	57,664	54,406
Bayaran Faedah (\$ Juta)	2,034	2,762	3,479	4,331	4,743

Kerajaan tidak menghadapi masalah dalam membayar balik hutang serta faedah bagi pinjaman-pinjaman yang telah diperolehi sehingga ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa berwaspada di dalam menguruskan pinjaman yang diperolehi dan memastikan bahawa pembayaran balik hutang ini adalah dibuat mengikut jadualnya.

## PENDATANG HARAM INDONESIA DI LADANG-LADANG

**39. Tuan M.G. Pandithan** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kemasukan pendatang haram Indonesia mengancam kedudukan pekerja-pekerja Malaysia di ladang-ladang; jika ya, nyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi situasi ini.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Kementerian Dalam Negeri tidak sedar bahawa pendatang haram dari Indonesia bekerja di ladang-ladang di negara ini. Perbuatan seperti ini adalah menyalahi undang-undang dan pihak Kementerian akan mengesan mana-mana warganegara asing yang memasuki negara ini secara haram atau bekerja di negara ini tanpa mendapat Pas Kerja yang sah. Mereka yang terlibat akan ditangkap, didakwa dan diusir dari negara ini, tanpa mengira negara asal mereka.

#### PENDATANG HARAM DIHANTAR BALIK

**40. Tuan M.G.Pandithan** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah pendatang haram yang telah dihantar balik ke negara masing-masing dan sebutkan bilangannya mengikut negara, dalam tahun 1984 dan nyatakan juga jumlah pendatang haram ini yang masih ada di Malaysia.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Dalam tahun 1984, seramai 10,896 pendatang haram telah dihantar balik ke negara asal masing-masing seperti berikut:-

Bangladesh	—	99
Burma	—	985
Filipina	—	1
Indonesia	—	6847
India	—	60
Kambodia	—	11
Nepal	—	4
Pakistan	—	50
Singapura	—	47
Taiwan	—	4
Thailand	—	2967
Vietnam	—	3
Lain-lain	—	23

Jumlah pendatang haram yang masih berada di negara ini ialah 734 dan mereka sedang menunggu masa untuk diusir ke negara asal mereka.

#### HARGA NENAS

**41. Puan Rokiah binti Zainuddin** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa harga nenas sekarang mahal berbanding dengan beberapa tahun yang lalu dan tidakkah Kementerian Pertanian bercadang hendak mengkaji dengan kerjasama MARDI tempat-tempat yang sesuai ditanam nenas secara besar-besaran luar daripada negeri Johor, bagi mengatasi masalah harga nenas yang tinggi sekarang.

**Tuan Luhut Wan:** Dari perbandingan harga purata tahunan, memang benar harga nenas telah mengalami kenaikan dari setahun ke setahun, tetapi ini adalah sejajar dengan kesan inflasi terhadap bahan-bahan makanan.

Industri nenas di Malaysia pada masa ini wujud khusus untuk pengeksportan, yang mana hampir 93 peratus hasil yang ditinkan dieksport. Di samping itu perusahaan nenas tin di Malaysia adalah unit kerana ianya ditanam di tanah gambut dengan jenis utama Masmeh. Jenis ini didapati amat sesuai ditanam di tanah-tanah gambut yang terdapat dengan luasnya di Negeri Johor. Bekalan nenas untuk tujuan eksport diperolehi daripada pekebun-pekebun kecil dan juga estet. Pada masa ini terdapat 4 kilang nenas di Johor untuk memproseskan nenas tin. Dalam tahun 1984 terdapat 10,680 hektar nenas ditanam untuk tujuan pemerosesan.

Di samping nenas yang ditanam untuk diproseskan bagi tujuan eksport, terdapat juga nenas jenis Mauritius, dan Sarawak yang ditanam khas untuk dimakan segar. Umpamanya di Bandar Baru, Kedah, terdapat hampir 1,000 hektar nenas yang ditanam di tanah gambut dan di Kampong Chalok, Trengganu (hampir 50 hektar) yang ditanam mineral untuk tujuan dimakan segar. Begitu juga terdapat tanaman nenas yang luas di tanah gambut di Selangor iaitu dipersekitaran Kelang dan Tanjong Karang bagi tujuan dimakan segar.

Keputusan untuk menanam nenas dengan lebih luas lagi di luar daripada Negeri Johor memerlukan penelitian dari segi ekonomi. Pada

masa ini, eksport nenas Malaysia hanya merupakan 5-10 peratus daripada eksport nenas dalam dunia. Di samping itu Malaysia menghadapi persaingan daripada negara pengekspor utama yang lain. Namun begitu Kerajaan mempunyai beberapa strategi tertentu untuk meningkatkan lagi eksport nenas negara.

Pada masa ini rancangan sedang dibuat untuk meningkatkan keluasan tanaman nenas di negara ini supaya menjelang tahun 2,000, seluas 40,000 hektar nenas ditanam di Semenanjung 5,000 hektar di Sabah dan 6,000 hektar di Sarawak. Unjuran keluasan ini adalah seperti berikut:-

Unjuran Keluasan Tanaman Nenas  
di Malaysia Menjelang Tahun 2000

	1985	1990	1995	2000
Semenanjung	13,500	19,500	27,863	40,000
Sabah	1,300	1,950	3,000	5,000
Sarawak	1,600	2,500	3,800	6,000

Begitu juga pada masa ini MARDI sedang giat menjalankan kajian nenas jenis dimakan segar di atas tanah mineral. Kajian ini merangkumi aspek penyakit, pembungaan, pembuahan dan penghasilan. Adalah dirasakan perlu keluasan nenas untuk dimakan segar sekarang ini dipertingkatkan. Umpamanya nenas jenis Mauritius dan Sarawak boleh ditanam di kawasan-kawasan tanam semula getah dan kelapa, yang mana hasil nenas boleh didapati dalam masa 3 tahun s belum getah atau kelapa sawit itu membesar.

#### JAMBATAN PULAU PINANG-HASIL

**42. Datuk G. Pasamanickam** minta Menteri Kerja Raya menyatakan jumlah keuntungan hasil yang akan diperolehi setiap tahun melalui Jambatan Pulau Pinang dan berapa lama pula wang sejumlah \$1,200 million ringgit yang telah dibelanjakan bagi pembinaan jambatan itu boleh diperolehi semula.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Lembaga Lebuhraya Malaysia yang akan membelanjakan lebih kurang \$1.2 ribu juta untuk membina Jambatan Pulau Pinang, yang mana akan dibuka kepada lalulintas dalam bulan September

tahun ini, dianggarkan tidak akan mendapat keuntungan daripada hasil kutipan tol yang akan dikenakan. Ini adalah berdasarkan kepada kadar tol yang akan dikenakan itu tidak akan melebihi tambang-tambang feri yang dikenakan oleh Pesuruhjaya Pelabuhan Pulau Pinang (PPC). Berdasarkan kepada kaedah itu, tempuh bayaran balik wang yang sebanyak lebih kurang \$1.2 ribu juta itu adalah melebihi 60 tahun.

#### KERETA PROTON SAGA — SUBSIDI

**43. Datuk G. Pasamanickam** meminta Perdana Menteri sama ada Kerajaan memberi subsidi kepada projek kereta 'PROTON SAGA' dan jika ada nyatakan subsidi yang diberi kepada setiap satu PROTON SAGA.

**Datuk Dr. James P. Ongkili:** Kerajaan akan memberi perlindungan dan bantuan kepada projek-projek yang dianggap perlu dari segi sumbangannya terhadap pembangunan dan kepentingan negara.

Ini adalah bertujuan untuk memberi galakan kepada pertumbuhan dan perkembangan projek-projek sedemikian. Bagi projek kereta nasional, seperti lain-lain projek di bawah kategori ini, Kerajaan akan menimbangkan bantuan dan perlindungan yang diperlukan. Perkara ini sedang di dalam peringkat pengubalan.

#### PESAKIT OTAK — MENSWASTAKAN HOSPITAL

**44. Dato' K. Kumaran** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar pesakit-pesakit otak yang telah dibenarkan pulang (discharge) oleh hospital-hospital otak terdapat merayau di tepi-tepi jalanraya membahayakan diri mereka dan lain-lain lalulintas;
- (b) sebab-sebab berlaku keadaan ini dan apakah langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk mengambil bekas pesakit-pesakit ini;

- (c) sama ada Kerajaan bercadang membina Pusat Pertengahan (Half way centres) diseluruh negara bagi pesakit-pesakit otak untuk mengelakkan perkara tersebut di atas berlaku; dan
- (d) sama ada Kementerian bercadang menswastakan hospital-hospital otak di negara ini dan apakah rancangan pengswastaan hospital-hospital otak di negara ini.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Patmanaban):**

- (a) Sepanjang pengetahuan saya semua pesakit yang telah dikeluarkan dari hospital-hospital perubatan jiwa adalah dalam keadaan baik atau memuaskan dan terkawal, kalau tidak mereka tidak akan dikeluarkan dari hospital-hospital perubatan jiwa.
- (b) Mengenai kes-kes yang mungkin didapati merayau-rayau di tepi-tepi jalan, berkemungkinan mereka ini tidak diuruskan atau dijaga oleh kaum keluarga mereka dengan sempurna, selepas dikeluarkan dari hospital-hospital perubatan jiwa. Ada juga setengah keluarga tidak ingin langsung mengambil tanggungjawab ke atas keadaan pesakit-pesakit jiwa dan mengharapkan pihak Kementerian Kesihatan/Kerajaan menjaga dan menguruskan segala-galanya dan buat selama-lamanya. Bekas-bekas pesakit yang memerlukan ulangan penyakit hendaklah dibawa oleh keluarga ke Hospital Jiwa untuk rawatan semula.
- (c) Kementerian Kesihatan mempunyai kemudahan merawat dan menguruskan pesakit jiwa di Hospital Bahagia, Ulu Kinta dan Hospital Permai, Johor Bahru dan di lain-lain Hospital Besar, serta juga di beberapa Hospital Daerah di seluruh negara. Kementerian bersedia merawat kes-kes apabila diperlukan mengikut keadaan klinikal pesakit-pesakit itu. Di samping itu, pihak Kementerian

inginkan keluarga memberikan kerjasama dan penglibatan dalam pengurusan pesakit-pesakit ini. Di masa akan datang kemudahan rawatan akan diadakan ke hospital-hospital daerah dan pusat rawatan kesihatan juga.

Sebagai strategi jangka panjang, Kementerian Kesihatan mempunyai cadangan untuk mendirikan beberapa pusat harian dan rumah perantaraan.

- (d) Mengikut Mental Disorders Ordinance 1952, segala kemudahan-kemudahan rawatan pesakit-pesakit jiwa dan perkara-perkara yang berkaitan adalah tanggungjawab Kerajaan. Mental Disorders Ordinance 1952 ini sedang dikaji semula dan perhatian akan diberi mengenai pengwujudan hospital swasta untuk rawatan pesakit jiwa.

### IMEJ GURU

**45. Tuan Paramjit Singh** minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah sedang diambil oleh Kerajaan untuk memperbaiki imej profesyen perguruan dan nyatakan juga sama ada Kerajaan akan menimbang untuk mengambil langkah-langkah untuk menentukan supaya guru-guru akan menuruti nilai-nilai tinggi kelakuan dan disiplin.

**Dato Dr. Ling Liong Sik:** Kementerian Pelajaran memang sentiasa berusaha memperbaiki imej perguruan dan menentukan supaya guru-guru mempunyai nilai-nilai kelakuan dan disiplin yang baik. Beberapa langkah telah diambil berhubung dengan perkara ini, iaitu dengan mengeluarkan Etika Profesyen Perguruan untuk menjadi panduan guru-guru. Di samping itu dari masa ke semasa, Pekeliling Ikhtisas dikeluarkan, khususnya mengenai pakaian dan tingkahlaku demi menjaga imej guru.

Dalam aspek profesional pula. Kementerian telah mengadakan kursus dalam perkhidmatan dalam berbagai bidang/disiplin dengan tujuan mempertingkatkan prestasi guru.

Berhubung dengan perkara ini juga, Kementerian sentiasa berikhtiar untuk membaiki syarat-syarat perkhidmatan yang setimpal dengan khidmat guru dari masa ke semasa mengikut kemampuan Kerajaan.

Bagi bakal-bakal guru pula, syarat-syarat kelulusan bagi kemasukan ke Maktab-maktab Perguruan dipertingkatkan. Jangkamasa latihan telah dipanjangkan dari 2 ke 3 tahun. Kegiatan-kegiatan ke arah pembinaan sahsiah yang tinggi adalah digalakkan supaya guru bukan saja menjadi guru bilik darjah yang berkesan tetapi juga boleh menjadi pemimpin masyarakat. Kegiatan-kegiatan yang dimaksudkan itu ialah seperti melibatkan diri dalam kursus-kursus Tatanegara, Kepimpinan Khas, Kursus Membina Semangat dan lain-lain. Di samping itu amalan tingkahlaku yang mulia dan disiplin yang tinggi di kalangan guru-guru pelatih diberikan perhatian yang berat.

#### ORDINAN LALULINTAS JALAN — PINDAAN

**46. Tuan Paramjit Singh** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sebab-sebab Kerajaan mengambil masa yang sangat lama untuk meminda Ordinan Lalulintas Jalan bagi memperuntukkan supaya menghukum pemandu-pemandu lori yang meletak lori-lori mereka di tepi jalan raya.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Puan Hajjah Rahmah binti Othman)** Kementerian Pengangkutan mengambil masa yang agak lama untuk meminda Ordinan Lalulintas Jalan 1958 oleh kerana Ordinan tersebut akan dipinda pada keseluruhannya dan bukannya khusus bagi memperuntukkan supaya menghukum pemandu-pemandu lori yang meletak lori-lori mereka di tepi jalanraya sahaja. Sukalah saya menyatakan bahawa Ordinan Lalulintas Jalan yang sedia ada bukan sahaja akan dipinda pada keseluruhannya, bahkan Ordinan tersebut akan digantikan dengan satu undang-undang baru dalam bentuk Akta. Penggubalan draf Akta baru yang dicadangkan itu telahpun disiapkan dan akan dikemukakan kepada Kerajaan tidak beberapa lama lagi.

Sukalah juga saya memaklumkan bahawa Ordinan Lalulintas Jalan yang sedia ada memang pun mempunyai peruntukan yang menetapkan bahawa adalah menjadi satu kesalahan lalulintasjalan jika pemandu-pemandu lori meletakkan lori-lori mereka di tepi jalan raya dalam keadaan atau di mana ia mengganggu pengguna-pengguna atau lalulintas jalan yang lain. Walau bagaimanapun, setakat ini pihak JPJ tiada mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan ke atas lori-lori yang diletakkan di tepi jalanraya.

#### HOSPITAL BESAR PULAU PINANG — BLOK TAMBAHAN

**47. Tuan A. Shaik Dawood** minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah blok-blok tambahan Hospital Besar Pulau Pinang yang mana kerja-kerja awal telahpun dimulakan dapat disiapkan memandangkan terdapatnya kekurangan katil dan lain-lain kemudahan di Hospital berkenaan.

**Dato' K. Pathmanaban:** Kerja-kerja awal yang telah dimulakan terpaksa dihentikan di peringkat penyiapan kerja-kerja cerucuk (piling) oleh sebab keadaan kewangan negara tidak mengizinkan.

Kementerian Kesihatan telah memohon semula supaya projek ini dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kelima. Permohonan ini masih dalam pertimbangan Kerajaan. Mengikut perancangan Kementerian Kesihatan, pembinaan projek ini telah dtjadualkan bagi tahun 1987.

#### PROJEK PERTANIAN KEPADA BEKAS PENAGIH DADAH

**48. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kementerian akan menganjurkan Rancangan Pertanian dan Ternakan secara kumpulan kepada bekas-bekas penagih dadah yang telah dipulihkan seperti projek Belia Tani dan Belia Niaga.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Kementerian saya sememangnya telah ada melaksanakan projek-projek pertanian dan ternakan secara kumpulan untuk bekas-bekas penagih yang

telah dipulihkan, tetapi projek-projek ini tidaklah dilaksanakan secara besar-besaran. Ini terulang kepada kesesuaian dan minat setiap bekas-bekas penagih dadah dan bergantung kepada sama ada terdapatnya bekas-bekas penagih yang tinggal disesuatu kawasan. Kementerian saya tidaklah mengujudkan sesuatu projek tertentu kemudian memasukkan manamana bekas penagih dadah untuk menjayakan rancangan tersebut, tetapi idea dan minat untuk melaksanakan satu-satu projek sama ada pertanian, ternakan atau perniagaan adalah datang sendiri daripada bekas-bekas penagih berkenaan dimana pihak Kementerian saya akan berusaha membantu bekas-bekas penagih berkenaan dalam persediaan mereka untuk menjayakan projek yang dirancangkan bersama.

Usaha-usaha untuk melaksanakan suatu projek adalah bermula semasa penagih-penagih masih didalam proses pemulihan dimana mereka yang didapati berminat dan mempunyai kemudahan seperti tanah di kampung asal. Mereka yang diberi latihan dibidang yang berkaitan sama ada didalam Pusat sendiri ataupun dihantar untuk mendapat latihan seperti di Pusat Latihan Haiwan. Sebaik sahaja mereka dibebaskan daripada Pusat, mereka akan dibantu untuk mendapat apa-apa kemudahan dari pihak-pihak tertentu bagi menjayakan rancangan tersebut. Pihak kami tidak menggalakkan bekas-bekas penagih tersebut untuk mendapatkan bantuan secara langsung daripada Kementerian ini melainkan apabila sumber-sumber yang diperlukan tidak terdapat di sekitar mereka. Ini adalah untuk mengelakkan bekas-bekas penagih tersebut bergantung terus menerus kepada pihak Kerajaan. Kementerian saya akan berusaha mendapatkan bantuan dari berbagai pihak untuk menjayakan projek bekas penagih berkenaan seperti bantuan harga subsidi daripada Jabatan Haiwan dan-kemudahan kredit dari pembekas makanan haiwan, supaya dengan cara ini bekas-bekas penagih berkenaan akan benar-benar bertanggungjawab untuk menjayakan projek mereka.

#### PENERBANGAN MAS KUALA LUMPUR — BEIJING

**49. Dato Kamaruzaman bin Ahmad** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada

benar bahawa Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) ada rancangan untuk mengadakan penerbangan Kuala Lumpur/Beijing; jika ya, bila akan diadakan dan nyatakan sama ada sektor penerbangan ini akan menguntungkan negara.

**Puan Hajjah Rahmah binti Othman:** Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, perkhidmatan udara dua hala di antara negara-negara biasanya diadakan melalui perjanjian perkhidmatan udara yang dipersetujui oleh Kerajaan-kerajaan yang berkenaan. Pada masa ini tidak terdapat perjanjian yang berkenaan di antara Malaysia dengan Republik Rakyat China, walaupun kemungkinan untuk mengadakan perjanjian serupa ini pernah dipertimbangkan dahulu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perhubungan yang wujud di antara Malaysia dengan Republik Rakyat China sekarang adalah berasaskan perhubungan antara 'Kerajaan dengan Kerajaan' sahaja. Walaupun demikian, rakyat Malaysia yang berpeluang untuk melawat Negeri China setelah mendapat kebenaran pihak berkuasa-pihak berkuasa boleh menaiki pesawat MAS untuk membuat penerbangan ke Hong Kong atau ke Jepun terlebih dahulu. Mereka kemudiannya bolehlah melanjutkan penerbangan ke Negeri China dengan pesawat-pesawat yang berlepas ke sana dari negara-negara tersebut.

#### PROTON SAGA BAGI PINJAMAN KENDERAAN

**50. Tuan Haji Shahrom bin Haji Maasom** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada:

- (a) pinjaman kenderaan yang diberi kepada pegawai Kerajaan dimestikan untuk membeli kereta Proton Saga sahaja; jika ya, bila akan dikuatkuasa; dan
- (b) Kerajaan akan mewajibkan semua kenderaan rasmi Kerajaan adalah kereta Proton Saga sahaja.

**Dato Dr Tan Tiong Hong:**

- (a) Kerajaan menggalakkan kakitangan menggunakan barang-barang buatan tempatan termasuklah kereta-kereta keluaran tempatan seperti Proton

Saga. Dengan demikian pada pandangan saya, kakitangan Kerajaan yang mendapat pinjaman membeli kenderaan juga mempunyai peranan untuk menyokong industri kereta Malaysia.

- (b) Setakat ini Kerajaan belum lagi mengadakan satu dasar dalam perkara ini atau bercadang hendak menjadikan Proton Saga sebagai kereta resmi Jabatan Kerajaan.

#### DOKTOR GIGI BERDAFTAR

**51. Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim** minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan 'doktor' gigi yang berlesen.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pat-hmanaban):** Sehingga sekarang, jumlah bilangan 'doktor gigi' yang didaftarkan oleh Majlis Pergigian Malaysia adalah 1,072 di bawah Bahagian I. Pentadbiran dan pengeluaran Sijil Pengamalan Tahunan adalah merupakan 'lesen' kerana mereka diberi kebenaran untuk mengamal pergigian di negara ini. Kesemua 1972 pengamalai-pengamalai ini mempunyai ijazah yang diiktiraf. Majlis Pergigian Malaysia juga mendaftarkan 299 orang lagi sebagai 'dentis berdaftar' di bawah Bahagian II. 'Dentis Berdaftar' ini tidak berijazah dan pendaftaran mereka ditutup sejak tahun 1952.

#### PELAJAR BUMIPUTERA DI UNIVERSITI AMERIKA

**52. Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim** minta Menteri Pelajaran menyatakan peratusan pelajar-pelajar Bumiputera yang dibiayai oleh Kerajaan untuk melanjutkan pelajaran di peringkat Sarjana Muda di Amerika Syarikat di Universiti-Universiti mengikut kategori 'highly competitive', 'competitive' dan 'less competitive' sepertimana yang dikategorikan di negara itu.

**Dato Dr. Ling Liong Sik:** Sehingga ini belum ada laporan yang dikeluarkan secara rasmi oleh Kerajaan Amerika Syarikat mengenai taraf universiti-universiti di negara tersebut. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kajian

oleh badan-badan persendirian atau orang perseorangan mengenai perkara ini. Di antara laporan-laporan tersebut ialah:

- (i) Barron's Profiles of American Colleges;
- (ii) Peterson's Competitive Colleges; dan
- (iii) The Gourman Report — A Rating of Undergraduate/Graduate/Professional Programs In America and International Universities.

Dasar Kerajaan pada masa ini ialah untuk menempatkan pelajar-pelajar di Universiti-Universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.

Bagi kursus-kursus profesional, kita juga berpandukan kepada pengiktirafan kursus-kursus tersebut oleh badan-badan profesional seperti ABET (Accreditation Board for Engineering and Technology) bagi kursus-kursus kejuruteraan; NAAB (National Architectural Board) bagi kursus senibina dan AACSB (American Assembly Of Collegiate School of Business) bagi kursus pentadbiran perniagaan dan pengurusan. Ramai pelajar kita di Amerika Syarikat ditempatkan di universiti-universiti 'most competitive', 'highly competitive' dan 'very competitive'. Walau bagaimanapun memang ada pelajar-pelajar kita yang tidak dapat masuk ke universiti-universiti di atas. Mereka telah ditempatkan ke universiti-universiti lain yang diiktiraf oleh Kerajaan.

#### PELAJAR ORANG ASLI DI MAKTAB PERGURUAN

**53. Tuan Hassan bin Nam** minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan pelajar-pelajar Orang Asli yang telah diambil mengikut kursus di Maktab-maktab Perguruan dan bilangan mereka yang sekarang ini sedang berkhidmat sebagai guru Lulusan Maktab.

**Dato Dr. Ling Liong Sik:** Maklumat mengenai bilangan pelajar di Maktab Perguruan dan juga guru-guru sedang berkhidmat yang terdiri dari Orang Asli tidak dapat diberi secara berasingan kerana mereka dimasukkan ke dalam kategori Bumiputera secara keseluruhannya.



### PROJEK GAJAH PUTIH

**54. Puan Sri Datin Janaky Athi Nahappan** minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan kekurangan kewangan sama ada Kerajaan akan memberi jaminan bahawa projek-projek yang disebut 'Gajah Putih' yang menelan beribu-ribu juta ringgit tidak akan dilaksanakan di seluruh peringkat termasuk di Kerajaan-kerajaan Negeri.

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Persoalan sama ada Kerajaan akan memberi jaminan bahawa projek-projek yang disebut 'Gajah Putih' yang menelan beribu-ribu juta ringgit tidak akan dilaksanakan di seluruh peringkat termasuk di Kerajaan-kerajaan Negeri adalah tidak timbul.

Untuk makluman Yang Berhormat, semua projek-projek yang dilaksanakan oleh Kerajaan adalah perlu dan bermanfaat untuk kepentingan rakyat dan negara. Projek-projek itu dikaji dan dirancang dengan teliti sebelum dilaksanakan. Hanya projek-projek yang memberi faedah kepada rakyat dan negara sahaja yang dilaksanakan.

### KAPAL MISC DI PELABUHAN MALAYSIA

**55. Tuan Haji Shuaib bin Lazim** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kapal-kapal kepunyaan MISC tidak langsung menggunakan pelabuhan-pelabuhan di negara kita dan jika sedar nyatakan sama ada keadaan ini disebabkan oleh kekurangan kemudahan yang di dapati di pelabuhan-pelabuhan Malaysia dan jika benar nyatakan tindakan beliau akan ambil untuk menjadikan pelabuhan-pelabuhan kita sebagai pelabuhan-pelabuhan antarabangsa.

**Puan Hajjah Rahman binti Othman:** Adalah tidak benar bahawa kapal-kapal MISC tidak langsung menggunakan pelabuhan-pelabuhan Malaysia. Kesemua pelabuhan-pelabuhan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak lermasuk dalam jadual persinggahan kapal-kapal MISC sama ada dalam perkhidmatan antarabangsa mahupun perkhidmatan dalam negeri. Bagi kapal-kapal MISC yang terlibat dalam perkapalan antarabangsa, khususnya

kapal-kapal yang menyertai dalam aktiviti 'cross-trading' iaitu corak perdagangan yang tidak melibatkan langsung persinggahan di pelabuhan dalam negeri (home port) maka kekerapan penggunaan pelabuhan Malaysia memanglah kurang.

Selain daripada corak perdagangan kapal, jumlah kargo yang boleh diangkut dan dipungkah di pelabuhan juga menentukan kekerapan jadual persinggahan kapal di sesebuah pelabuhan. Berhubung dengan pelabuhan, sukacita saya memaklumkan bahawa pelabuhan-pelabuhan utama di negara ini mempunyai kemudahan yang cukup bagi mengendalikan semua jenis kargo.

### HUKUMAN PENJARA KEPADA PENGEMIS ASING

**56. Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahya** minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan sama ada Kementerian yang berkenaan telah mengadakan perundangan yang membolehkan pengemis-pengemis asing yang datang ke negara ini secara haram dikenakan hukuman penjara sebelum mereka itu dihantar pulang ke negara asal mereka.

**Menteri Kebajikan Masyarakat (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar):** Kementerian saya tidak mengadakan undang-undang berasingan yang membolehkan pengemis asing yang datang ke negara ini secara haram dikenakan hukuman penjara sebelum mereka dihantar pulang ke negara asal oleh kerana perbekalan undang-undang terdapat di bawah Akta Imigresyen 1959/63 yang ditadbirkan oleh pihak Imigresen. "Mengikut Akta tersebut pengemis asing itu boleh dikenakan penjara kerana mereka melakukan kesalahan masuk ke negara ini tanpa pas atau permit yang sah di sisi undang-undang. Hukuman yang boleh dikenakan kepada mereka yang melakukan kesalahan di bawah Akta ini ialah denda tidak melebihi \$2,000 atau penjara bagi tempoh tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

### SIMPANAN LUAR KERAJAAN

**57. Toh Muda Dr. Abdullah Fadzil Che Wan** minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah nisbah di antara Wang Simpanan Kerajaan dengan Wang Hutang Negara; sama ada

Kerajaan menganggap nisbah ini sihat dan dapatkah nisbah ini diperbaiki lagi masa kini dan seterusnya; dan nyatakan langkah-langkah yang sedang diatur.

**Dato Dr Tan Tiong Hong:** Nisbah simpanan luar negeri Kerajaan jika dibandingkan dengan hutang Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak 18.6% Kerajaan tidak menghadapi masalah dalam membayar balik pinjaman-pinjaman yang telah diperolehi sehingga ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa berwaspada di dalam menguruskan pinjaman-pinjaman yang diperolehi dan memastikan bahawa segala pembayaran balik hutang adalah dibuat mengikut jadual.

Dalam usaha untuk memperbaiki kedudukan hutang Kerajaan Persekutuan, langkah-langkah tertentu telah diambil semenjak tahun 1982 untuk mengurangkan perbelanjaan pembangunan di samping mengawal perbelanjaan mengurus Kerajaan. Langkah ini telah memberikan kesan yang ketara terhadap kedudukan pinjaman Kerajaan. Dalam tahun 1984, jumlah pinjaman yang diperolehi oleh Kerajaan telah berkurangan kepada \$6,970 juta berbanding dengan \$8,837 juta pada tahun 1983 manakala bagi tahun 1985, adalah dijangkakan jumlah pinjaman-pinjaman baru yang akan diperolehi ialah sebanyak \$6,000 juta. Perbelanjaan ini akan terus dikawal kepada tahap yang sesuai dan selaras dengan kedudukan hasil negara dalam usaha untuk menentukan ekonomi negara sentiasa kukuh dan teguh dimasa hadapan.

#### PERINTAH AM — PINDAAN

**58. Puan Nen Abidah binti Haji Abdullah** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau bersetuju untuk meminda Perintah Am dalatn Perkhidmatan Awam supaya membolehkan pegawai-pegawai Kerajaan berkecimpung dalam bidang politik.

**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:** Perintah Am 19 Bab 'D' 1980 hanya membenarkan Pegawai-pegawai Awam dalam Kumpulan 'B' kecuali mereka dalam pasukan polis, tentera dan perkhidmatan penjara untuk bergiat cergas dan perkhidmatan penjara untuk bergiat

cergas dalam politik dengan syarat mendapat kebenaran terlebih dahulu dari Kerajaan. Pegawai-pegawai awam dalam Kumpulan 'A' dilarang untuk bergiat cergas dan Kerajaan belum bersedia untuk memindahkan buat masa ini.

#### RANG UNDANG-UNDANG RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1985)

##### Bacaan Kali Yang Kedua

Aturkan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, 'Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.' (29hb Julai, 1985).

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom.

3.37 *ptg.*

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyambung semula ucapan saya dalam membahaskan satu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan-wang yang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1985.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam saya menyokong Akta ini untuk diluluskan, petang semalam saya telah bercakap mengenai dengan beberapa perkara yang menyentuh mengenai dengan hal-hal kaum tani, petani-petani kecil atau yang dikenal sekarang ini dengan petani-petani 3K. iaitu kopi, koko dan kelapa. Di mana yang saya dapat tahu sekarang ini dan saya sendiri berdamping rapat dengan golongan ini adalah menghadapi tekanan harga yang begitu rendah.

Jadi, menyebabkan kegelisahan di kalangan petani-petani kecil, koko, kopi dan kelapa ini supaya satu usaha dapat dijalankan lebih berkesan lagi untuk menyelamatkan petani-petani ini apabila petang semalam saya telah bangkitkan mengenai dengan pengimportan barang-barang yang ada dalam negara kita tetapi kita masih mengeluarkan belanja berpuluh-puluh juta seperti membeli kopi sahaja kita masih memerlukan \$82 juta pada tahun 1982.

Kalau ini dapat dikurangkan pengimportan kopi daripada luar negeri ini, saya percaya apabila kehendak kopi daripada dalam negeri kita meningkat, keperluan kopi meningkat maka dengan sendirinya harga kopi tempatan akan naik dengan tinggi.

Apabila harga kopi akan naik dengan tinggi dengan sendirinya petani-petani yang berusaha menanam pokok-pokok kopi ini akan mendapat hasil yang baik dan lumayan. Saya bersetuju sangat dengan jawapan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri petang semalam sewaktu menjawab Ucapan Penangguhan daripada seorang Ahli di dalam Dewan ini. Memang kemiskinan di dalam negara kita tidak seperti yang melanda beberapa buah negara yang sering kita lihat gambar-gambarnya dan kita baca berita-beritanya.

Apa lagi kalau kita bandingkan pula dengan pendapatan per-kapita yang telah mencapai kepada tahap \$3,000 lebih. Tetapi angka dan jumlah petani-petani miskin yang mendapat pendapatan di antara \$70 sehingga \$120 bagi setiap bulan adalah masih tinggi angkanya.

Daripada jawapan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato Mohamad Khalil Yaakob semalam, saya yakin bahawa Kerajaan akan terus berusaha untuk menyelamatkan dan untuk membantu nasib petani-petani kecil di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan penanaman padi dan penanam-penanam padi di dalam negara kita yang di akhir-akhir ini sering kali menghadapi berbagai masalah. Misalnya baru-baru ini mengenai padi IR 42, kemudian di Tanjong Karang dan di Sabak Bernam timbul masalah di musim menuai di mana padi tidak dapat diangkut dengan sebaik-baiknya sehingga padi berlonggok-longgok di tepi jalan dan apabila dilakukan pemotongan basah, padi yang sudah tumbuh, begitu, begini dan sebagainya maka petani-petani atau penanam-penanam padi kita mengalami kerugian.

Saya tidak hendak menyalahkan kepada LPN kerana kita tahu masalah yang dihadapi oleh LPN memang banyak. Memang masalah ini adalah satu masalah yang besar, tetapi sepatutnya usaha-usaha untuk mengatasi perkara

yang seperti ini supaya tidak berulang setiap kali apabila penanam-penanam padi mendapat hasil yang baik.

Jadi jawapan yang mengatakan bahawa hasil padi pada tahun ini luar biasa, maka itu sebabnya kita tidak dapat mengendalikan dengan sebaik-baiknya, bahawa ini adalah jawapan untuk melepaskan batuk di tangga. Sepatutnya perancangan kita sudah ada daripada setiap tahun ke setiap tahun, kepada tahun-tahun yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1983 saya telah membuat pertanyaan di dalam Dewan ini yang telah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian pada tahun 1983 itu. Di dalam jawapan hitam-putih mengatakan bahawa negara memerlukan pada tahun 2001 kelak, beras untuk 85 - 90 peratus keperluan negara, maka kita memerlukan di antara 500,000 - 700,000 hektar tanah untuk ditanam dengan padi dan 60% daripada jumlah itu perlu ditanam dua kali setahun.

Jawapan ini, Tuan Yang di-Pertua, jawapan pada tahun 1983. Sekarang kita dalam tahun 1985 dan kita akan menyusun Rancangan Malaysia Kelima pula. Adakah strategi ini telah dapat dicapai untuk menyelamatkan keperluan negara, makanan rakyat sehari-hari kerana keseluruhan rakyat kita daripada semua suku kaum adalah makan nasi dan baru-baru ini Menteri Perusahaan Awam kita telah pergi ke Rangoon untuk menempah beras, berapa puluh juta tan pula beras yang akan dibeli daripada Rangoon.

Kalau sebelum perang Jepun dahulu kita ada satu istilah 'Beras Rangoon' atau 'Beras Kapur', setelah makan Beras Rangoon dan Beras Kapur di musim Jepun kita semua kena sakit biri-biri, maka saya khuatir nanti beras yang akan dibeli di dalam perjanjian di antara kita dengan Burma itu nanti adalah beras yang mutunya rendah kerana dia akan menggunakan beras yang mutu baik untuk kepentingan rakyatnya. Jadi saya berharap kejadian ini tidak akan berlaku. Perkara seperti itu tidak akan berlaku untuk kebaikan di antara Perjanjian Bersama di antara Malaysia dengan Burma dalam membeli beras tadi, tetapi saya ingin tahu apakah kenyataan daripada Menteri

Pertanian pada tahun 1983 untuk menyediakan sekurang-kurangnya seluas 500,000 - 700,000 hektar sawah padi itu telah dilaksanakan sebahagian daripadanya dan kalau ia sudah, di manakah telah dilaksanakan dalam negara kita kerana kalau di kawasan sawah yang ada di Kedah, di Perak Utara, di Selangor — Sabak Bernam, Tanjong Karang, dan di Endau di negeri Johor, ini adalah kawasan sawah yang semula ada, kawasan sawah yang telah siap ada.

Tuan Yang di-Pertua, maka inilah beberapa masalah daripada kaum tani, kaum nelayan, petani-petani kecil yang menjadi kegelisahan kepada mereka. Masalah kaum nelayan, jawapan daripada Yang Berhormat Menteri juga semalam adalah mencerminkan bahawa seolah-olah sumber laut kita makin berkurangan. Sudahlah sumber laut kita makin berkurangan kerana barangkali ikan-ikan di laut sudah kurang 'berasmara' untuk menelurkan telur-telur yang baru kerana kekotoran minyak-minyak yang tumpah dan kekotoran daripada saki baki kilang-kilang yang ada yang mengalir di sungai kita; nasib nelayan-nelayan kita ini pula sentiasa diserang oleh nelayan-nelayan luar.

Ada lanun, ada pembunuhan, ada perampukan di laut kita, di perairan kita. Jadi nasib nelayan-nelayan kita itu sungguhpun sudah dibekalkan dengan alat perhubungan yang lebih cepat dengan lampu isyarat kalau ada satu-satu gejala buruk tetapi kejadian ini mengapa masih berleluasa? Kita sudah gunakan kapal ronda, kita gunakan helikopter tetapi mengapa masalah ini masih berlaku? Adakah Kerajaan dapat menyasat, Kerajaan dapat memberi jawapan yang tegas?

Kalau kita kata ikan kita kurang tetapi mengapakah nelayan-nelayan lain masuk ke laut kita? Kalau laut kita tak ada ikan tentulah nelayan daripada negeri lain tak datang ke laut kita. Ini menunjukkan laut kita ini masih cukup ikan. Sebab itu nelayan daripada negeri lain sentiasa datang menangkap ikan di laut kita. Jadi jawapan yang mengatakan laut kita kurang ikan, ini juga saya tidak dapat menerima pada hakikat yang sebenarnya, kerana pada tiga-empat tahun dahulu usaha-usaha oleh Kementerian/Jabatan Perikanan menurunkan terumbu-terumbu, menurunkan tayar-tayar

buruk untuk tempat ikan membiak dan sebagainya, adakah usaha ini berjaya atau gagal untuk menolong kaum nelayan kita?

Tuan Yang di-Pertua, saya tinggalkan masalah kaum tani tadi, saya pergi kepada perkara lain mengenai dengan masalah kesihatan rakyat yang memerlukan kepada rawatan perubatan yang cukup kerana daripada rakyat yang sihat sahaja dapat membangunkan negara, rakyat yang sihat sahaja dapat memperkembangkan ekonomi negara, rakyat yang sihat sahaja yang boleh bekerja kuat. Kerajaan kita mahu rakyat kita bekerja kuat, tidak lagi semata-mata mengharapkan kepada bantuan dan subsidi. Kita tidak mahu rakyat kita menjadi rakyat subsidi, rakyat yang menerima bantuan sehingga gigi pun disubsidikan, gigi subsidi. Kita tidak mahu rakyat menjadi rakyat subsidi, tetapi Kerajaan kita bagi subsidi gigi, bagi subsidi buruk. Ini ialah satu perkara yang kadang-kadang menggelikan hati dan ini dijadikan permainan kepada anak-ariak di kampung, siapa hendak subsidi gigi mari kita bertumbuk, nanti tinggal gigi boleh dapat subsidi gigi.

Mengenai kesihatan rakyat, Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Menteri pada tahun 1983 juga dalam jawapan hitam putih dalam kertas yang saya pegang ini mengatakan bahawa kita masih memerlukan keperluan pakar-pakar perubatan yang banyak untuk menampung keperluan rakyat. Jadi setelah dua tahun lebih jawapan ini diberikan di dalam Dewan yang mulia ini, sekarang ini saya ingin mendapat jawapan daripada pihak Kerajaan, apakah usaha-usaha yang telah dilaksanakan di dalam mengisikan kekosongan pegawai-pegawai perubatan di dalam bidang kepakaran perubatan termasuk pakar penyakit kulit untuk mengisi sebanyak 253 kekosongan, pakar bedah 253 kekosongan, perbidanan dan sakitpuan 127, pakar bius 169, pakar X-ray 101, pakar kanakkanak 127, otopedik 72, pakar jiwa 169, pakar kaji penyakit 101, pakar mata 85 dan ada lagi beberapa kepakaran yang saya tak dapat hendak sebutkan, kerana ini bahasa perubatan barangkali. Jadi adakah ini telah dapat diisikan? Di dalam Ucapan Penangguhan seorang Ahli Dewan ini petang semalam mengatakan bahawa keperluan bagi seorang doktor untuk

merawat rakyat di luar bandar adalah menerima perkhidmatan doktor berjumlah tiga-empat ribu orang untuk satu doktor, sedangkan sekarang ini apabila pengajian makin tinggi, macam-macam penyakit timbul. Kalau dahulu kita tidak kenal dengan nama-nama penyakit sekarang ini macam-macam jenis penyakit timbul dan penyakit-penyakit ini kesemuanya memerlukan rawatan pegawai-pegawai perubatan yang pakar, yang khusus di dalam bidang-bidang yang tertentu.

Jadi setama dua tahun, adakah ini sudah dapat diisi atau belum. Untuk mencapai kepada tahun 1985, kita sekarang hanya ada tinggal lima bulan lagi kerana ini dikatakan untuk mengisi sehingga tahun 1985. Tahun 1986 sehingga tahun 1990 kita akan berada dalam Rancangan Malaysia yang Kelima, kita akan mengisi pula kekosongan-kekosongan yang lain. Jika sekiranya kekosongan-kekosongan ini belum diisi mengapakah selama ini di pusat-pusat pengajian tinggi kita, di dalam bidang-bidang yang tertentu untuk melatih, untuk memberi pelajaran kepada anak-anak negeri, di dalam mengisi bidang-bidang perubatan kepakaran ini, kalau tidak boleh dalam negeri, dihantar keluar negeri, adakah usaha-usaha ini telah mencapai kepada kejayaan ataupun belum? Jika sekiranya belum mencapai kepada kejayaan maka tentulah ingin tahu sebab-sebab mengapa kejayaan itu tidak dapat dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, sama ada dalam Dewan ini ataupun di luar Dewan, kita biasa mendengar dan selalu kita dengar laungan-laungan, ucapan-ucapan supaya Kerajaan berlaku adil di dalam tindak-tanduk supaya dalam negara kita ini tidak akan ada rakyat yang tertindas, tidak akan ada kaum yang menjadi kelas dua dan kelas tiga di dalam mengisikan jawatan-jawatan yang tertentu. Dalam laungan mengatakan kaum ini tidak mendapat keadilan, kaum ini tidak didiskriminasi, kita dengar ini dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya bercakap dalam Dewan ini sebagai seorang Melayu. Sebagai orang Melayu, Tuan Yang di-Pertua, saya mempunyai angka-angka bahawa orang Melayu juga merasa belum dapat tempat yang

baik sekalipun kita sudah merdeka 28 tahun, sekalipun kita sudah punyai enam universiti tetapi orang-orang Melayu di dalam bidang-bidang ikhtisas, di dalam bidang-bidang profesional, orang Melayu masih jauh ketinggalan di belakang. Tetapi orang Melayu tidak mengatakan orang Melayu ditekan sebab kita tahu penjajah negara kita tidak meninggalkan sekeping papan untuk universiti, tidak meninggalkan seketul batu untuk dibuat bangunan pusat pengajian tinggi. Duapuluh lapan tahun kita merdeka, dengan izin Allah s.w.t. dapat kita mengisi kekosongan-kekosongan yang dahulunya dipegang oleh orang Putih kepada anak negeri sama ada keturunan Melayu, keturunan Cina atau keturunan India. Adakah angka yang akan saya sebutkan ini tidak menyedihkan Tuan Yang di-Pertua?

Dalam bidang arkitek misalannya, pada tahun 1983, ini angka yang muktamad pada tahun 1983 yang saya dapati bahawa arkitek dari kaum Melayu hanya 13.8%; dalam bidang akauntan, orang Melayu hanya 9.5%; dalam bidang kejuruteraan, jurutera orang Melayu hanya 22.5%; doktor gigi, orang Melayu hanya 21.4%; doktor, orang Melayu 13.2%; doktor haiwan, orang Melayu 24.6%; juru ukur, orang Melayu 35.8%; peguam, termasuk peguam swasta, orang Melayu hanya 15.4%. Apakah angka ini menyenangkan hati orang keturunan Melayu? Apakah angka ini menyenangkan hati kaum bumiputera yang lain? Kalau hendak dibangkitkan perkara ini, ini sensitif. Jadi, saya berharap terutama kepada pemimpin-pemimpin dalam komponen Barisan Nasional supaya jangan menimbulkan masalah yang seperti ini. Sebab kalau hendak dikatakan dia tertekan, maka dalam bidang yang lain orang Melayu lebih banyak lagi yang tertekan. Dalam bidang jual-beli, dalam perdagangan, kalau saya hendak baca angka-angka, banyak, Tuan Yang di-Pertua, akan menambah sebak di dada.

Tuan Yang di-Pertua, itu angka-angka di dalam bidang ikhtisas. Dalam bidang profesion yang lain, orang Melayu hanya mempunyai angka, dalam bidang geology 29%; dalam bidang kimia 20%; dalam bidang kejuruteraan 39%; dalam bidang telekom, 28%; dalam bidang parit dan taliair, kemahiran 29%; dan dalam bidang perubatan 18%. Jadi, ini semua

angka-angka kalau saya baca satu persatu nanti akan menimbulkan kemarahan kaum lain, akan menimbulkan rasa kecil hati, sedangkan Kerajaan cuba menseimbangkan ini. Kerajaan kita pemimpin kita Barisan Nasional cuba menseimbangkan ini supaya jurang ini tidak akan makin ketara, tidak akan makin ketara daripada satu tahun ke satu tahun. Hanya dengan rasa persefahaman, hanya dengan rasa perpaduan yang kuat, hanya dengan adanya rasa setiap kawan sahaja dapat kita menyelesaikan masalah yang kompleks di dalam negara kita di dalam masyarakat majmuk ini.

Tuan Yang di-Pertua, dari angka-angka yang saya sebutkan tadi maka untuk mencapai kepada matlamat yang sepatutnya janganlah lagi ditimbulkan perasaan-perasaan suumbang, suara suumbang seperti yang seringkali kita dengar. Jika yang melaungkan itu daripada pihak Pembangkang, ini terang memang mereka akan menggunakan isu itu untuk menimbulkan kemarahan rakyat supaya membenci kepada Kerajaan, membenci kepada rancangan, membenci kepada projek, membenci kepada hasrat dan cita-cita rakyat yang memilih Kerajaan secara pilihanraya mengamalkan demokrasi berparlimen.

Tuan Yang di-Pertua, daripada apa yang saya sebutkan tadi, maka kita berharap supaya apa yang disebut oleh seorang Ahli Dewan petang semalam, Jabatan Perpaduan Negara memainkan peranan memupuk rasa persefahaman ini daripada peringkat anak kecil sampai kepada peringkat orang dewasa, sampai kepada peringkat orang yang bergelar, pemimpin supaya perpaduan dalam negara kita ini tidak akan terjejas, supaya malapetaka yang berlaku pada 13hb Mei tahun 1969 barang di jauhkan Allah tidak akan berulang lagi. Ini kesan yang paling berat. Itulah tekanan yang paling berat jika sekiranya perkara tidak adil ini ditimbulkan, perkara diskriminasi ini dibangkitkan, diungkitkan, maka kita pernah berhadapan dengan satu sejarah, dengan satu tragedi berdarah 13hb Mei 1969.

Tuan Yang di-Pertua, saya tinggalkan masalah itu. Sekarang saya masuk kepada satu perkara lain di dalam bidang Jabatan Perdana

Menteri mengenai dengan Bahagian Hal Ehwal Agama yang dahulunya dikatakan Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri, sekarang ditukar Bahagian Hal Ehwal Agama Islam. Sekarang ini kita masih terus melaungkan kempen penerapan nilai-nilai Islam di dalam pentadbiran. Ini angka yang muktamad juga kerana angka ini saya ambil daripada kertas yang dibentangkan di dalam Dewan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Bahagian Agama di Jabatan Perdana Menteri atau Bahagian Hal Ehwal Islam di Jabatan Perdana Menteri, daripada angka-angka kasar yang saya dapat tengok dan saya dapat lihat, tidak kurang daripada 15 pegawai Kumpulan A dan B. Sepertimana yang baru dijawab sebentar tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, bahawa Bahagian ini sedang disusun semula yang mana pegawai-pegawai di dalam Bahagian Hal Ehwal Agama Islam di Jabatan Perdana Menteri ini sama tarafnya dengan Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain di dalam sektor perkhidmatan awam.

Jadi, kalau ada 154 orang pegawai Bahagian 'A' dan 'B' dalam Bahagian BHEUI ini maka beberapa perkara ingin saya mendapat penjelasan yang lebih terang peranan-peranan dan fungsi-fungsi sekian banyak kakitangan pegawai-pegawai, ini bukan kakitangan, ini pegawai Tingkatan 'A' dan 'B', maknanya orang-orang yang berkelulusan daripada Azhar, daripada Masir, daripada Arab, daripada Madinah, daripada universiti dalam negeri yang bergelar ulama. Kerana, apabila dapat ijazah daripada pusat pengajian tinggi ini ulama, sehingga ada dalam negara kita ini persatuan ulama, jadi ertinya ada ulama, kalau tidak ada ulama tidak ada persatuan ulama, maka sebahagian daripada ulama-ulama kita ini ada di dalam Bahagian Pentadbiran Agama di Jabatan Perdana Menteri. Fungsi-fungsinya yang ingin saya tahu kalaulah ada 154; betul di dalam 154 orang pegawai tadi dia ada bahagian-bahagiannya, ada seksyenya, ada tempat-tempatnya, bukan semua pegawai dakwah, bukan semua pegawai yang menyelidik, bukan semua pegawai yang pergi bersyarah keluar daerah, keluar daripada Kuala Lumpur, saya faham tentang itu. Tetapi mengapa di dalam kita menjalankan kempen, penerapan nilai-nilai Islam di dalam pentadbiran ini kempen ini

tidak diperhebatkan supaya rakyat memahaminya. Apakah dia penerapan nilai-nilai Islam di dalam pentadbiran.

Sekarang semua orang bercakap, pemimpin besar, pemimpin kecil bercakap kepada rakyat sekarang kita menuju kepada penerapan nilai-nilai Islam. Tetapi apakah dia penerapan nilai-nilai Islam di dalam pengadbiran itu, sedangkan di dalam masyarakat kita sekarang ini timbul berbagai-bagai gejala daripada masalah-masalah khurafat, masalah-masalah khilafiah, masalah-masalah furuk masail yang menjadi tegang di dalam masyarakat. Ini kalau kita hendak mengkaji, kalau kita tidak mahu mengkaji kita ikut suka sahaja tidak apalah. Sebab Nabi s.a.w. sendiri pun bersabda bahawa umat Islam ini di satu masa nanti akhir zaman akan berpecah kepada 73 kelompok hanya satu masuk syurga iaitu ahli sunnah waljamaah.

Sekarang ini berpecah sudah umat Islam dalam negara kita dengan berbagai-bagai ragam dan corak, masing-masing mengaku ahli sunnah waljamaah. Di Shah Alam mengaku ahli sunnah waljamaah, di Kuala Pilah mengaku ahli sunnah waljamaah, di Ayer Kuning, Melaka mengaku ahli sunnah waljamaah, di Kampung Beting, Batu 3, Muar mengaku ahli sunnah waljamaah, di Batu 9 Kampung Medan Sejangkang mengaku ahli sunnah waljamaah, di Kuala Lumpur di Kampung Nakhoda mengaku ahli sunnah waljamaah, di atas lagi di Rawang sana, di satu kampung lagi juga mengaku ahli sunnah waljamaah. Jadi, ini sepatutnya untuk menyatukan penerimaan rakyat. Kalau itu termasuk di dalam peranan kita untuk menerapkan nilai-nilai Islam, memberi pendidikan yang sebenarnya maksud ajaran dan kehendak agama kita seperti soalan yang baharu sama-sama kita dengar sebentar tadi mengapa bayaran zakat sahaja dalam negara kita, bayaran fitrah dalam negara ini pun tidak sama, seolah-olah kita ada pendapat yang berlainan, Majlis Hal Ehwal Agama Islam Kebangsaan pun tidak dianggotai oleh semua negeri. Ini kalau dikaji dengan mendalam mengapa pula begitu berlaku.

Jadi, kita tidak boleh hendak marah, nanti kalau ada masjid sembahyang dua imam, ada orang yang sembahyang nanti Hari Raya di padang, separuh sembahyang di masjid, sudah

berejek-ejekkan, ini mazhab apa pula sembahyang di padang, ini apa pula begini, sehingga sekarang kita hendak menentukan di antara furdah dengan tutup muka pun jadi masalah juga. Apabila baharu-baharu ini timbul di UPM dengan ITM, kalau tidak salah saya ada mahasiswa, ada pelajar yang memakai furdah, konon ada juga kakitangan jabatan yang memakai tutup muka, orang kata furdah, jawapan Yang Berhormat Menteri kata tutup muka. Jadi, mana satu furdah, mana satu tutup muka. Ini digunakan di dalam masyarakat sekarang ini furdah dilarang katanya, pihak Kerajaan kata itu tutup muka yang kami larang bukan furdah, sebab kita tidak ada definisi furdah itu macam mana, definisi tutup muka macammanna. Jadi, dia kata tengok Kerajaan Barisan Nasional hari ini pakai tutup muka, pakai furdah dilarang, dedah dibebaskan. Ini Kerajaan apa yang suka kepada pakaian dedah, dedah ini. Timbullah nanti kenalah artis-artis kita pula dedah, saya tidak mahu sebut artis, semalam sudah disebutkan, seorang Ahli Yang Berhormat Dewan kita sudah sebutkan masalah artis kita. Tengok ini syok, juga tetapi kalau tenaga tidak ada teruk juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai orang Melayu dalam perkara ini saya ingin menyentuh lagi apa yang disebut oleh beberapa Ahli Yang Berhormat semalam mengenai dengan drama Santan Berlada itu. Kalau boleh cepat-cepat kaji semula. Sebagai orang Melayu saya faham bahasa kiasan yang digunakan itu anak kecil pun ikut ketawa, ikut mengilai itu tidak patut. Kalau itu caranya, apakah itu trend otak orang Melayu. Jadi orang Melayu ini suka dengan ho-ha, ho-ha, ho-ha, suka dengan cakap-cakap sindir menyindir yang mendagangkan syok macam itu. Apakah itu trend kita hendak menanam otak, fikiran, roh dan jiwa orang Melayu, saya tidak mahu panjangkan masalah itu.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah Hal Ehwal Agama di Jabatan Perdana Menteri tadi, selain daripada fungsi pegawai yang ada 150 lebih, barangkali kalau lebih mungkin lebih, kalau kurang pun satu dua kerana saya baca sekali lalu angka-angka ini saya kira sekali lalu sahaja. Masalahnya sekarang ini timbul dalam negara kita ini ada Majlis Fatwa Kebangsaan, ada satu lagi Majlis Syura.

Jadi, mana satu yang memainkan peranan yang mengeluarkan fatwa, Majlis Sura ini tengok ada beberapa orang tokoh-tokoh lama (veteran) duduk di situ, Majlis Fatwa ini duduk alim ulama kita di situ. Jadi, adakah sama tarafnya atau Majlis Syura ini memberi nasihat kepada Kerajaan dalam perkara-perkara yang berhubungan dengan hukum ataupun Majlis Patua ini yang menentukan masalah hukum supaya fatua-fatua tidak lambat diterima oleh rakyat.

Misalnya, sekarang ini heboh mengenai dengan geletin dalam beberapa jenis makanan. Hendak Hari Raya itu banyak tuannya kedai runcit merungut kerana orang tidak mahu membeli agar-agar kerana agar-agar itu ada geletin di dalamnya. Saya pun tidak tahu apa bendanya geletin, ini barangkali gelilah maknanya. Jadi, apakah ini benar-benar; sepatutnya fatwa cepat dikeluarkan. Kalau mengenai lengkong, atau agar-agar ini; orang Johor kata lengkong, orang sini kata agar-agar ada geletin ini cepat siasat dan keluarkan fatwa. Kita tidak mahu satu Persatuan Pengguna yang selalu membongkarkan hal-hal yang seperti ini, Kerajaan pandang sepi sahaja kerana di dalam Persatuan Pengguna itu juga ada ahli-ahli kimianya yang mengetahui kedudukan perkara-perkara itu. Jenis-jenis makanan yang baik, yang tidak baik, yang halal, yang tidak halal mereka mengkaji. Kalau tidak, mereka tidak akan mengeluarkan belanja yang banyak untuk kemuslihatan orang ramai.

Saya berterima kasih kepada Bahagian Hal Ehwal Agama Islam Jabatan Perdana Menteri, Majlis Fatwa Kebangsaan kita yang telah mengharamkan minuman arak di mes pegawai tentera. Setelah 28 tahun penjajah meninggalkan kita, sekarang baru fatwa itu baharu keluar. Jadi, ini fatwa yang sudah terang memang arak itu haram, sekarang fatwanya haram dijual di mes-mes pegawai tentera. Saya berterima kasih dan saya sanjung tinggi. Diharap semoga perkara-perkara yang seperti ini, fatwa-fatwa yang seperti ini rakyat mahu tahu, rakyat mahu mengikutinya kerana kita sekarang bercakap di dalam masalah penerapan nilai-nilai Islam di dalam pentadbiran dan besok kita akan bercakap pula penerapan nilai-nilai Islam dalam penghidupan sehari-hari supaya rakyat dapat memahaminya.

Di dalam sesi mesyuarat yang lalu saya ada bercakap, saya ada meminta, saya ada merayu kepada Kerajaan supaya apalah kiranya lesen-lesen judi yang telah tamat tempoh jangan dibaharui, jangan disambung. Kedai-kedai yang menjual minuman keras yang tamat tempoh lesennya jangan dibaharui, jangan disambung. Tetapi saya mendapat tahu sekarang ini judi tikam ekor, daripada dahulu satu minggu dua kali sekarang tiga kali, bertambah. Judi namanya tikam ekor. Saya tidak tahu cerita di tempat lain. Di Kuala Langat, di tempat saya, saya bertanya kepada tuannya kedai judi tikam ekor setiap hari penjualan tiket berapa puluh ribu dia mendapat collection. Dia kata tidak kurang di antara \$18,000 sehingga \$25,000. Kalau tiga kali,  $20 \times 3 = \$60,000$  satu minggu, satu bulan \$240,000 satu kedai yang ada di pekan Banting. Siapa yang membeli, penanam kopi, penanam kelapa, penanam koko, nelayan kecil yang mahu menghilangkan kegelisahan kerana harga barang merosot maka pergi ke Banting membeli tiket ekor. Sebelum membeli tiket loteri ekor itu pergi ngangkong dahulu pula di bawah pokok kayu besar di Jalan Ayer Hitam, Dengkil. Pergi ke Bukit Jugra sana ke makam Sultan Abdul Samad minta nombor, pergi ke Sungai Buaya jumpa Wak Sharif, bomoh ekor. Sudah bermacam-macam kesalahan dibuat. Sudahlah beli tiket ekor satu dosa, pergi ngangkong lagi satu dosa, menurun pula lagi, dekat tokong Cina, dengan kuil Hindunya, pergi bomoh Melayunya melarat-larat. Jadi, judi ini adalah memang haram.

Jadi apalah kiranya kepada Kerajaan, kepada pemimpin yang saya kasihi, kepada pemimpin yang saya sanjung tinggi supaya perkara ini kalau dapat dikaji semula, dikurangkan kerana kalau satu daerah, satu kedai ekor di Banting itu boleh mengutip \$240,000 dalam satu bulan, daerah dalam negara kita ini ada 100 daerah, cubalah didarabkan sahaja berapa banyak wang yang hangus, yang dibelikan dengan tiket ekor itu tadi. Hangus wang itu dan yang menjadi kaya jutawan ialah taukeh Empat Nombor Ekor.

Tuan Yang di-Pertua, setakat itu yang dapat saya sampaikan mengenai dengan bahagian agama dalam hal ehwal agama di Jabatan Perdana Menteri.



Sekarang ini kita bercakap pula mengenai dengan Kempen Membeli Barang-barang Tempatan yang ditunjukkan gambar di TV barang-barang tempatan, belilah barang tempatan. Insya Allah, rakyat akan beli barang tempatan dan memang selama ini rakyat pun pakai barang tempatan. Rakyat di bawah, rakyat yang berpendapatan kecil beli barang tempatan sekalipun namanya Jepun, selipar Jepun, tetapi dibuat Sungai Besi. Dia beli barang-barang yang mahal tetapi barang yang dicetak dalam negeri, barang yang dibuat, diproses dalam negeri, cuma menggunakan trade marknya sahaja dari luar negeri kerana dia hendak bangga menggunakan baju yang ada label luar negeri, sedangkan baju itu dibuat di Parit Simen, Gambut, Batu Pahat. Di rumah-rumah kampung sahaja yang memesin, yang menjahit baju-baju itu sebenarnya tetapi dijual dengan label luar negeri.

Di dalam kita sedang berkempen beli barang tempatan ini apa yang menjadi rungutan kita ialah kemasukan bahan-bahan pakaian daripada luar. Selain daripada baju dan seluar yang sudah siap yang dibawa masuk daripada utara dan selatan ke dalam negeri kita, sungguhpun Kerajaan mendapat cukai import, kita tahu Kerajaan akan mendapat untung dalam masalah itu, tetapi pakaian itu masih murah harganya dibandingkan dengan yang dibuat dalam negeri. Jadi orang akan membeli barang yang murah.

Yang keduanya, kain-kain batek. Kain-kain batek yang dibawa dari Hongkong, Jepun dan Thailand sekarang ini melambak-lambak dalam pasaran kita menyebabkan tuan-tuan punya perusahaan batek yang ada di dalam negara kita yang kekurangan kain putih itu terus gulung tikar. Apabila seorang taukeh kilang batek sudah gulung tikar, maka 20-30 orang pekerja ikut gulung tikar, ertinya rezekinya sudah tersekat.

Kita tahu daripada kemasukan kain-kain batek yang sekarang ini menjadi persaingan kepada batek usaha bumi, usaha rakyat dalam negeri kita ini, ialah kerana adanya kemasukan kain-kain batek daripada luar negeri. Mengapa? Jadi, apakah usaha dalam kempen kita membeli barang-barang buatan dalam negeri

ini setakat kita punya Proton Saga sahajakah ataupun tayar yang dibuat di Shah Alam sahajakah?

Tuan Yang di-Pertua, tentulah masalahnya banyak. Perkara ini luas kalau hendak kita perbahaskan dalam masa yang singkat ini. Maka apa yang saya harapkan ialah supaya nasib pembatek-pembatek tradisional kita yang ada di Kelantan dan Terengganu itu tidak akan gulung tikar dan pekerja-pekerja mereka, anak-pinak mereka tidak akan kehilangan pendapatan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, tadi ada disebutkan di dalam jawapan sewaktu kita Soal-Jawab mengenai dengan kriteria pengambilan kakitangan Kerajaan di dalam negara kita yang dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri. Satu daripadanya ialah mengenai dengan kebolehan dan kesanggupan kerana sekarang ini ada pula satu cara untuk hendak menaikkan pangkat seseorang ini menggunakan kebolehan yang sama sekalipun kelulusan yang rendah. Ertinya tidak ada sekatan-sekatan yang begitu tinggi seperti dahulu. Ini kehendak Perdana Menteri kita sekarang ini.

Di dalam Perintah Am Bab 50A, jawapan daripada Yang Berhormat Menteri tadi saya jadikan panduan saya kerana saya masih mengulangi lagi apa yang pernah saya ucapkan di dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan, 1985 di awal persidangan kita dan di beberapa mesyuarat yang baru-baru ini saya sebutkan supaya dilemma yang dihadapi oleh beberapa ribu kakitangan PTA dapat diatasi. Ceritanya panjang kalau saya hendak ceritakan kedudukan orang-orang ini, belajarnya sama, kekananannya (seniority) sama, begitu begini dengan rakan-rakan yang lebih tinggi iaitu PTD. Sekarang ada dilemma, Tuan Yang di-Pertua. Kalau dilemma ini terus membeku di dalam hati dan di dalam dada, kita sendiri inipun kalau kekurangan sesuatu yang kita merasa diri kita rendah, tentu kita tidak akan dapat mencapai satu-satu maksud dan cita-cita yang lebh baik seperti yang dikehendaki.

Saya ringkaskan apa yang saya maksudkan supaya Kerajaan mengkaji semula, membuat satu kajian, kalau boleh, atau cuba ditanya apa

dilemma masalah yang dihadapi oleh beribu-ribu kakitangan pegawai-pegawai Kerajaan di dalam tingkatan PTA ini yang sentiasa menyatakan hasratnya mengapa kami dianaktirikan sedangkan dari segi belajarnya, kelulusannya, kekananannya di dalam khidmat sama.

Tuan Yang di-Pertua, itulah harapan saya daripada harapan rakyat kecil, petani kecil di kampung-kampung membawa kepada peringkat pegawai yang melaksanakan hasrat dan cita-cita rakyat yang hidup di dalam sebuah negara yang merdeka dan berdaulat, yang aman bahagia dan makmur.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Yang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1985 untuk diluluskan. Sekian, terima kasih.

#### 4.25 ptg.

**Tuan Nasir bin Manap:** Tuan Yang di-Pertua, tertakluk kepada Akta Perbekalan Tambahan, 1985 di samping menyokong peruntukan-peruntukan yang berjumlah \$162,985,510; saya suka mengambil perhatian beberapa perkara dalam Akta tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, untuk tindakan selanjutnya saya suka menarik perhatian dalam Maksud B.20, Tajuk: Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Dalam masalah ini kita dapati pada masa-masa yang lalu dan kebelakangan ini banyak industri-industri yang telah dibina atau didirikan di bandar-bandar besar ataupun di bandar-bandar kecil dalam negara Malaysia ini seperti di bandar Melaka, Johor Bahru, Muar dan sebagainya. Kita mendapati pekerja-pekerja yang bekerja di kilang-kilang yang berkenaan kebanyakannya terdiri daripada pekerja-pekerja wanita yang didatangkan daripada dalam bandar dan begitu juga luar bandar.

Kalau kita mengkaji dari segi pengambilan pekerja-pekerja di kilang-kilang, kita sedar banyak pekerja-pekerja yang didatangkan daripada luar bandar yang disediakan oleh pihak majikan bas-bas untuk mereka datang bekerja.

Dalam masalah ini, saya perhatikan kadang-kadang ada di antara pekerja-pekerja kilang yang datang bekerja daripada rumah mereka ke tempat perkilangan 20-30 batu. Kalau kita merasai daripada mereka bekerja datang begitu jauh pada setiap kali bekerja, ini banyak membuang masa dalam masa mereka pergi bekerja dan balik ke rumah mereka masing-masing. Atas hakikat ini dan memandangkan pembuangan masa kepada pekerja-pekerja kilang khususnya, maka di sini saya menarik perhatian kepada Kementerian yang berkenaan perkara yang penting sekali kepada Kementerian yang berkenaan menentukan kepada pekilang-pakilang yang hendak menjalankan perusahaannya mereka, kita boleh menganggarkan sekiranya kalau pekerja-pekerja mereka terdiri tidak kurang daripada 200 orang, maka satu syarat yang perlu ditetapkan kepada pihak kilang mesti menyediakan tempat tinggal pekerja-pekerja kilang, khususnya kepada pekerja-pekerja yang jauh. Tempat ini kita boleh mengatakan satu tempat tinggal pekerja-pekerja kilang yang berbentuk asrama.

Ada dua cara kita minta kepada pihak pekilang, yang pertama mereka mesti mendirikan rumah yang berbentuk asrama dan sebagainya bagi menentukan pekerja-pekerja yang hendak bekerja di kilang mereka atau mereka mesti menyewa rumah-rumah yang tertentu bagi menempatkan pekerja-pekerja mereka di situ. Dengan ini sekiranya langkah ini dapat dilaksanakan dan kita menentukan pihak kilang, pembaziran masa untuk pekerja-pekerja kilang yang hendak pergi kerja dan pulang ke rumah tidak akan berlaku,

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya suka mengambil perhatian berhubung dengan kebelakangan ini terdapat banyak kilang-kilang yang membuang pekerja-pekerja mereka dengan begitu mudah. Kadang-kadang ratusan pekerja-pekerja dibuang dalam satu masa. Dalam maksud ini, saya merasai sudah sampai masanya pihak Kerajaan membuat beberapa peraturan yang tertentu kepada mana-mana kilang yang berada di negara kita ini, misalannya pihak Kementerian mesti menentukan bancian bulanan bagi pekerja-pekerja kilang yang terdiri daripada Penyelia-penyelia ataupun yang terdiri daripada pekerja-pekerja biasa, jaga dan sebagainya. Laporan bulanan

ini patut disampaikan kepada pihak Kerajaan yang menunjukkan statistik keramaian bagi pekerja-pekerja yang tertentu dari sebulan ke sebulan. Misalnya kalau dalam bulan pertama laporan mereka menentukan seramai 250 orang dan kalau dalam bulan kedua tinggal 200, maka perlu pihak pekilang menjelaskan apakah sebabnya kekurangan yang berlaku demikian.

Selain daripada itu, dalam masalah yang saya perkatikan pembuangan pekerja-pekerja beramai-ramai terdapat di kilang-kilang yang tertentu, maka kita merasai sebab yang utama itu agak sukar dapat dikesan. Walau macam manapun kita boleh menganggap di atas pembuangan pekerja-pekerja kilang-kilang itu satu di antaranya berkemungkinan kemerosotan perniagaan mereka atau sengaja hendak dibuang kepada pekerja-pekerja yang tertentu, maka ramailah pekerja-pekerja kilang yang dibuang dalam masa yang tertentu. Dalam masalah ini supaya tidak menyusahkan kepada pekerja-pekerja yang bekerja mungkin telah beberapa lama, maka di sini saya mengesyorkan kepada Kerajaan iaitu mana-mana kilang yang hendak memberhentikan pekerja-pekerja mereka yang agak ramai dapat melaporkan kepada pihak yang berkenaan ataupun kepada Kementerian yang berkenaan sekurang-kurangnya tiga bulan sebelum hendak diberhentikan pekerja-pekerja itu. Kemudian kepada anggapan kita, sekiranya kalau dalam masa tiga bulan pihak kilang hendak memberhentikan pekerja dan disebabkan apakah yang mereka berbuat demikian, maka perkara pembuangan kerja itu tidak akan berlaku dengan sewenang-wenangnya.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya juga mengambil perhatian berhubung dengan pengeluaran getah asli di negara kita. Dalam masalah pengeluaran getah asli di negara kita ini, berbagai agensi Kerajaan untuk memesatkan pengeluaran getah asli, iaitu termasuk RISDA, MARDEC, FELDA, FELCRA dan sebagainya. Dan sebagaimana yang kita ketahui dalam tahun 1983, penggunaan getah asli sedunia yang pengeluarannya dalam seluruh dunia ini berjumlah 3.96 juta tan metrik. Kemudian penggunaannya sedunia sebanyak 3.94 juta tan metrik. Dalam keadaan ini

kita juga mengetahui pengeluaran getah asli Malaysia mengikut maklumat yang kita ketahui berjumlah 1.56 juta tan metrik. Apabila kita kaji dari segi pengeluaran getah asli dan penggunaan getah asli agak seimbangannya sama, kerana apa yang saya katakan pengeluarannya 3.96 juta tan metrik dan penggunaannya 3.94 juta tan metrik. Dan pengeluaran getah asli bagi Malaysia 1.562 juta tan metrik. Kalau kita kaji peratusan pengeluaran getah Malaysia dengan pengeluaran getah asli dunia, Malaysia sahaja telah mengeluarkan lebih kurang 40% daripada yang digunakan oleh seluruh dunia.

Dalam hakikat ini kita menyedari penoreh-penoreh getah terancam dalam keadaan harga getah yang kadang-kadang turun dengan begitu mendadak kerana kita tidak mengetahui apakah yang menyebabkan demikian. Tetapi berasaskan kepada pengeluaran getah asli di negara kita sebanyak 40% bagi seluruh dunia maka di sini sampailah masanya negara kita perlu memainkan peranan yang penting bagi menentukan harga getah seluruh dunia.

Jadi sekiranya kalau kita dapat menentukan harga getah dengan harga yang tertentu dengan gabungan daripada pengeluar-pengeluar getah di negara yang lain, maka saya merasai harga getah tidak akan jatuh dengan begitu mudah, kerana kita telah mempunyai kuasa sebanyak 40% pengeluaran getah dunia.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya suka menarik perhatian dalam Maksud B.33 - Kementerian Perusahaan Awam.

Di sini kita selalu dengar helah-helah yang telah dilakukan oleh setengah-setengah derebar lori ataupun pemandu-pemandu lori dan helah-helah yang dilaksanakan oleh mereka setengah-setengahnya seolah-olah hendak lari atau merendahkan undang-undang lalulintas jalanraya. Apa yang kita fahamkan dan ketahui apabila ada sekatan-sekatan jalanraya yang menentukan atau hendak mengambil kira daripada lebih barang-barang yang dibawa oleh sesebuah lori maka berkemungkinan pihak Polis bersama-sama dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah membuat sekatan-sekatan di jalanraya.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Apabila berlaku sekatan yang demikian maka kita ketahui setengah-setengah pemandu lori telah memberi isyarat yang tertentu supaya pihak lori yang lain berhenti di tepi jalan bahuwa di hadapan di sana ada sekatan jalanraya. Kalau ini kita dijamin berlarutan maka kita telah merasai satu undang-undang atau satu peraturan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan telah dapat dilarikan oleh pihak-pihak yang tertentu ataupun pihak drebar-drebar lori yang berkenaan.

Dengan ini saya rasa telah sampai masanya pihak yang tertentu untuk mengesan lori-lori yang bermuat muatan yang lebih dalam bentuk penyekatan jalanraya-jalanraya perlu dikaji semula. Sekiranya kalau masalah ini berlaku, setengah-setengah daripada mereka meletakkan lorinya ditepi jalan maka sampailah masanya sekatan-sekatan yang dilakukan oleh pihak-pihak yang berkenaan tidak lagi dibuat dan perlu pihak yang berkenaan terus sahaja menahan mana-mana kenderaan lori yang difikirkan membawa muatan lebih dan menentukan alat penimbangannya dalam masa yang tertentu ataupun pada masa itu juga dikenakan bayaran-bayaran yang tertentu ataupun kompaun kepada mereka yang berkenaan. Jadi, dalam masalah ini untuk mengelakkan supaya setengah-setengah derebar lori yang agak melakukan perbuatan mereka untuk merendahkan undang-undang yang sedia ada.

Selain daripada itu, sebagaimana yang dijelaskan pada hari semalam oleh rakan saya di Dewan ini berhubung dengan harga minyak di negara kita, harganya tidak begitu menurun walaupun telah ada pengeluaran minyak mentah di negara kita tetapi harganya yang kita memikirkan dapat kurang daripada sepatutnya tidak berlaku. Dan apa yang dijelaskan untuk memikirkan suatu proses minyak mentah yang telah dilaksanakan di Singapura ataupun di luar negeri maka perlu proses minyak mentah itu dapat dilaksanakan di Melaka. Ini saya cuma menjelaskan apa yang dijelaskan oleh pihak Menteri menyatakan sekiranya hendak membina kilang-kilang penapis minyak atau

proses minyak mentah di Melaka agak memakan belanja yang begitu banyak, ini berkemungkinan kita akui sekiranya kalau pihak Kerajaan hendak membina kilang-kilang untuk peringkat awal. Cuma saya menarik perhatian dalam Dewan ini apakah proses untuk mengusahakan penapisan minyak di Melaka itu tidak dikaji dengan teliti. Tanah-tanah yang beratus-ratus hektar telah diambil oleh Kerajaan dan telah dibayar pampasan yang tertentu tetapi proses untuk mengendalikan penapisan minyak telah terbengkalai dan telah diberi alasan yang demikian maka ini kita merasai hairan adakah proses ini tidak diatur daripada mula, bagaimanakah hendak dilaksanakan dari masa ke semasa.

Saya cuma menarik perhatian Kementerian yang berkenaan bahawa kita sedar untuk mendirikan kilang memproses pada peringkat awal memakan belanja beratus-ratus juta ringgit tetapi hakikatnya kita oleh sebab kita telah ada pengeluaran minyak mentah maka perlu kita mengadakan satu tempat pemerosesan minyak mentah itu, apa salahnya kita laksanakan berperingkat-peringkat dan berkemungkinan kalau kita laksanakan berperingkat-peringkat, mungkin dalam masa beberapa tahun akan datang proses bagi pengeluaran minyak di negara kita ini agak lebih kurang daripada negara yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat inilah yang dapat saya sampaikan didalam Dewan ini dan dengan ini saya menyokong penuh Akta yang dinamakan Akta Perbekalan Tambahan 1985. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Fadzil Mahmood.

4.40 ptg.

**Tuan Fadzil bin Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun menyokong Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1985 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Akta Perbekalan Tambahan ini dan saya berpendapat bahawa peruntukan yang ditambahkan kepada Kementerian-kementerian yang berkenaan ada dua sebab.

Yang pertamanya, Kementerian-kementerian yang berkenaan itu adalah boros, dan satu lagi adalah disebabkan Kementerian-kementerian yang berkenaan itu mempunyai idea-idea yang tertentu bagi menjalankan sesuatu projek bagi Kementeriannya masing-masing. Bagi alasannya, Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara yang pertama yang saya maksudkan tadi, ada setengah-setengah Kementerian yang membudgetkan sesuatu projek lebih daripada sepatutnya. Ada di antaranya satu-satu tender yang dikeluarkan oleh sesuatu Jabatan, budgetnya terlalu tinggi dan tidak padan dengan projek yang hendak dibuat itu. Ada di antaranya satu projek yang dapat ditenderkan oleh sesuatu kontraktor dan kontraktor itu dapat subkan kontrak itu kepada 5 sub kontraktor dan di antara satu-satu kontrak itu mendapat keuntungan 10%, bermakna keuntungan daripada budget yang diperuntukkan oleh sesuatu Kementerian itu atau sesuatu Jabatan itu mendapat keuntungan 50% daripada projek yang dibudgetkan itu. Ini bermakna projek yang diperuntukkan, yang dibudgetkan oleh sesuatu Jabatan itu adalah boros dan tidak mengikut sepertimana yang dikehendaki oleh Kerajaan kita iaitu menjimat wang dan sebagainya. Perkaranya ini adalah satu perkara yang patut kita ingatkan supaya budgetnya yang dibuat oleh sesuatu Kementerian ataupun Jabatan itu mestilah berhati-hati supaya tidak merugikan wang Kerajaan. Dengan sebab inilah banyak tambahan-tambahan yang perlu diberi kepada sesuatu Kementerian itu.

Sebab yang keduanya ialah kerana di antara Kementerian-kementerian itu mempunyai idea-idea yang baik bagi menjalankan sesuatu projek demi untuk kepentingan rakyat di negara ini dan saya ucapkan syabas.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuba untuk bercakap seberapa ringkas yang boleh kerana saya difahamkan mengikut Rang Undang-undang ini bahawa peruntukan itu telahpun diberi kepada Kementerian-kementerian yang berkenaan, cuma untuk pendapat kelulusan dari Dewan yang mulia ini sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya syorkan kepada pihak yang berkenaan supaya peruntukan tambahan ini diambil kepada Kementerian-kementerian yang tidak membelanjakan wang yang diperuntukkan kepada Kementerian itu pada awalnya, kerana ada di antara Kementerian-kementerian yang tidak membelanjakan wang yang diperuntukkan kepada mereka. Jadi oleh yang demikian, wang yang tidak digunakan oleh Kementerian itu diberi kepada Kementerian-kementerian yang berkehendakkan wang tambahan. Dengan ini saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian-kementerian yang diperuntukkan wang kepada mereka itu akan dapat menjalankan kerja mereka itu dengan lebih baik dan lebih cepat. Jadi tidak membazirkan wang yang diperuntukkan kepada mereka itu dan tidak digunakan oleh Kementerian-kementerian yang berkenaan. Kalau ada peraturan-peraturan macam ini patut pihak Kementerian mengambil wang daripada Kementerian yang tidak menggunakan wang yang diperuntukkan kepada Kementerian yang berkenaan. Ini boleh menggalakkan Kementerian-kementerian lain supaya dapat menjalankan kerja-kerja mereka, menjalankan projek-projek mereka dengan cepat dan tegas.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan Maksud B.7 iaitu Jabatan Perdana Menteri. Ada di antara rakan-rakan saya menyatakan bahawa Jabatan Perpaduan Negara ini rancangan-rancangan, projek-projek yang dibuatkan oleh Jabatan yang berkenaan tidak memberi kesan kepada perpaduan kita di dalam Malaysia ini. Bagi saya tidak berapa setuju kerana walaupun tidak 100% projek-projek ataupun rancangan-rancangan yang dijalankan oleh Jabatan Perpaduan Negara seperti mengadakan Majlis Hari Raya, sukan rakyat dan sebagainya, walaupun tidak 100% memberi kesan kepada perpaduan sesama kaum di negara kita ini, tetapi ada juga memberi kesan, tidak sia-sia apa yang dijalankan oleh Jabatan Perpaduan Negara.

Di samping itu, saya rasa pemimpin-pemimpin kita dalam Malaysia ini patut juga memainkan peranan, tidak kita serahkan ini kepada Jabatan-jabatan yang berkenaan, tetapi pemimpin-pemimpin kaum kita di dalam negara

kita ini juga mesti memainkan peranan yang penting bagi menjaminkan supaya perpaduan rakyat dalam negara kita ini akan dapat kita bendungkan. Jadi kita tak mahu setengah-setengah pemimpin sama ada pemimpin Melayu, pemimpin bukan Melayu dalam ucapan mereka itu patut berhati-hati kerana rakyat menumpukan kepada ucapan pemimpin-pemimpin negara kita ini di mana sahaja mereka berucap kerana dalam ucapan mereka ini akan menjejaskan, akan memberi kesan kepada perpaduan rakyat yang ada di negara kita ini. Jadi ada di antara pemimpin-pemimpin kita yang cuba berucap bukan untuk menyelesaikan masalah perpaduan kita, tetapi cuba mengeruhkan keadaan yang ada, yang sedia terjamin dalam negara kita ini.

Saya sebagai rakyat Malaysia berasa kesal dengan setengah-setengah pemimpin kita dalam ucapan mereka. Jadi saya berharap supaya ucapan pemimpin-pemimpin kita ini jangan menjadi satu ucapan yang kontroversi dalam negara kita ini, sebab itulah yang saya maksudkan tadi bahawa peranan pemimpin itu adalah penting selain daripada rancangan-rancangan yang kita buat sepertimana yang disebutkan oleh rakan-rakan kita di Dewan yang mulia ini, seperti mengadakan sukan dan sebagainya. Jadi ini satu perkara, ucapan yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin kita, yang boleh menjadi curiga-mencurigai di antara satu kaum dengan satu kaum yang ada di dalam negara kita ini. Ini patut diambil ingatan oleh pemimpin-pemimpin kita yang ada dalam negara kita ini kerana ucapan inilah yang akan memberi kesan yang besar daripada perkara-perkara yang kita lakukan dalam negara ini. Jadi bagi saya dalam negara Malaysia ini ialah satu negara yang berbilang kaum dan tidak ada dalam dunia ini sepertimana dalam Malaysia ini terdiri dari berbilang kaum dan kita hidup dalam aman dan damai.

Saya suka menjelaskan di sini, kalau kita menjelajah kita perhati di negara-negara lain, kita tidak boleh lawan negara kita, negara Malaysia ini yang mana berbagai-bagai kaum hidup dalam aman dan bahagia, tetapi masih ada lagi pemimpin-pemimpin kita yang mempertikaikan masalah ini. Jadi inilah yang disebabkan rancangan-rancangan yang kita buat untuk menyatupadukan antara kaum dalam

negara kita ini terjejas dengan ucapan-ucapan yang disuarakan oleh pemimpin-pemimpin kita dalam negara kita Malaysia. Ini saya berasa sungguh kesal dalam masalah ini dan saya berharap perkara ini patut kita hentikan demi untuk kepentingan ataupun perpaduan rakyat dalam negara Malaysia kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menerangkan sedikit berkenaan dengan B.33 iaitu Kementerian Perusahaan Awam yang mana peruntukan tambahan begitu banyak juga yang diberi kepada Kementerian berkenaan. Dalam mesyuarat-mesyuarat Dewan beberapa kali yang lepas ini banyak wakil-wakil kita membangkitkan berkenaan dengan LPN, banyak padi-padi yang dijual oleh petani-petani tersadai di luar, terdedah kepada hujan dan panas, maka padi-padi itu rosak dan mendaftarkan kerugian kepada Kementerian yang berkenaan sepertimana yang diumumkan oleh Menteri yang berkenaan baru-baru ini. Saya rasa peruntukan yang diberi kepada Kementerian ini dapat menggunakan peruntukan itu untuk menambahkan gudang-gudang tempat menyimpan padi di kompleks-kompleks LPN di seluruh negara kita ini kerana dengan adanya gudang-gudang tambahan ini maka sedikit sebanyak dapat kita menyelesaikan masalah padi yang terdedah di hujan dan panas ini.

Saya berharap kepada pihak Kementerian supaya dapat mengatasi masalah ini kerana Kerajaan ataupun Kementerian yang berkenaan telah rugi berpuluh-puluh juta ringgit kerana padi ini tidak ada tempat untuk disimpan. Saya berharap perkara ini tidak akan berlaku lagi pada musim sekarang ini dan musim akan datang dan pada masa sekarang ini LPN sedang menerima padi-padi daripada petani-petani pada musim sekarang ini. Dengan adanya kompleks-kompleks ataupun gudang-gudang tempat menyimpan padi itu disediakan oleh pihak LPN, maka perkara ini dapat diatasi oleh pihak LPN itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan B.46 iaitu Jabatan Penerangan. Jabatan Penerangan ini apabila kita lihat beberapa tahun yang lepas apabila seseorang Menteri itu memegang jawatan dalam Kementerian Penerangan, mereka berjanji

akan membetul, akan memperbaiki keadaan rancangan-rancangan TV yang ditayangkan kepada umum dan saya ucap syabas kepada Menteri yang baru ini kerana dapat sedikit sebanyak mengatasi masalah-masalah yang dibangkit, yang disuarakan oleh pihak penonton dalam negara kita ini. Di antaranya berkenaan dengan pakaian dalam mana-mana pertunjukan dalam TV ini dan kita lihat sekarang ini ada sedikit perubahan pakaian-pakaian oleh artis-artis ini tidak begitu menjolokkan mata sangat, tetapi ada juga sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat pada petang semalam mengatakan ada penari-penari di latarbelakang itu yang pakaian mereka itu tidak berapa senonoh, tidak sesuai dengan pertunjukan ataupun persembahan yang ditunjukkan dalam TV itu. Walau bagaimanapun, ada juga Menteri yang menyalahkan penerbit mengatakan penerbit ini degil dan sebagainya, perkataan itu selalu disebut dalam akhbar dan sebagainya tetapi pada masa sekarang saya tidak pernah dengar penerbit itu diambil tindakan. Kalau penerbit-penerbit ini tidak mengikut peraturan yang diberikan oleh pihak TV maka tindakan patut diambil kepada penerbit-penerbit ini.

Satu lagi saya ingin menyentuh berkenaan dengan tayangan gambar, iaitu tayangan garibar daripada luar negeri, tayangan gambar daripada gambar-gambar barat. Dalam pertunjukan gambar itu ada babak-babak yang romantis, bagi muda-mudi ini memanglah sesuai tetapi kadang-kadang kalau kita lihat bersama-sama dengan keluarga kita, kita berasa malu dengan babak-babak yang ditunjukkan dalam gambar-gambar yang ditayang dalam television itu. Di antaranya saya rasa babak di atas katil patut kita potong kerana babak di atas katil ini kadang-kadang sungguh menjolokkan mata kita, terutama sekali apabila kita melihat bersama-sama dengan anak-anak kita. Jadi, babak di atas katil itu patutlah pihak RTM tidak payah masukkan lagi, patut dipotong, tidak payah lagi ditunjukkan dalam gambar-gambar barat itu. Itulah sahaja berkenaan dengan Jabatan Penerangan.

Satu lagi saya ingin menyentuh akhir sekali, iaitu B.62 berkenaan dengan Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah kerana dalam Kementerian ini saya rasa saya hendak

sentuh sedikit berkenaan dengan setinggan, terutama sekali setinggan yang banyak sekali dalam negara kita di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ini. Setinggan-setinggan ini adalah terdiri daripada orang yang susah, kalau dia tak susah, dia tak jadi setinggan kerana mereka ini tidak mempunyai tanah, tidak mempunyai harta, terpaksa mereka mendirikan rumah di atas tanah-tanah Kerajaan. Saya rasa setinggan-setinggan ini kadangkalanya apabila tanah itu hendak digunakan oleh pihak Kerajaan, maka setinggan-setinggan ini terpaksa berpindah dan kadangkalanya mereka ini berpindah tidak tentu arah, pergi duduk di tepi-tepi jalan ataupun menumpang rumah rakan dan sebagainya kerana mereka ini susah dan Kerajaan kita tak mahu mereka ini tinggal di bawah jambatan dan sebagainya. Oleh kerana kita hendak menjagakan imej negara kita, kita tak mahu rakyat kita tinggal di bawah jambatan, di tepi jalan dan sebagainya seperti negara-negara jiran kita yang ada pada masa sekarang ini.

Sepertimana saya katakan tadi oleh kerana setinggan ini orang yang susah, apabila dipindahkan patutlah Kerajaan memberi bantuan ataupun saguhati kepada mereka ini supaya dengan bantuan yang diberikan oleh Kerajaan kepada mereka ini maka dapatlah mereka menggunakan peruntukan ini untuk mendirikan rumah dan sebagainya untuk mencari nafkah mereka. Saya berharap walaupun tidak ada dalam peraturan, walaupun tidak ada dalam undang-undang, boleh diberi kepada setinggan-setinggan ini. Maka saya berharap kepada Audit Negara janglah sangat mempertikaikan sekiranya Kementerian ini memberi bantuan kepada orang-orang yang susah ini, sepertimana disebutkan tadi seperti setinggan dan sebagainya kerana kita patut beri pertolongan kepada mereka ini kerana mereka ini orang susah. Saya berharap sekali lagi kepada Audit Negara apabila diaudit perbelanjaan Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah ini jangan di-pertikaikan sangat kerana ini adalah untuk kepentingan rakyat kita demi kepentingan rakyat setinggan tadi yang terdiri daripada golongan yang susah.

Inilah harapan saya dan saya sekali lagi menyokong penuh di atas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini dan sekian sahaja, terima kasih.

5.00ptg.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ber-banyak terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya di Dewan yang mulia ini untuk turut serta bersama dalam membahaskan suatu Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang yang Disatukan iaitu di bawah Akta Perbekalan Tambahan (1985).

Untuk tidak membuang masa, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin terus menyentuh Jabatan Perdana Menteri di bawah Maksud B.7.

Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah yang setinggi-tingginya kepada pihak Jabatan Perdana Menteri terutama di Bahagian Agama iaitu telah dapat melahirkan Badan Perunding Islam Kebangsaan yang telah banyak mewujudkan seminar-seminar, perundingan-perundingan, musawarah, muzakarah dan sebagainya di peringkat kebangsaan yang sehingga akhir-akhir ini kita dengan bangganya di bawah Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam telah dapat melahirkan beberapa perubahan di dalam usaha-usaha mengembalikan penghayatan yang sejati kepada umat Islam di dalam negara ini untuk mengamalkan hidup sehari-hari yang menjadi musykil, menjadi masalah besar di peringkat seluruh negara kita yang wujud dan yang nyata yang kita telah dapat nikmati dengan lahirnya antara lain Akta Takaful, Bank Islam, Skim Amal Jariah dan berbagai-bagai lagi termasuk Insuran Islam dan sebagainya.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Perdana Menteri yang mengendalikan Badan Perunding Islam ini masih lagi sehingga hari ini belum membuat keputusan muktamad ataupun mengadakan muzakarah susulan setelah adanya muzakarah ulama dan mufti-mufti dalam tahun 1981 sehingga hari ini belum membuat keputusan muktamad tentang kedudukan beberapa hal yang subahat, mengelirukan dan masih belum memberikan fatwa putus terhadap kedudukan halal-haramnya beberapa saham-saham, unit-unit pecahan saham yang terkandung dalam Amanah Saham Nasional. Jadi terpekik, terlolonglah kita untuk menyuarakan hal ini.

Saya sendiri telah masuk pada kali ini kali yang ketiga berharap dan meminta di dalam Dewan yang mulia ini bagi pihak Jabatan Perdana Menteri, Bahagian Agama melaksanakan dengan tegas kerana apabila telah diberi ketegasan yang muktamad ini fatwa hukum halal-haramnya ASN ini kita tidak perlu kempen banyak lagi, kita tidak payah membuang dan membazirkan wang, tidak payah lagi kempen besar-besaran di dalam TV terhadap Amanah Saham Nasional. Jadi, sebahagian besar daripada rakyat yang inginkan kesucian tentang ASN ini terhadap beberapa saham-saham yang subahat, maka saya rasa sebuah Kerajaan yang berani dan tegas di bawah pimpinan Perdana Menteri kita yang bijaksana patutlah dengan tidak ragu-ragu, dengan tidak banyak tangguh-tangguh dan, dengan izin, delay tactic untuk bermain politik dan helah pada hari ini dan menjelang tarikh kemerdekaan kita pada 31hb Ogos yang akan kita sambut tahun yang ke 28nya ini perlulah diisytiharkan tentang muktamadnya hukum dan keputusan fatwa mengenai kedudukan saham ASN itu.

Seperkara lagi di bawah Jabatan Perdana Menteri, Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini dan juga negara kita akhir-akhir ini mendapat kunjungan daripada berbagai-bagai tokoh-tokoh ulamak-ulamak, pendidik-pendidik Islam yang terkenal dari seluruh dunia terutama sekali daripada negara-negara Islam di Timur Tengah seperti Saudi Arabia, Kuwait, Jordan, Qatar dan sebagainya termasuklah di antaranya yang paling ternama iaitu seorang pendidik, seorang ulamak yang terkenal kealimannya, kecergasannya, kebijaksanaannya iaitu yang menjadi Rektor di Universiti Qatar, Dr. Yusoff Qardhawi yang telah melahirkan berpuluh-puluh, beratus buku-buku ilmiah tentang hukum-hukum Islam dari segenap sudut dan segi di dalam kehidupan di dunia, falsafah, agama dan sebagainya termasuk bidang-bidang sains dan lain-lain lagi. Tetapi sayang, Tuan Yang di-Pertua, kunjungan-kunjungan ini nampaknya dimanfaatkan di sekitar Kuala Lumpur di dalam satu titik sahaja di dalam peta di negara kita ini.

Apakah salahnya kalau kunjungan-kunjungan yang berharga yang boleh memberikan fikiran-fikiran yang bernas terhadap hukum-hukum Islam, terhadap perkembangan yang



dikehendaki oleh negara kita dijemputlah wakil-wakil daripada Kerajaan-kerajaan Negeri.

Sebenarnya saya dapat faham ada seminar-seminar, taklimat-taklimat yang begitu bernilai telah diberikan oleh Dr. Yusoff Qardhawi di dalam bidang pentadbiran dan bidang hukuman yang dijalankan di negara kita. Cuma kita dapat tatap di dalam akhbar-akhbar, di dalam kertas-kertas yang berbentuk nota daripada Kerajaan Pusat. Bagaimanapun sebagai peringkat kita yang masih muda di dalam dasar penerapan ini segala bentuk-bentuk nota itu memang kita hargai, kita ucapkan terima kasih tetapi nota-nota di dalam kertas tidaklah begitu dapat meresapkan sanubari, dapat meresapkan dalam pemakaiannya jikalau kita tidak berdepan dan dapat melihat dan berdialog sendiri dengan ulamak-ulamak yang sangat berharga dan jarang-jarang dapat diperolehi di negara kita ini. Jadi, saya berharap langkah-langkah yang sepatutnya diambil oleh pihak Kerajaan Pusat dan Jabatan Perdana Menteri di bawah Bahagian Agama ini menjemput wakil-wakil daripada Kerajaan-kerajaan Negeri memadai dengan Ahli-ahli Exco Kerajaan, Ketua-ketua Setiausaha Kerajaan dan juga Ahli-ahli Parlimen yang sedikit sangat bilangannya ada di dalam negara kita ini untuk mendengar dan mendapat ilmu walaupun sebutir sebesar biji sawi ilmu ini tetapi kalau dapat dimanfaatkan akan mendapat faedah yang paling tinggi kepada dasar-dasar penerapan kita dan juga untuk pemakaian bagi segenap pentadbir dan amal hidup penghayatan Islam untuk rakyat di negara kita ini.

Suatu perkara lagi di bawah Maksud B.7, Jabatan Perdana Menteri, Bahagian Agama patut juga mensekukan segala arahan dan pemakaian undang-undang, peraturan di seluruh negara mengenai rumah rehat-rumah rehat Kerajaan-kerajaan Negeri. Saya perhatikan ada beberapa keganjilan di dalam usaha-usaha penerapan nilai-nilai Islam ini kerana Kerajaan-kerajaan Negeri tidak memperhitungkan sangat tentang syarat-syarat yang dikenakan kepada pemajak rumah rehat-rumah rehat.

Saya pernah menyiasat dan menyemak tiap-tiap syarat dan ternampaklah syarat keganjilan di dalam pemberian pajak kepada rumah rehat-rumah rehat ini. Di dalam satu syarat

tertulis: Pemajak tidak dibenarkan menjual bahan-bahan makanan haram tetapi di bawah ayat sekali terletak suatu keistimewaan yang muktamad bahawa pemajak telah diberi kuasa mutlak untuk menyimpan, menjual dan seterusnya dengan bebas boleh menjual minuman keras. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kita berasa amat ganjil rumah rehat-rumah rehat yang dikendalikan oleh Kerajaan sendiri membuat syarat-syarat yang begitu nyata ganjilnya kerana syarat yang di atas dibatalkan oleh syarat istimewa yang mutlak di bawah. Jadi untuk hitam-putih boleh saya photostat dan hantarkan ke Dewan ini untuk dipanjangkan kepada pihak-pihak tertentu, sangat memalukan keadaan ini, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya izinkan saya menyentuh Muzium Negara. Muzium Negara kita yang telah diubahsuai telah ditingkatkan dengan menerima bahan-bahan purba, bahan berharga ditonton. Saya mengucapkan sebanyak tahniah kerana saya pun jarang-jarang sekali pergi ke Muzium ini, tetapi setelah diubahsuai-ubahsuai yang banyak terutama sekali perkembangan pembangunan di sekitar sekeliling Muzium Negara kita terletak di Kuala Lumpur di tepi pinggir Lebuh raya daripada selatan hingga ke utara yang baru hingga menempuh kaki Parlimen ini ada terletak sebuah restoran yang baru. Saya tidak tahulah restoran ini sama ada ala Jepun atau ala Korea dan dikendalikan oleh siapa, tetapi saya amat terperanjat kerana pada suatu hari saya menganggap bahawa bentuk tradisi yang ada wajah lahiriah bangunan restoran yang berhampiran dengan Muzium ini apabila kita masuk ke dalamnya maka kita amat terperanjat, amat memalukan juga kerana rakyat yang datang berkunjung ke Muzium Negara ini kebanyakannya rakyat di luar bandar, kanak-kanak sekolah yang ingin mendapat dan meninjau keadaan di Muzium Negara dan bahan-bahan di dalamnya dan ingin melepaskan lelah untuk menikmati minuman dan makanan di restoran ini tetapi alangkah terperanjatnya kita bahawa di restoran ini dihidangkan semuanya hidangan-hidangan yang luar daripada menu yang lazimnya ada di negara kita ini. Dan yang paling menyedihkan ada bercampur baur dengan menu-menu bahan haram, makanan-makanan daging yang haram bagi orang-orang Islam.

Tuan Yang di-Pertua, apakah salahnya pihak Muzium Negara dan Kerajaan kita menitik beratkan supaya di samping kita menonton bahan-bahan purba yang terdapat di negara kita di dalam Muzium Negara ini maka restorannya itu juga dihidangkan dengan makanan-makanan yang halal walaupun katalah makanan-makanan kaum-kaum lain yang beragama lain tetapi diberikan makanan yang tidak menyentuh halal haramnya yang menyinggung perasaan mana-mana agama terutama sekali agama Islam.

Saya kira ini adalah tugas pihak Kerajaan untuk menentukan supaya tidak ditengah-tengah Bandaraya, di tengah-tengah tempat tumpuan rakyat di seluruh negara maka di situ didatangkan perasaan yang menyayat hati kepada sebahagian besar daripada rakyat di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya terus kepada Maksud B. 59 iaitu Jabatan Perkhidmatan Pos.

Saya tidak tahu berkenaan Jabatan Perkhidmatan Pos di tempat lain, tetapi baru-baru ini dalam Dewan yang mulia ini juga saya ada menulis soalan-soalan lisan untuk dijawab oleh Menteri yang berkenaan. Saya bertanyakan mengenai perkhidmatan pos memudahkan kepada kakitangan-kakitangan Jabatan Pos terutama posman-posman. Di zaman kita telah mengejar kemajuan, di zaman kita telah meningkatkan bangunan daripada ground floor, dengan izin, sampai kepada 36 tingkat di Dayabumi, bangunan-bangunan yang mencakar langit telah diwujudkan, kenderaan-kenderaan kita pun telah begitu mencapai kemajuan tetapi kasihanlah kepada nasib posman-posman kita ini terutama sekali di kawasan-kawasan bandar dan kawasan-kawasan tempat yang berbukit bukau, keadaan yang seperti tempat saya di Tapah itu maka posman yang ada 7 beat, ada satu sahaja motosikal, 6 beat lagi terpaksa mengayuh basikal buruk yang dibekalkan sejak zaman penjajah, sedangkan jabatan ini adalah jabatan yang mendapat hasil, hari-hari menemui rakyat sekurang-kurangnya dua kali pada satu rumah, dua kali pagi dan petang menyampaikan surat-surat dan bungkusan-bungkusan ke jabatan-jabatan Kerajaan. Adakah kita sanggup melihat posman kita itu di lapisan umur muda sampai pencek naik koyak

celah kangkang kayuh basikal, sedangkan kita lari dengan kereta-kereta moden tidak cukup dengan Mercedes Benz, Toyota, tidak cukup itu Proton Saga tetapi posman kita masih kayuh basikal zaman penjajah. Sangat pilu dan sangat menyayat hati keadaan ini, Tuan Yang di-Pertua, sedangkan hasil kita daripada Jabatan Pos ini mencurah, daripada empat sen harga satu setem surat-surat biasa, sudah naik kepada 20 sen, tetapi posman daripada jalan kaki naik basikal sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kalaulah dapat Jabatan Pos Tapah kerana kawasanya adalah berbukit bukau, kita ada-di sana kalau tidak silap saya perumahan di Bukit Timur, perumahan di Bukit Baldwin, perumahan di Bukit Rumah Rehat, Bukit Pegawai Daerah, Bukit Bidor, semuanya bukit yang ada ditepi Jabatan Pos itu ialah Sungai Batang Padang, itu sahaja yang rendah, yang lain semuanya bukit, ini yang hendak didaki sepanjang hari setiap hari oleh 7 beat pasukan posman yang ada di Situ. Masihkah lagi kita ingin melihat mereka dengan taraf yang ada di dalam zaman sebelum merdeka dahulu lagi? Saya kira kalau di Kuala Lumpur kita boleh mengadakan kemudahan kepada posman itu memberi surat penghargaan kepada mereka, saya kira setakat surat penghargaan sahaja kepada pekerja-pekerja posman yang baik ini masih belum cukup, saya kira belum kita bekalkan dengan jentera-jentera yang bukanlah yang sophisticated, tetapi memadailah naik tarafnya daripada basikal kepada motosikal yang boleh berjalan dengan lancar dan baik.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya pergi kepada Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, selama hari ini saya menyangka dasar yang dibawa, mimpi yang dibawa yang dilaksanakan oleh Allahyarham Perdana Menteri kita, Tun Razak melahirkan rancangan-rancangan FELDA berjuta-juta ekardi seluruh negara ini sudahlah jayanya daripada segi pendapatan, perubahan taraf hidup, daripada tidak bertanah kepada hidup bertanah yang ekonomik hingga 10 ekar, ada kampung tersusun, ada segala kemudahan dan berbagai-bagai lagi. Ada dua jenis tanaman yang besar yang kita dapat tahu ditanam iaitu getah dan kelapa sawit.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang perjalanan saya daripada Tapah hingga sampai ke Dewan ini di Kuala Lumpur, saya sempat singgah di kawasan FELDA Trolak Timur di dalam gugusan FELDA Trolak, namanya ada Trolak Selatan, Trolak Utara dan di sana terletak sebuah input yang besar di negara kita ini iaitu Institut Kemajuan Tanah bagi pengajian dan kajian-kajian tanah dan pembangunan tanah di seluruh FELDA. Institut yang terbesar yang diadakan di seluruh negara kita ini berada di Trolak Selatan. Tetapi anihnya, Tuan Yang di-Pertua, Trolak Timur ditanam lebih kurang 8 tahun yang lalu dengan tanaman getah, di sekeliling ditanam dengan kelapa sawit. Walaupun kita tahu harga getah tidak pernah bangkit, apa lagi hendak mencapai harga di zaman perang Korea tidak mungkin, tetapi yang paling anih hasil pendapatan getah di Trolak Tirnur ini, peneroka-peneroka amat terperanjat kerana susu getahnya tidak banyak, kebanyakan daripada peneroka walaupun mereka ini lari daripada peraturan terpaksa keluar melawan peraturan, getah yang dapat diperolehi daripada rancangan ini dijual secara scrap dan getah beku sahaja. Isi kandungan getah nipis dan cair.

Kadar densiti getah, kepekatan getah ini merosot sejak daripada dia keluar susu sampailah berusia hampir 9 tahun pada hari ini. Bagaimanakah perkara ini terjadi?

Kerajaan kita boleh menjawab atau pakar-pakar daripada Institut Penyelidikan Getah (RRI) mungkin boleh menjawab: Itu kita tak dapat tentukan, kita sudah tanam, kita sudah baja, kita bubuh baja baik, barangkali peneroka-peneroka tak cukup penyelenggaraan dan sebagainya. Kalau kita pula jawab: Kita ini saintis kampung, kenapa datuk saya dulu selepas tahun 1922, getah pertama tanam biji sahaja, kemudian lahir kepada anaknya, benih cambah yang dicampakkan angin sahaja, pokok-pokok getah itu yang tidak dikawinkan itu telah mengeluarkan hasil yang baik dan ketahanan pokok getah ini tidak ada tandingannya, kecuali taufan besar sahaja boleh bagi dia tumbang, apatah lagi hasil susunya.

Saya minta pihak penyelidikan, pakar-pakar kita yang bebas menyelidik usul asal benih yang dibawa ke Felda Trolak Utara ini yang telah

merunsingkan dan menimbulkan resah gelisah kepada peneroka-peneroka seramai 300 keluarga ini. Pada hari ini bukan ekonominya bertambah bangkit, tetapi mereka menyebut 'ekonomi gostan' — ekonomi gostan, Tuan Yang di-Pertua.

Kalau di zaman dahulu getah yang tidak getah kahwin, tidak baka PR 600, PR itu dan PR- ini, tetapi pada hari ini mereka sudah mendapat hasil ekonomi getah yang gostan, dia sorot ke belakang. Ini sudah berlaku di hadapan mata kita, ketika kita membincangkannya di Parlimen ini, sedangkan ketika getah dibawa daripada Brazil yang diberi nama 'The species of *Havea Brasiliensis*' melahirkan susu getah yang banyak pada satu ketika, tetapi pada hari ini dengan pakar-pakar cantuman, pakar-pakar yang rapi, disemak, diselidik, dicanai di dalam makmal sehingga botak-botak pakar-pakar itu dibuatnya, maka getah yang dihantar ke sana benihnya yang tidak berguna langsung, yang tidak ada 'value' kepada peneroka-peneroka itu. Mungkin peneroka-peneroka ini datang setelah gelah itu berumur satu tahun, yang menanam kontraktor, yang membekal satu kontraktor lain, yang mengirikan kontrak ini ada satu pihak yang lain, maka yang menjadi mangsa ialah peneroka. Selama mana kita boleh maafkan kejadian-kejadian ini, Tuan Yang di-Pertua? Kalau beginilah cara-caranya, maka saya kira perbelanjaan-perbelanjaan yang berjuta-juta, yang 'trilion-trilion' lagi kita untuk meminjam kata-kata yang diberi oleh Yang Berhormat Dato James Ongkili, 'trilion-trilion' lagi kita tambah peruntukan, sekiranya penyalahgunaan, penipuan mungkin yang memangsakan penanam-penamam getah kita yang taraf hidupnya rendah itu, saya rasa kita akan mendatangkan kekecewaan dan malapetaka kepada ekonomi negara kita ini.

Saya berharap dengan adanya perbincangan-perbincangan di Dewan yang mulia ini sesuatu perubahan akan dilakukan kepada perbelanjaan di bawah Perbekalan im supaya diberi dengan perhatian yang sewajarnya akan dapat sasaran menuju kepada matlamat yang kita cita-citakan iaitu pertumbuhan ekonomi yang sihat, pembaikan ekonomi yang meningkat, kepada rakyat jelata sekalian.

Sekian sahaja, Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya menyokong Rang Undang-undang ini untuk diluluskan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kalau tidak ada Ahli Yang Berhormat hendak berucap, saya minta Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Dipersilakan.

5.04 ptg.

**Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini untuk menghulurkan ucapan ribuan terima kasih dan penuh penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mana dalam perbahasan mengenai Akta Perbekalan Tambahan 1985 ini, yang berlangsung sejak semalam melahirkan minat untuk membuat beberapa teguran yang membina terhadap Kementerian saya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar telah membangkitkan soal tugas Pegawai Penerangan Luar, Kementerian Penerangan Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, Pegawai-pegawai Penerangan, Jabatan Penerangan bertugas bukan sahaja di bandar malahan di luar bandar. Pelaksanaan tugas mereka antara lain ialah memberi ceramah semasa pertunjukan wayang gambar, mengendalikan kursus sivik mengenai dasar-dasar Kerajaan di samping menerbitkan buku-buku kecil yang mengandungi ucapan-ucapan pemimpin-pemimpin dan dasar-dasar Kerajaan.

Sukalah dinyatakan di sini Tuan Yang di-Pertua, bahawa Kementerian Penerangan kini menyelenggarakan beberapa jenis anika bentuk penerangan kepada rakyat jelata yang tidak berkesempatan menerima buku-buku kecil ini.

Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Mohd. Din bin Jaafar juga telah meminta Kementerian Penerangan memberhentikan segera drama 'Santan Berlada' kerana ianya menunjukkan kelemahan atau menjatuhkan moral peniaga restoran Melayu. Ahli Yang Berhormat Senator K. Kumaran juga menyatakan bahawa drama ini tidak sesuai, memandangkan bahawa perkataan-perkataan lucu dipergunakan di sana-sini.

Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya siri 'Santan Berlada' adalah siri komedi terbitan RTM. Ianya tidak bertujuan untuk memaparkan kelemahan orang Melayu berniaga ataupun menjatuhkan moral peniaga restoran Melayu. Restoran itu, Tuan Yang di-Pertua, hanya dijadikan sebagai 'seting' drama tersebut yang sesuai dengan keadaannya sebagai tempat berkumpul beberapa rumpun bangsa di Malaysia. Dalam suasana restoran, penggunaan Bahasa Malaysia pasar adalah amalan hidup orang ramai. Santan Berlada memaparkan realiti hidup dalam bentuk komedi dengan tujuan untuk menyedarkan orang ramai tentang kelemahan mereka sendiri dan bukan untuk memperolok-olokkan mereka. Tuan Yang di-Pertua, 'Santan Berlada' hendaklah dianggap sebagai 'cermin hidup' masyarakat harian.

Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Mohd. Din bin Jaafar juga menyentuh mengenai rancangan hiburan 'Setangkai Irama'. Sukalah saya nyatakan di sini bahawa rancangan ini menitik-beratkan perkara-perkara yang mengutamakan unsur-unsur hiburan semasa tempatan. Penerbitan nilai kebudayaan, rupa bangsa dan lain-lain memang dijadikan kriteria yang penting dari semua rancangan terbitan RTM. Walaupun begitu, tiap-tiap siri rancangan ini disediakan sesuai dengan penonton sasaran yang telah dirancangan.

Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Mohd. Din bin Jaafar juga menyentuh mengenai rancangan 'Sirih Pinang' dan Muara Kenangan'. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini memaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa melalui rancangan-rancangan terbitannya, RTM berfungsi mencungkil mengemukakan dan memajukan bakat tempatan. Jabatan penyiaran tidak pernah mengambil dasar pilih kasih dalam pengambilan artis-artisnya. Populariti seseorang artis kepada sesuatu golongan adalah berbeza dan subjektif. Atas alasan itu mungkin seseorang artis yang popular kepada sesuatu golongan dianggap tidak popular kepada golongan yang lain.

Ahli Yang Berhormat Senator Dato Mohd. Din Jaafar juga membangkitkan soal rancangan 'Sri Angkasa' di mana pada hemat beliau ianya tidak sesuai ditayangkan secara langsung untuk orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, rancangan Sri Angkasa memangnya aktiviti Kementerian Penerangan. Melalui projek ini, Kementerian Penerangan mengkaji semua mutu produktiviti penerbitan-penerbitari rancangan radio dan televisyen bagi satu-satu tahun. Ianya bukan sahaja menilai mutu tugas kakitangan RTM dan Jabatan Penerangan tetapi juga mutu persembahan artis-artis tempatan. Yang baik diberi gambaran berupa hadiah kecemerlangan. Ianya tidak disiarkan secara langsung tetapi dipackage untuk disiarkan kemudian pada masa-masa yang sesuai seperti yang telah dirancangan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Fadzil Mahmood telah menyentuh sekejap tadi soal pakaian artis-artis. Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian kini berusaha untuk menentukan semoga rancangan-rancangan televisyen kita bersesuaian dengan hasrat masyarakat Malaysia.

Yang Berhormat itu juga telah mengemukakan soalan yang berkaitan dengan penapisan terhadap filem-filem Barat. Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab filem-filem pengeluaran negara jauh dari mencukupi, hanya 10 hingga 15 filem sahaja setahun, maka kita terpaksa mengimport filem-filem asing dengan cara dan kadar yang berpatutan memandangkan bahawa kita rasa masyarakat majmuk Malaysia adalah berbeza. Filem-filem Barat, Tuan Yang di-Pertua, sudah barang tentu mempunyai nilai-nilai tersendiri. Dalam hal ini ahli-ahli Jawatankuasa Penapisan Filem, Kementerian Dalam Negeri bersama Ahli Jawatankuasa Penapisan Filem Kementerian Penerangan sentiasa mengendalikannya tugas penapisan mereka berasaskan garis panduan-garis panduan yang tertentu.

RTM, Tuan Yang di-Pertua, pernah memberhentikan tayangan-tayangan Filem Barat yang tidak bersesuaian, umpamanya filem-filem yang berjudol, dengan izin, 'Euro Parade', 'Tales of the Expected', 'The Pirate', 'Battle of the Beat', 'Duke of Hazzard', 'Holocaust' dan banyak lagi filem-filem lain yang kita hentikan kerana ia tidak bersesuaian dengan kehendak masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua, kepada teguran-teguran dan komen-komen yang tidak kesempatan

bagi saya menjawabnya secara yang lebih terperinci, saya memberi jaminan bahawa Kementerian akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

5.34 *ptg.*

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik):** Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin berterima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membincangkan Rang Undang-undang perbekalan Tambahan ini. Saya meminta izin, Tuan Yang di-Pertua, menyentuh beberapa perkara yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang juga melibatkan lain-lain Kementerian.

Ahli Yang Berhormat Senator Haji Abdul Wahab sebentar tadi telah membangkitkan soal yang menghadapi posman di kawasan Tapah di mana mengikut Yang Berhormat, kemudahan pengangkutan bagi posman di kawasan itu agak rumit. Tuan Yang di-Pertua, sebagai penerangan terhadap masalah ini sukalah saya memaklumkan, sebenarnya Jabatan Perkhidmatan Pos sememangnya menyedari kerumitan-kerumitan yang dialami oleh posman-posman ini bukan sahaja di kawasan Tapah, malah di kawasan-kawasan yang lain sewaktu mereka menjalankan tugas menghantar surat-surat ini. Maka itu di atas kesedaran inilah Jabatan Perkhidmatan Pos telah mengambil tindakan untuk menyediakan satu skim pinjaman kenderaan kepada posman-posman yang hendak membeli kenderaan mereka sendiri khususnya motorsikal, dan skim ini akan dilancarkan tidak berapa lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memberi ulasan sedikit tentang perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Haji Shaharom Maasom. Di antaranya, Yang Berhormat itu telah membangkitkan ataupun membuat pertanyaan mengapa Kerajaan tidak membuat penerangan secara menyeluruh mengenai usaha-usaha Kerajaan menerapkan nilai-nilai Islam. Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya menyatakan bahawa perkara ini dalam perhatian pihak berkuasa tetapi sebelum kita membuat keterangan-keterangan mengenai perkara ini kita terpaksa terlebih dahulu membuat satu garis panduan yang jelas

dan Insyah Allah garis panduan ini akan disediakan tidak lama lagi kerana mereka yang berkenaan sedar menyediakan garis panduan ini.

Yang Berhormat Senator Haji Shaharom Maasom juga bertanya tentang perbezaan di antara Majlis Fatwa dan Syura. Sukalah saya memaklumkan iaitu Majlis Fatwa ini bertugas mengkaji masalah-masalah yang mengelirukan, dengan izin ambiguous, sedangkan Syura sebenarnya adalah satu jawatankuasa yang memberi pandangan dan juga memberi syor untuk memperkemas lagi urusan pentadbiran agama Islam.

Yang Berhormat Senator Dato K. Kumaran telah mencadangkan agar pihak FELDA memilih lebih ramai lagi kaum India menyertai rancangan-rancangan FELDA. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya permohonan untuk menyertai rancangan-rancangan FELDA di seluruh negara sememangnya terbuka kepada semua warganegara Malaysia tanpa mengira keturunan kaum. Tidak ada rancangan FELDA yang dihaskan untuk satu-satu kaum sahaja. Pengambilan calon-calon peneroka untuk menyertai rancangan-rancangan FELDA ini adalah tertakluk kepada persetujuan Kerajaan-kerajaan Negeri di mana rancangan FELDA tersebut didapati.

Cadangan dari Yang Berhormat Senator Dato K. Kumaran ini jelas memperlihatkan bahawa kebelakangan ini menunjukkan bahawa kaum India kurang menyertai rancangan FELDA, malah saya boleh memberi angka-angka yang menunjukkan sebenarnya. Sebagai misalan, bagi Rancangan Lepar Hilir Dua di Pahang, bilangan yang dipelawa dari kaum keturunan India, 8 orang tetapi yang melaporkan diri hanya 2 orang sahaja. Kalau bilangan dari kaum keturunan Cina dirancangan yang sama, 86 telah dipelawa, yang melaporkan diri, seorang pun tidak ada.

Jadi, dari segi keadaan sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, bukanlah tujuan FELDA untuk memilih hanya satu-satu keturunan sahaja tetapi dibuka kepada semua dan terpulanglah kepada mereka yang telah dipelawa untuk menyertai rancangan-rancangan ini.

Satu lagi perkara yang saya lupa hendak sebutkan tadi perkara yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Haji Shaharom bin Maasom yakni di mana beliau telah menyatakan bahawa 500,000 pekebun-pekebun kecil belum mahu menerima konsep tanam semula dan Yang Berhormat mencadangkan agar satu sistem atau usaha baharu diadakan.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, mengenai pandangan ini sukalah saya menyatakan di sini bagi pihak Kementerian yang berkenaan bahawa sebilangan besar dari mereka telahpun menanam semula kebun masing-masing sama ada dengan getah ataupun dengan kelapa sawit dan mengikut perangkaan yang diberi oleh pihak RISDA daripada sejumlah 550,000 pekebun-pekebun kecil di negara kita ini 461,724 orang yang melibatkan 867,354 hektar kebun telah ditanam semula. Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah melalui RISDA sedang menggalakkan supaya para pekebun kecil menanam semula kebun masing-masing secara mini estet supaya dapat meningkatkan lagi daya pengeluaran mereka. Selain dari itu juga Kerajaan telah bersetuju untuk menambah apa-apa kekurangan Tabung wang Ses dalam melaksanakan program penanaman semula ini. Adalah dijangka bahawa dengan tambahan peruntukan ini RISDA tidak lagi akan mengalami masalah kewangan seperti pernah dialami oleh agensi tersebut pada masa-masa yang lalu.

Berkaitan dengan Kementerian Kewangan ada juga satu perkara yang telah ditimbulkan yakni daripada Yang Berhormat Senator Tuan Fadzil bin Mahmood mengenai syornya supaya Kementerian yang mempunyai peruntukan yang lebih dipindahkan ke Kementerian yang mempunyai kekurangan peruntukan. Bagi menjawabnya, Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya memaklumkan bahawa Parlimen meluluskan sesuatu jumlah peruntukan bagi tiap-tiap Kementerian bagi tahun-tahun tertentu. Mengikut peraturan yang ada sekarang pemindahan peruntukan dari sesuatu Maksud Bekalan kepada sesuatu Maksud Bekalan yang lain atau dari sebuah Kementerian ke Kementerian yang lain adalah bertentangan dengan undang-undang yang ada sekarang. Maka itu lazimnya Kementerian yang mempunyai peruntukan yang berlebihan dan peruntukan itu tidak akan

dibelanjakan di dalam sesuatu tahun kewangan maka peruntukan tersebut ataupun peruntukan yang berlebihan itu tadi dibekukan. Dan bagi Kementerian-kementerian yang berkurangan peruntukan ianya akan diberikan peruntukan tambahan seperti yang kita adakan sekarang ataupun dua kali tiap-tiap tahun khususnya seperti yang kita adakan melalui usul yang sedang dibentangkan sekarang ini.

Dari lain-lain perkara, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak perlu diberi penjelasan kerana sama ada penjelasan ataupun perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu tidak memerlukan keterangan ataupun bagi perkara-perkara yang memerlukan keterangan tetapi tidak dapat diberi keterangan oleh Timbalan Menteri Penerangan tadi dan juga saya sekarang ini, kita memberi jaminan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa perkara-perkara yang telah dibangkitkan tadi telah diambil ingatan khususnya oleh Kementerian-kementerian yang berkenaan dan Kementerian Kewangan supaya di masa-masa hadapan perhatian akan diambil dengan tujuannya mengurangkan lagi keperluan peruntukan-peruntukan tambahan supaya peruntukan-peruntukan yang disediakan itu dapat cukup untuk satu-satu tahun dan juga untuk satu-satu bekalan. Dalam pada itu, seperti yang saya katakan semalam sewaktu membentangkan Rang Undang-undang ini walaupun kita sentiasa berwaspada namun demikian, ada kalanya peruntukan tambahan masih perlu diperbuat kerana setengah-setengah perbelanjaan tidak dapat kita pastikan pada awal tahun ataupun penghujung tahun sebelumnya, maka itulah peruntukan-peruntukan tambahan ini perlu dibuat dari semasa ke semasa.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya berterima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, yang telah membuat teguran demi kepentingan dan kebaikan kita bersama. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

*Bacaan Kali Yang Ketiga*

**Dato' Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, saya maklumkan bahawa Rang Undang-undang ini telah ditimbang dan telah dipersetujui tanpa pindaan, maka dengan itu saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali ketiga dan diluluskan sekarang.

**Datuk Dr. James P. Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG  
PENDAFTARAN KELAHIRAN DAN  
KEMATIAN  
(PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KHAS)  
(PINDAAN)**

*Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga*

*5.46ptg.*

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Peruntukan-Peruntukan Khas) 1975 dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, setiap kelahiran atau kematian yang berlaku di kalangan Jemaah Haji warganegara Malaysia boleh dibuat dan

seterusnya sijil-sijil kelahiran dan kematian dikeluarkan sekiranya segala keterangan mengenai sesuatu kelahiran itu dilaporkan kepada pihak Pendaftar dalam tempoh 14 hari atau 7 hari bagi sesuatu kematian. Amalan ini adalah dilaksanakan selaras dengan keperluan Seksyen 4 Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Peruntukan-Peruntukan Khas) 1975.

Semasa menguatkuasakan Akta ini, pihak Kerajaan telah mengesan beberapa masalah yang perlu diatasi secara positif bagi faedah para Jemaah Haji. Dalam konteks ini, Kerajaan telah mengesan kes-kes kelahiran dan kematian yang berlaku di Tanah Suci yang telah tidak didaftarkan oleh kerana maklumat mengenai kelahiran atau kematian itu telah diberikan selepas tempoh yang ditetapkan. Keadaan ini berlaku kerana tempoh masa untuk memberikan maklumat berhubung dengan kematian atau kelahiran itu adalah terlalu singkat dan tidak mencukupi masa.

Di samping itu Kerajaan juga telah mengesan beberapa faktor yang menyebabkan maklumat mengenai kelahiran dan kematian di kalangan Jemaah Haji warganegara Malaysia telah tidak dilaporkan kepada Pendaftar di dalam tempoh yang telah ditetapkan. Di antara faktor-faktor yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

- (i) Suasana perhimpunan umat Islam yang begitu besar di Tanah Suci telah menimbulkan masalah perhubungan dan keadaan ini menyukarkan Jemaah Haji untuk memberi maklumat seperti mana yang ditetapkan oleh Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Peruntukan-Peruntukan Khas) 1975;
- (ii) Para Jemaah Haji sendiri menumpukan sepenuh perhatian dan minat untuk mengerjakan ibadat haji dan tidak dapat memberi perhatian kepada perkara-perkara sampingan;
- (iii) Berlakunya kejadian atau peristiwa di luar dugaan para Jemaah Haji sendiri seperti jatuh sakit, kemalangan atau kejadian-kejadian lain yang mengejut yang boleh menyebabkan tersekatnya kebebasan mereka bergerak.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengatasi masalah yang telah timbul itu, maka Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Peruntukan-peruntukan Khas) 1975 adalah sesuai dan perlu dipinda dengan tujuan untuk:-

- (i) Memberikan masa yang cukup kepada pemaklum untuk memberikan maklumat kepada Pendaftar. Dalam hubungan ini tempoh masa 40 hari adalah didapati sesuai dan mencukupi bagi melaporkan sesuatu kelahiran atau kematian yang berlaku di kalangan para Jemaah Haji warganegara Malaysia.
- (ii) Memberikan kuasa kepada Pendaftar Besar Beranak dan Mati menerima dan mendaftarkan kelahiran atau kematian yang diterima dalam tempoh masa 6 bulan sekiranya beliau berpuas hati bahawa kelahiran atau kematian itu sememangnya dan sebenarnya berlaku di Tanah Suci.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memenuhi matlamat di atas, maka Seksyen 4 Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Peruntukan-peruntukan Khas) 1975 hendaklah dipinda bagi memberi masa yang mencukupi kepada pemaklum untuk melaporkan sesuatu kelahiran dan kematian yang berlaku semasa para Jemaah Haji mengerjakan ibadat haji di Tanah Suci.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr. James P. Ongkili):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu Akta untuk meminda Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Peruntukan-peruntukan Khas) 1975 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Sila Yang Berhormat Dato' K. Kumaran.

6.52ptg.

**Dato' K. Kumaran:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di Dewan yang mulia ini untuk



menyokong Rang Undang-undang untuk meminda Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Peruntukan-peruntukan Khas) 1975.

Seperti sedia maklum, Rang Undang-undang ini bertujuan melanjutkan tempoh untuk memberi maklumat berkenaan dengan kelahiran dan kematian kepada Pendaftar kerana tempoh yang ada sekarang ini didapati terlalu singkat. Pindaan ini dibuat tepat pada waktunya dan sudah lama ditunggu-tunggukan. Rakyat Malaysia yang pergi ke Tanah Suci Mekah mempunyai tujuan yang murni menunaikan fardu haji. Semasa di Tanah Suci itu mereka menghadapi beberapa masalah dan terpaksa berlumba dengan berjuta-juta rakyat dari seluruh negara yang penuh sesak di Tanah Suci itu. Dalam keadaan ini jika berlakunya sesuatu peristiwa seperti kelahiran dan kematian maka mereka terpaksa menghadapi masalah tambahan menguruskan jenazah atau memulihkan ibu yang melahirkan anak itu. Dalam suasana ini mereka tidak dapat mendaftarkan kelahiran atau kematian itu dalam tempoh yang ditetapkan dahulu.

Oleh yang demikian, perlanjutan tempoh pendaftaran itu memberi masa yang mencukupi untuk menguruskan hal undang-undang kelak. Jika mereka tidak dapat menguruskannya di Tanah Suci itu oleh kerana sesuatu sebab yang tidak dapat dielakkan, pindaan Undang-undang ini memberi peluang kepada mereka memberi maklum kepada Pendaftar Besar di negara ini dalam tempoh 6 bulan selepas mereka balik ke tanahair dari Tanah Suci itu. Oleh yang demikian, pindaan ini adalah suatu langkah yang baik oleh Kerajaan dan harus disokong.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini saya ingin juga menyentuh satu lagi aspek masalah ini. Masalah yang sama sedang dihadapi oleh rakyat Malaysia yang melawat ke negara-negara lain. Dalam perjalanan mereka ramai daripada mereka tidak bertempatan untuk mendaftarkan kanak-kanak yang dilahirkan dengan Kedutaan-kedutaan kita kerana bukan di semua negara kita mempunyai perwakilan dan jika ada pun Kedutaan itu adalah di ibu negara itu, jauh dari tempat di mana kelahiran itu berlaku. Apabila mereka balik ke tanahair pula masa untuk pendaftaran telah luput. Mereka

yang terlibat ini sentiasa menghadapi masalah yang besar dengan Pejabat Pendaftaran untuk pendaftaran lewat.

Jadi, saya mencadangkan bahawa Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri harus juga mengkaji kemungkinan kemudahan pendaftaran lewat ini atau tempoh masa untuk pendaftaran dipanjangkan seperti yang dicadangkan untuk Tanah Suci ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara pendaftaran kematian dan kelahiran di Tanah Suci ini, saya ingin menyentuh sedikit tentang masa dan cara pendaftaran yang dibuat di negara ini. Masa yang diberi di bawah -undang-undang sekarang ialah selama 14 hari dan 7 hari untuk mendaftarkan kelahiran dan kematian di negara ini. Tempoh masa ini adalah jelas tidak mencukupi. Masih terdapat beberapa golongan rakyat yang hidup dalam kawasan pedalaman dan terpencil yang tidak begitu tahu tentang undang-undang ini. Kemudahan-kemudahan asas seperti perkhidmatan kesihatan, pengangkutan dan bantuan polis juga tidak pernah dinikmati oleh golongan rakyat ini.

Oleh yang demikian, saya berharap Kerajaan akan menimbangkan kemungkinan meminda Akta ini untuk membolehkan rakyat kita mendaftarkan kelahiran anak-anak dalam tempoh 6 minggu dan kematian dalam tempoh 4 minggu. Ini akan memberi peluang kepada rakyat yang buta huruf dan kurang kefahaman ini mendaftarkan kematian dan kelahiran dalam tempoh yang dipanjangkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, ada kalanya sijil-sijil kelahiran dikeluarkan tanpa butir-butir seperti nama bapa, nombor kad pengenalan dan sebagainya. Masih juga terdapat nama bayi itu pun tidak tercatat dalam sijil kelahiran. Keadaan seperti ini selalu berlaku di hospital-hospital dan balai-balai polis di mana butir-butir bapa tidak diperolehi dengan serta-merta oleh mereka. Pihak hospital dan polis hendaklah berurusan dan seharusnya mengambil langkah untuk mendaftarkan semua butir dengan lengkap. Perkara-perkara ini tidaklah begitu sihat dan membawa kerumitan yang besar kepada rakyat. Kerajaan haruslah mengambil tindakan untuk memastikan nama dan semua butir-butir yang dikehendaki itu diisi sebelum sijil itu

dikeluarkan kepada ibu bapa. Butir-butir ini jika tidak lengkap akan menimbulkan masalah kepada bayi itu apabila dewasa kelak semasa memohon kad pengenalan dan lain-lain dokumen. Saya berharap perkara ini akan diberi pertimbangan yang serius pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang ingin saya menyentuh adalah cara pendaftaran dibuat ke atas kelahiran seseorang bayi. Butir-butir yang terdapat dalam sijil kelahiran menyinggung perasaan dan sensitivity sesuatu kaum yang terlibat itu. Di sini saya mempunyai satu sijil kelahiran di mana keturunan bapa dan keturunan ibunya ditulis 'Tamil Pariah', satu perkataan yang dianggap menjatuhkan maruah dan darjat sesuatu orang kaum India di negara ini.

Seperti kita semua sedia maklum, seseorang keturunan India tidak suka digelar 'Pariah' kerana tidak ada satu keturunan yang dipanggil 'Pariah' dalam keturunan Tamil. Perkara ini hanya menimbulkan perkara kasta yang cuba dihapuskan di mana-mana. Tetapi kini kita mendaftarkan keturunan dengan perkataan yang keji itu. Perbuatan-perbuatan ini patutlah dielakkan. Kalau tidak rakyat keturunan India di negara ini akan terus dipecah belahkan dengan mewujudkan kumpulan kasta di negara ini. Perkara ini tidaklah begitu sihat kepada negara kerana sesuatu kumpulan ethnic yang berpecah belah akan menimbulkan masalah sosio ekonomi bagi negara ini. Lebih-lebih lagi perkataan seperti ini menghiraukan sebahagian daripada rakyat kita sendiri.

Oleh yang demikian saya juga ingin mengambil peluang ini mengesyorkan kepada Kerajaan supaya jangan menggalakkan pengwujudan kumpulan-kumpulan kecil dalam sesuatu ethnic group yang menidentifikasikan mereka mengikut kumpulan kasta, klan, kenegerian dan sebagainya. Jika terdapat organisasi kasta, klan dan kenegerian yang berdaftar, saya mengesyorkan kepada Kerajaan untuk mengambil tindakan yang berani membatalkan pendaftaran organisasi ini. Kerajaan hendaklah berjaga-jaga agar tidak membenarkan pengwujudan organisasi ini untuk mengelakkan masalah polarisasi dalam sesuatu kumpulan ethnic di negara ini. Kalau tidak saya kuatir rakyat negara

ini bukan sahaja akan menghadapi masalah polarisasi kaum tetapi juga akan menghadapi pecah belah dalam sesuatu kaum ethnic ini. Saya berharap dan berdoa perkara ini tidak akan berlaku. Pegawai-pegawai yang mendaftarkan kelahiran di seluruh negara hendaklah diberi arahan jelas dalam perkara ini.

Dengan kata-kata ini, saya lagi sekali menyokong Rang Undang-undang meminda Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Peruntukan-peruntukan Khas) 1975 ini.

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada Ahli Yang Berhormat yang lain yang hendak bercakap. Jemput Yang Berhormat Datuk Mohd. Din.

*6.03 ptg.*

**Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bersama-sama untuk menyokong dan memberi sedikit pandangan mengenai satu Akta untuk meminda Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Peruntukan Khas) 1975.

Terlebih dahulu saya ingin mengalu-alukan atas usaha Kerajaan yang meminda undang-undang ini semata-mata untuk memberikan kelonggaran kepada jemaah-jemaah haji kita dan saya anggap Rang Undang-undang ini adalah satu-satunya daripada hasrat Kerajaan selaras dengan dasar Kerajaan untuk menerapkan nilai-nilai Islam. Seperti mana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi bahawa ramai para jemaah haji kita menunaikan kerja-kerja haji dan sudah tentu mereka ini tidak berkesempatan untuk mendaftarkan sama ada kematian ataupun kelahiran. Di sini mungkin ada sedikit terdapat kekeliruan di dalam undang-undang ini dan kemungkinan undang-undang ini pula akan digunakan oleh orang-orang yang akan menggunakan undang-undang ini untuk kepentingan sendiri. Mungkin kalau seseorang jemaah haji itu meninggal di tanah suci, bagi pihak Pendaftar memang sudah tidak menjadi keberatan untuk menerima yang mati. Pendaftaran yang mati selalunya tidak banyak jadi persoalan, kecuali orang yang ada harta. Tetapi apa yang meragukan

saya di sini dalam perkara (a), kalau tidak silap saya, (a) kepada Pendaftar (a) kepada Pendaftar dalam tempoh 40 hari daripada kelahiran atau kematian itu dilanjutkan kepada 6 bulan. Besar kemungkinan ada golongan-golongan yang tertentu akan mengambil peluang. Mungkin anak itu tidak lahir di tanah suci tetapi dia angkat anak itu di sini, kemudian dia anggap anak dia sendiri, dia daftarkan kononya anak ini sudah lahir di tanah suci, didaftarkan. Jadi dia berhak menjadi warganegara Malaysia, kemungkinan.

Dalam kelonggaran Rang Undang-undang ini ada sedikit kelemahan. Sepatutnya Rang Undang-undang ini ada menyentuh mengenai mereka yang menunaikan fardu haji. Kenapa tidak dipertanggungjawabkan salah satu daripada badan atau Kedutaan kita di Saudi Arabia ataupun Lembaga dan Urusan Tabung Haji, orang yang mesti menerima dan mengakui pendaftaran kematian dan kelahiran seseorang itu di tanah suci untuk dibawa kembali dan didaftarkan semula sebagai satu surat pengakuan, baru Pendaftar Besar di negara ini memperakui mereka ini benar-benar lahir atau mati di sana, dapat didaftarkan semula. Dalam tempoh 6 bulan itu amat panjang dan saya kuatir ini akan digunakan sebagai satu kesempatan oleh golongan-golongan yang tertentu, mungkin orang pelarian, mungkin orang yang masuk secara haram ke negara ini. Bila anak mereka itu lahir di sini mereka akan mengharapkan anak ini menjadi warganegara, mereka akan serahkan sahaja kepada kawan karib mereka, anggap sahaja mereka ini sebagai anak saudara dan mereka akan mengambil peluang dalam undang-undang kononnya lahir di tanah suci. Fasal dalam Rang Undang-undang ini banyak kelonggarannya. Saya kuatir mereka akan menggunakan ini, kerana dalam soal ini, Rang Undang-undang ini hanya menitikberatkan kepada para jemaah haji dalam pendaftaran kematian para jemaah haji dan juga kelahiran.

Kelahiran ini sudah tentu baik, yang mati itu juga baik, mungkin yang mati itu juga salah satu daripada jemaah haji tadi. Inilah saya minta kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah membentangkan undang-undang ini mengkaji dengan sebaik-baiknya, jika terdapat dalam teguran saya ini mungkin

ada kelemahan dan diperbaiki supaya Peguam Negara kita mengkaji undang-undang ini jangan di salah gunakan oleh setengah-setengah golongan yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya yang sebenarnya memang menyokong undang-undang ini sebagai satu cara kemudahan yang diberikan oleh Kerajaan yang bertimbangrasa kepada para jemaah haji kita yang mana tiap-tiap tahun daripada Malaysia kita telah menghantar jemaah haji kita untuk menunaikan ibadat haji di tanah suci. Tetapi janganlah dengan adanya undang-undang ini nanti niat yang baik ini akan terjejas, akan menggunakan kesempatan ini oleh golongan-golongan yang tertentu kerana negara kita pada masa sekarang telahpun dibanjiri oleh pendatang-pendatang haram, bukan sahaja di Semenanjung Malaysia, mungkin juga di Sarawak, apa lagi Sabah sudah hampir 200,000 dan mungkin ini akan digunakan, kerana dalam jangka panjang 6 bulan tempoh pendaftaran itu boleh diterima tetapi dengan tidak ada pengesanan daripada mana satu badan yang tertentu. Inilah saya ingat terdapat kelemahan. Tetapi kalau Kedutaan kita di Saudi Arabia atau Lembaga Urusan Tabung Haji kita sebagai salah satu daripada wakil yang menguruskan jemaah haji ini orang yang pertama bertanggungjawab dalam soal ini memberikan satu surat perakuan dan Kedutaan kita di Saudi Arabia juga mengeluarkan satu surat perakuan kelahiran dan kematiannya untuk dibawa oleh orang-orang yang berhak tadi untuk mendaftarkan balik ke negara asal mereka, saya fikir ini mungkin dapat diterima. Tetapi kalau hanya dengan secara pengaduan begitu sahaja, kelemahan dalam Rang Undang-undang ini sudah ternyata dan peluang-peluang untuk orang-orang yang akan menggunakan kesempatan ini juga terguagat.

Jadi inilah masalah daripada segi pendatang-pendatang haram yang datang ke negara kita ini akan mengambil peluang dengan sebaik-baiknya dalam Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan berpangal lebar, mungkin itu sahaja yang saya nampak dari segi kelemahan ataupun terdapat sedikit, dengan izin, loop-hole yang ada di

dalam Rang Undang-undang ini supaya diperbaiki dan saya tidak bermaksud untuk mengubah maksud Rang Undang-undang ini tetapi mungkin daripada raaksud yang secara langsung itu ada terdapat beberapa kelonggaran-kelonggaran di sini yang boleh diperalatkan undang-undang itu. Maka dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang tersebut.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Maasom.

6.11 ptg

**Tuan Haji Shaahrom bin Haji Maasom:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut sama membahaskan Rang Undang-undang Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Peruntukan-peruntukan Khas) 1975 (Pindaan) yang baru sebentar tadi dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana telah berlaku beberapa masalah yang telah dapat dikesan oleh Kerajaan maka Kerajaan mengambil satu tindakan yang positif untuk faedah jemaah haji kita di dalam Pendaftaran Beranak dan Mati ini. Saya menyokong penuh pindaan ini dibuat memandangkan masa 14 hari bagi kelahiran dan 7 hari bagi kematian yang ada dalam Seksyen 4 itu memang tidak memadai dan patut dipinda, dan sekarang pindaan itu telahpun dikemukakan. Saya menyokong pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun sistem pergi haji kita ini telah dibuat dengan begitu teliti oleh Tabung Haji, peraturan-peraturan telah dibuat untuk muslihat kebajikan jemaah-jemaah kita dan saya mengucapkan syabas kepada Tabung Haji yang sentiasa terus mencari jalan untuk mengemaskan lagi peraturan-peraturan dan membuat, menambah beberapa kebajikan kepada jemaah haji kita namun kita tidak boleh lupa sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi dalam jutaan manusia yang menunaikan haji setiap tahun di tanah suci itu maka kemungkinan berlakunya sesuatu di luar dugaan adalah

tidak mustahil sekalipun kita merancang berbagai cara untuk mengesan jemaah haji kita supaya yang hilang dapat segera dijumpai. Tetapi di dalam kes hilang dan ghaib sewaktu di Mekah dan Madinah yang mana berakhir kepada tidak dijumpai dan mati atau meninggal di sana, adalah bukan satu perkara yang luar biasa bagi jemaah-jemaah haji yang datang daripada seluruh dunia. Kerana pihak berkuasa di Mekah dan di Madinah khususnya pihak berkuasa Saudi Arabia apabila menjumpai mayat di mana sahaja, mereka akan segera membawa ke *Rumah Mayat* dan sekiranya tidak ada waris yang akan menuntut dan menentukannya maka segera akan dikebumikan kerana ini adalah urusan mereka. Jadi jemaah yang lain yang satu rombongan daripada negara kita ini tercari-cari, tertunggu-tunggu hingga beberapa bulan sipulan tadi hilang atau sesat tidak dijumpai pada hal ianya telah menyahut panggilan Allah s.w.t.

Di dalam masalah ini, Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya tidak menjadi masalah besar kepada kita, kita hanya mahu menambah masa 7 dan 14 hari tadi kepada masa 40 hari dan dengan budibicara daripada pihak Pendaftar diberi tempoh kepada 6 bulan, jika sekiranya ada keterangan-keterangan yang menasabah. Cuma itu sahaja. Namun demikian, di dalam saya membahaskan, memberikan sokongan saya kepada kepada Akta ini, ingin saya bercakap dalam beberapa perkara lain yang saya sendiri sedar ini adalah di luar daripada Akta ini. Tetapi oleh kerana ini perlu saya sebut maka saya mohon kepada Tuan Yang di-Pertua, untuk membenarkan saya bercakap sedikit lagi. Hanya apa yang perlu kepada kita sekarang ini ialah supaya jemaah haji diberi nasihat sebaik-baiknya untuk menggunakan lencana yang diberikan oleh Tabung Haji, kerana apabila kita sesat di Mekah, Madinah atau Arafah maka dengan lencana itulah kita dapat dikenali sebagai jemaah dari Malaysia.

Tetapi sekarang ini kita dapati jemaah haji kita sendiri cuai tidak mahu menggunakan lencana yang diberikan itu. Kerana di dalam pengalaman saya sendiri dua kali saya dengan izin Allah s.w.t. dapat menunaikan fardhu haji, saya sendiri jumpa lencana jemaah haji kita cicir di jalan, cicir di kawasan-kawasan pasar

dan beberapa keping iagi lencana-lencana jemaah haji kita yang ditemui dan diletakkan di pintu-pintu Masjid Nabawi atau dipintu Masjidil Haram tetapi tiada siapa yang mengambil dan tidak ada siapa yang menuntut. Jadi ertinya jemaah haji itu telah kehilangan lencana. Apabila kehilangan lencana, kalau jemaah ini orang tua yang tidak tahu membaca dan menulis dan dia uzur pula maka akan menjadi kepayahan kepadanya. Maka inilah yang berlaku kadang-kadang kita baca surat khabar jemaah haji kita hilang 6 bulan tidak dapat dikesan maka timbullah berbagai-bagai cerita di kampung, dibawa oleh jin Islam, di bawa ke kampung jin, di selitkan di gua sana, di gua sinilah. Sedangkan ini sebenarnya masalah daripada kelemahan kita dan apa yang saya harap, saya rasa ada lebih baik kalau Tabung Haji ini membekalkan kepada Jemaah Haji dua lencana. Ertinya kalau hilang satu, masih ada satu lagi. Dan lencana ini kalau dapat pin untuk menyemat ke baju atau ke telekong bagi jemaah wanita kita itu dibuat yang lebih baik yang lebih ketat dan yang lebih kuat lagi, jadi kalau tergesel di waktu melontar di Jumrah, tergesel waktu hendak pergi ziarah makam Rasul, masuk Masjid Nabi, lencana itu tidak akan tanggal.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah menyebut di dalam Dewan ini apabila kita membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan yang mana di dalamnya juga menyentuh mengenai dengan Tabung Haji. Saya pernah sentuh dahulu bentuk paspot jemaah haji kita ini iaitu bentuknya mudah sangat bercerai berai. Buku paspot kita itu di dalamnya mengandungi berbagai-bagai dokumen seperti tambang menambang dan sebagainya apabila sampai sahaja di Jeddah, ada di antara paspot itu apabila diangkat oleh pihak yang berkuasa yang memeriksa kita seperti Kastam di Mekah sana, sudah terbarai paspot itu. Saya pernah menyuarakan, saya pernah bercakap di dalam Dewan ini supaya bentuk paspot itu dibuat lebih baik kertasnya, lebih kukuh buatannya, supaya tidak menimbulkan masalah. Maklum Kastam Arab di sana apabila nampak satu barang cicir, dia punya tengkeng kita ini betul-betul. Jadi apabila dia tengkeng dengan bahasa dia, kita pun tidak tahu maka kita pun datang satu masalah ketakutan, timbul pula perasaan takut dan perasaan marah dan sebagainya.

Mengenai dengan Pendaftaran Kelahiran ini, sebenarnya sama ada peraturan itu peraturan tetap atau itu nasihat, saya tidak tahu. Tetapi sebenarnya sudah ada nasihat kalau maknanya seorang wanita yang telah hamil 6 bulan misalnya tidak digalakkan untuk menunaikan fardhu haji, tunggulah sehingga tahun hadapan apabila telah selesai, barulah berangkat, kerana ini dibolehkan. Dalam Islam, agama kita membolehkan keuzuran seperti itu dan orang tua yang uzur dan orang yang sakit juga dibolehkan menanggungkannya. Orang tua yang uzur sangat boleh hajinya diupah, ini dibolehkan; ada kelonggarannya sebegitu.

Jadi mengenai dengan kelahiran tadi, saya tidak tahu di mana timbulnya masalah kita hendak membenarkan sampai 40 hari, 60 hari kerana kita ini sudah dinasihatkan begitu.

Cuma satu cara yang lebih baik ialah Kerajaan menentukan satu peraturan, sesiapa wanita yang hamil tidak digalakkan, kalau tidak dibolehkan — tidak boleh, itu melanggar hukum. Kalau hamil 6 bulan tidak boleh ke Mekah, itu melanggar hukum, cuma kita kata sebaik-baiknya puan tunggu tahun hadapan, tetapi kejadian juga apabila seorang suami yang mahu ke Mekah dan isterinya mesti mahu ikut: Tidak boleh bang, kalau abang pergi tahun ini Minah mesti ikut juga bang, kalau tidak apa jadi, apa jadinya — balik kampung, 6 bulan itu masih boleh, kalau kita pergi menunaikan haji sekarang 45 hari paling lama. Jadi kalau 6 bulan mengandung, 7½ bulan dia akan sampai balik ke tanah air dengan selamat, tetapi kehendak Allah siapa tahu, di dalam sa'i punya sa'i, tawaf punya tawaf 7½ bulan hamba Allah itu hendak jadi anak Mekah, diapun lahir dan ini berlaku di Mina. Saya sendiri nampak betul-betul waktu selesai melontar jumrahul Qubra itu seorang bayi lahir, kebetulan di kemah Tuan Sheikh Mat Lampung, jadi riuh jugalah 1,000 lebih jumaah di situ macam mana boleh ada bayi sekarang ini, sedangkan kita kata orang yang hamil tidak boleh. Wallahualam, barangkali memang anak itu mahu lahir di Makah, dia mahu jadi Mat Arfah ataupun Mat Mina.

Masalah Mat inipun, Juan Yang di-Pertua, seelok-eloknya Kerajaan kita ini ada garis panduan kerana Mat ini daripada nama Nabi kita Muhammad, tetapi setengah-setengah ejaan

Muhammad ini macam-macam, ada Mohamed, ada Mohammad ada Muhammad. Jadi ada Mohamed, ada Muhammad ada Mamat, sepatutnya ada garis panduan kerana ini belaku apabila seorang anak didaftarkan dengan nama dan ejaan yang tidak standardlah kata orang sekarang ini, diapun bersekolah bagus, SRP bagus, SPM bagus sampailah dia ke universiti, dia merasa malu hendak menggunakan nama yang tercatat dalam Kad Pengenalan dengan ejaan stail kampung itu tadi. Ini yang menggunakan nama samaran, jadi kalau dapat dieja betul-betul Mohamed itu dengan Muhammad, tidak ada Mohamed, tidak ada begitu, dan tidak begini, sepatutnya ada garis panduan, Dewan Bahasa dan Pustaka sepatutnya menggalakkan begitu; Dewan Bahasa dan Pustaka kita kena kerja sedikitlah.

Tuan Yang di-Pertua, kalau tadi ada orang yang menanggung di air keruh di dalam menyokong pindaan ini, maka saya juga ikut sama menanggung di air keruh. Saya mengambil peluang ini selain daripada saya menyokong pindaan ini, ada beberapa perkara yang saya hendak sebutkan di dalam saya menyokong ini. Satu daripadanya misal kata ini memang berlaku, kerana tadi kalau Yang Berhormat Dato' K. Kumaran menyebutkan dengan suku kaum India yang jelik.

Dalam masyarakat Melayu kita juga ada suku, ada suku Banjar, Bugis, Kerinci, Minangkabau, Mendeleng, Rawa dan Jawa. Jadi apabila kena Jawa ini, ini berlaku kerana di dalam Surat Beranak keturunan Melayu (Jawa), tak salah, tak apalah Jawa tetap Jawa. Jadi 30-40 tahun dahulu orang Melayu kita ini, keturunan kita ini bangga dengan suku masing-masing. Saya keturunan Jawa, saya bangga dengan kejawaan saya, orang Aceh bangga dengan Acehnya kerana ada sejarah-sejarah yang membanggakan dia. Jadi berlaku orang yang memang lahir di Semenanjung Tanah Melayu 60 tahun dahulu kerana waktu itu Surat Beranak ini tidak begitu dikuatkan sangat dan kita hanya ada peraturan Kad Pengenalan ini tahun 1948. Apabila darurat diisytiharkan, maka di situ ditulislah orang keturunan Jawa, kerana Kad Pengenalan di waktu darurat ia merupakan kertas dua keping tadi ditukarkan kepada Kad Pengenalan bentuk

sekarang, maka Jawa itu kekal dengan tidak ada Surat Beranak, maka orang itu sehingga sekarang tidak dapat Kad Pengenalan biru. Ini banyak di dalam suku Jawa — berlaku ini. Adakah Kementerian akan memberikan kelonggaran kepada orang-orang seperti ini kerana memang dia lahir di sini, bercucu cicit di sini, tetapi kerana perkataan Jawanya dalam Kad Pengenalan yang asal kekal sehingga menyebabkan dia tidak mendapat taraf warganegara. Jadi saya mohon supaya ini dapat dipertimbangkan sebaik-baiknya oleh pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong kepada Rang Undang-undang Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Peruntukan-peruntukan Khas) (Pindaan) 1975.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dipersilakan Yang Berhormat.

*6.26ptg.*

**Tuan Haji Hussein bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengambil bahagian sama dengan secara ringkas membahaskan di samping menyokong Rang Undang-undang Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Peruntukan-peruntukan Khas) (Pindaan) 1985 ini.

Sebagaimana yang diketahui umum memang lahirnya pindaan ini ialah inspirasi daripada keinsafan pihak Kerajaan untuk memberi hak asasi kepada setiap rakyatnya apa lagi sejajar dengan Perlembagaan negara ini Islam sebagai Agama Rasmi, maka hak rakyat Islamnya yang terpaksa menunaikan tuntutan Islam di dalam Rukun Islam bagi menunaikan fardhu haji. Justeru itulah lahirnya pindaan ini, saya percaya semua orang menyokong, terutama setiap warganegara Malaysia yang menerima kedaulatan Perlembagaan dan undang-undang Malaysia ini pasti akan menyokong pindaan ini yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Memang kita semua harus berwaspada, terutama dari segi pindaan-pindaan undang-undang, apa lagi pindaan undang-undang yang berkaitan dalam soal kelahiran yang akan membawa hak sebagai warganegara di negara kita ini. Di samping menyokong pindaan undang-undang ini perlu

lagi setelah nyata kesungguhan pihak pemerintah hendak menjaga agar hak-hak seorang rakyatnya tidak tercacir dengan begitu sahaja, tetapi tidak cukup dengan sekadar pindaan Akta ini sahaja. Yang lebih penting lagi setelah kebaikan yang dapat dilahirkan daripada niat Kerajaan di atas pindaan Akta ini, pelaksanaannya nanti terutama di tanah suci Mekah, setelah pindaan ini dibuat saya kira perlu kemudahan-kemudahan dari segi pelaksanaannya supaya anak yang dilahirkan di tanah suci ini dapat dibawa kembali ke tanah ibu pertiwinya yang sebenarnya dengan secara senang. Tidak bererti Akta ini dipinda tidak bernilai niat baik Kerajaan ini dilahirkan di dalam pindaan ini, andainya kemudahan-kemudahan ini tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya ikut sama dengah setengah-setengah rakan saya yang mengingatkan Kerajaan supaya berwaspada dengan anasir-anasir yang akan mengambil kesempatan di dalam pindaan Akta ini, memang bukan sahaja bagi pihak Kerajaan harus berwaspada dengan pindaan ini, bahkan Kerajaan haruslah berwaspada, jangan terlampau lumrah dengan pindaan-pindaan Akta yang seperti ini, apatah lagi Akta yang membabitkan dengan hak-hak kewarganegaraan di negara ini. Tuan Yang di-Pertua, saya ingatkan supaya tidak begitu lumrah, bukan sahaja kita harus berwaspada kepada pendatang-pendatang haram atau pelarian-pelarian ini yang ada di negara kita ini bahkan kita juga.....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa sudah cukup, ada usul daripada Yang Berhormat Menteri, dipersilakan.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan sehingga habisnya Rang Undang-undang yang dibahas sekarang ini diluluskan.

**Dato Dr. Mohamed Yusof bin Haji Mohamad Noor:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah usul atas nama Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan sehingga habisnya Rang Undang-undang yang dibahas sekarang ini diluluskan.

### RANG UNDANG-UNDANG PENDAPTARAN KELAHIRAN DAN KEMATIAN (PERUNTUKAN- PERUNTUKAN KHAS) (PINDAAN)

*Perbahasan disambung semula.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat untuk menyambung ucapan.

**Tuan Haji Hussein bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menyambung sedikit lagi untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan ini.

Sebagaimana yang telah saya ceritakan sekejap tadi kita bukan sahaja harus berwaspada kepada anasir-anasir pelarian-pelarian yang ada di dalam negara ini, tetapi juga kita harus berwaspada kepada orang-orang yang mengaku taat setia kepada negara ini dan mendapat hak-hak sebagai warganegara di negara ini sedangkan kesetiaan mereka tidak bulat, tidak dengan erti kata yang sebenar kepada negara ini. Maka dengan sebab itu, andainya Akta seperti ini sering dipinda-pinda, maka mungkin akan tersasul yang membolehkan anasir-anasir warganegara sendiri yang tidak bersetia kepada negara ini untuk mengambil kesempatan ini.

Umpamanya, Tuan Yang di-Pertua, kalau saya merasai minat untuk membekalkan anak-anak saya agar menjadi seorang rakyat di Negeri Australia umpamanya, barangkali seketika sampai masa isteri saya hampir bersalin, saya akan bawa isteri saya bercuti atau melawat ke negara itu. Apakala di sana, kesempatan masa isteri saya bersalin di sana maka memberi peluang kepada saya untuk mendaftarkan anak saya bagi menjadi warganegara di negara itu, di samping saya pula boleh bermuka-muka balik semula ke Malaysia ini mengambil kesempatan pula di dalam pindaan yang akan kita luluskan sekejap lagi ini. Saya kira gejala seperti ini lebih bahaya kepada negara ini daripada gejala-gejala sebagaimana yang kita dengar sebentar tadi. Barangkali juga mungkin ada perkara yang lebih daripada itu, umpamanya saya mempunyai hubungan keluarga dengan satu keluarga di sebuah negara yang lain, mungkin barangkali disebabkan fasal harta atau hak-hak warisan saya, maka saya perlu meletakkan anak saya ini untuk menjadi manusia yang akan berhak kepada dua negara, bukan sahaja Malaysia, negara kita ini menanggung kerugian bahkan beliau boleh pula menarik segala apa di negara kita ini untuk kepentingan negara lain.

Saya percaya, Tuan Yang di-Pertua, setelah pindaan yang lahir daripada niat yang begini baik oleh pihak Kerajaan untuk mensejajarkan dengan tuntutan Perlembagaan dan kehendak yang dimeterikan, yang dimaktubkan di dalam Perlembagaan, terutama di dalam masalah agama Islam sebagai agama rasmi negara ini. Justeru itulah pindaan ini dikemukakan dan pindaan ini saya tidak nampak merupakan satu pindaan semata-mata kerana memberi keistimewaan kepada sesuatu atau mana-mana kaum sahaja disebabkan pindaan ini ternyata diberi kepada sesiapa sahaja yang berhak, yang terlibat, terutama di dalam agama Islam.

Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menyokong pindaan undang-undang ini dan saya percaya dengan pindaan ini maka perkara-perkara yang pernah dihadapi oleh orang-orang Islam yang menunaikan fardu haji kerana tuntutan agamanya tidak akan berulang lagi dan mereka akan terbela menjadi warganegara Malaysia sebagaimana hak-haknya di atas jasa baik Kerajaan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

6.35 ptg.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun memberi ucapan, teguran, pandangan dan seterusnya kesemua mereka menyokong pindaan yang telah dikemukakan dalam Dewan yang mulia ini.

Perlulah saya menjelaskan di sini bahawa Rang Undang-undang yang kita bahas di sini adalah khusus untuk pendaftaran kelahiran dan kematian di kalangan para jemaah haji sahaja, ini tidak ada berkaitan dengan kelahiran ataupun kematian warganegara Malaysia di negara lain ataupun di negara Malaysia dan pendaftaran taraf kewarganegaraan adalah ditetapkan oleh Perlembagaan Negara. Taraf kewarganegaraan bukan hanya ditentukan oleh kelahiran sahaja. Kita semua sedia maklum bahawa taraf kewarganegaraan seseorang itu dianugerahkan mengikut syarat-syarat yang ditentukan dalam Perlembagaan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' K. Kumaran yang telah memberi teguran dan sokongan walaupun beliau tidak pernah ke Tanah Suci (*Ketawa*) dan segala pandangan dan pendapat beliau adalah dalam catatan saya untuk tindakan.

Berkenaan dengan ejaan di dalam surat kelahiran yang dikemukakan oleh beliau berkenaan dengan satu kes di mana bangsa seseorang itu dicatat sebagai satu nama yang tidak elok disebutkan lagi, saya ingin mendapat maklumat yang lebih lanjut lagi daripada Ahli Yang Berhormat untuk tindakan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sekalian, memanglah Kementerian Dalam Negeri sekarang sedang mengatur satu peraturan untuk menyelaraskan nama-nama yang boleh digunakan dalam surat-surat beranak, surat-surat lahir supaya menjadi standard dan tidak mengandungi nama-nama yang lucu atau boleh menimbulkan syak-wasangka dan seterusnya. Memang kita semua sedia maklum, terdapat cerita-cerita



yang lucu yang mengatakan seorang hamba Allah itu yang bernama 'Ahmad' apabila dilaporkan kelahiran beliau ditanya 'Ahmad bin apa'? Diberitahu 'Ahmad sahajalah'. Jadi, nama yang tercatat ialah 'Ahmad Sahaja' dan cerita-cerita lain yang banyak kita dengar. Inilah perkara yang telah dikemukakan dan dalam kajian Pejabat Pendaftaran agar kita akan mengeluarkan satu peraturan yang lebih teratur lagi.

Yang Berhormat Datuk Haji Mohd. Din telah menyoal tentang Rang Undang-undang ini mungkin disalahgunakan. Sepertimana yang saya telah jelaskan tadi bahawa Rang Undang-undang ini ialah khusus untuk pendaftaran kelahiran dan pendaftaran kematian adalah diuruskan oleh Pendaftar-pendaftar yang dilantik khas di Tanah Suci. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, terdapat sebanyak 19 Pegawai Perubatan yang diberi kuasa untuk mendaftar kelahiran dan kematian di Tanah Suci dan 2 orang pegawai daripada Lembaga Urusan dan Tabung Haji dan 2 orang pegawai daripada Jabatan Pendaftaran sendiri.

Walaupun dalam Rang Undang-undang yang dikemukakan ini ada memberi kelonggaran selama 6 bulan untuk sesuatu laporan dibuat kepada Pendaftar Besar tentang kematian ataupun kelahiran, inginlah saya memberi penjelasan di sini bahawa jika seseorang itu melahirkan anak di Tanah Suci dan ingin mengambil kesempatan 6 bulan yang ditentukan dalam Rang Undang-undang ini, ia mesti memuaskan hati Pendaftar Besar Beranak kerana jika beliau tidak berasa puas hati bahawa kelahiran atau kematian itu sememangnya dan sebenarnya berlaku di Tanah Suci, dia boleh menolak pendaftaran tersebut. Dengan lain perkataan, tidak sewenang-wenangnya pendaftaran ini direkodkan oleh Pendaftar Besar dalam masa tempoh lebih daripada 40 hari tetapi sebelum mencapai 6 bulan. Si pelapor mestilah membuktikan dengan jelasnya, umpamanya seperti mana yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi dengan surat akuan daripada Pegawai Lembaga Urusan dan Tabung Haji ataupun daripada pegawai-pegawai Kedutaan di tanah suci sebelum Pendaftar Besar di Kuala Lumpur iaitu di Malaysia boleh mengeluarkan sijil kelahirannya. Walau bagaimanapun, ingin

juga saya menjelaskan di sini bahawa pendaftaran kelahiran itu tidak bermakna menentukan taraf kewarganegaraan seseorang bayi itu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom ada menyebut tentang perkara-perkara yang walaupun tidak bersangkutan dengan Rang Undang-undang ini tetapi ada juga perkara yang mungkin bersangkutan berkenaan dengan kaum wanita yang hamil selama 6 bulan, kenapakah mereka dibenarkan juga menunaikan fardhu haji walaupun tidak boleh dilarang. Memang saya bersetuju tidak boleh dilarang dan memang juga ada peraturan daripada Lembaga Urusan dan Tabung Haji untuk tidak menggalakkan wanita-wanita yang telah hamil lebih daripada 6 bulan menunaikan fardhu haji tetapi tidak menggalakkan tidaklah bermakna kita boleh menyekat mereka jika seperti mana yang diterangkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi si isteri itu ingin juga bersama-sama dengan suaminya menunaikan fardhu haji. Jadi, kita masukkan peraturan ini dalam Rang Undang-undang ini memandangkan bahawa kemungkinan terdapat isteri-isteri yang hamil yang ingin juga menunaikan fardhu haji dan ditakdirkan Allah s.w.t. dalam masa 40 hari ataupun 30 hari dia telah melahirkan seorang anak di tanah suci.

Begitu juga kepada orang-orang tua kerana kita semua sedia maklum hidup mati kita itu di tangan Allah s.w.t. Kalau seseorang itu berumur 40 tahun dia dianggap muda, mungkin apabila dia tiba ke tanah suci selepas menunaikan fardhu haji dia meninggal dunia, walhal orang tua yang berumur 70 tahun mungkin menunaikan fardhu haji dengan sempurna dan balik ke Malaysia dengan keadaan yang sihat. Jadi, kita masukkan peraturan-peraturan ini memandangkan kemungkinan berlaku kematian dan kelahiran di tanah yang suci.

Tuan Yang di-Pertua, lain-lain perkara yang telah dibangkitkan oleh Tuan Haji Hussein Ahmad adalah dalam perhatian Kementerian dan perkara-perkara lain yang dibangkitkan oleh semua Ahli-ahli Yang Berhormat juga di dalam perhatian Kementerian agar kita akan mengemaskinikan peraturan ini dan dengan itu saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima

kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun memberi ucapan dan seterusnya menyokong Rang Undang-undang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 dan 2* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya minta seorang Ahli Yang Berhormat mencadangkan di bawah Peraturan Mesyuarat 15(3) supaya Mesyuarat ini ditangguhkan. Dipersilakan.

## USUL

### PENANGGUHAN MESYUARAT

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor):** Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat Mesyuarat 15(3) Dewan ini ditangguhkan sekarang.

**Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr. James P. Ongkili):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

## UCAPAN PENANGGUHAN

### PUSAKABUMI — PENUBUHAN DAN FUNGSI

6.47 ptg.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim:** Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya bangun untuk membawa pandangan Dewan yang mulia ini kepada satu paradox, dengan izin, yang sedang dihadapi oleh kontraktor-kontraktor bumiputera iaitu satu keadaan serba salah yang mendatangkan kebingungan kepada mereka. Masyarakat kontraktor bumiputera pada keseluruhannya menyokong Dasar Pandang ke Timur yang dianjurkan oleh Kerajaan dengan harapan mendapat faedah-faedah pemindahan teknologi dan mempelajari ethika kerja dari kontraktor-kontraktor Jepun dan Korea. Di samping itu berpeluang menikmati projek-projek besar yang bakal diusahakan secara usaha sama dengan kontraktor-kontraktor asing tadi.

Memandangkan sebelum itu mereka tidak diberi peluang berbuat demikian dengan kontraktor-kontraktor tempatan yang bukan bumiputera, walaupun ada hanyalah sebagai orang suruhan atau membuat kerja-kerja perhubungan dengan tujuan mendapatkan satu-satu projek tanpa memberi peluang kepada kontraktor-kontraktor bumiputera tersebut mempelajari teknik-teknik atau cara-cara kerja pembinaan tersebut dijalankan. Tetapi dasar Kerajaan tersebut telah ditentang pada awalnya oleh kontraktor-kontraktor bukan bumiputera yang selama ini monopoli projek-projek yang besar dan mengajak kontraktor-kontraktor bumiputera supaya mengambil tindakan yang serupa. Yang anihnya apabila dasar dipraktikkan golongan inilah yang dapat menikmati faedah-faedah dari Dasar Pandang ke Timur dan golongan dari kontraktor-kontraktor bumiputera kekal dengan cara yang lama iaitu mereka diambil menjadi sekutu, hanya

untuk memenuhi syarat-syarat Kerajaan sahaja. Tetapi pada kesahihannya mereka dijadikan sebagai suruhan untuk membuat kerja-kerja perhubungan sahaja.

Masyarakat kontraktor bumiputera pada dasarnya menyokong sebarang usaha Kerajaan ke arah mengawal dan menghadkan bilangan kontraktor terutama di masa kekurangan kerja dan berlebihan kontraktor yang mana mengakibatkan hanya yang mempunyai daya ketahanan juga organisasi yang tersusun dan berpengalaman sahaja yang boleh bertahan. Di satu aspek dari kewujudan ini ada baiknya tetapi ada yang membimbangkan mereka. Melalui proses kawalan tadi, penyertaan bumiputera dalam sektor ini akan menjadi kekurangan dan tidak dapat memenuhi kehendak matlamat Dasar Ekonomi Baru pada tahap 30%. Adakah kita semua ingin melihat kegagalan Dasar Ekonomi Baru dalam industri pembinaan? Jika kita tidak mahu menghampakan harapan masyarakat pemborong-pemborong bumiputera yang mana selama ini adalah menjadi tonggak kepada Kerajaan, maka saya rasa seruan yang disebutkan di Kongres Ekonomi Bumiputera tahun 1980 berhubung dengan agensi pusat yang ditubuhkan pada 1hb Jun, 1981 yang mana pelaksanaannya sehingga ke hari ini adalah amat mengecewakan, walaupun objektif agensi ini sangat jelas dan nyata sebarang tujuan untuk memperkukuhkan agensi ini atau pendekatan untuk menjadikan agensi ini sebagai satu agensi yang berkesan tidak dibuat dengan cara bersungguh-sungguh.

Saya berani berkata di sini di masa-masa akan datang apa juga keputusan yang dilahirkan di Kongres Ekonomi dan lain-lain forum yang dianjurkan oleh bumiputera akan dilemahkan dengan cara yang serupa.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut perangkaan pendaftaran kontraktor kerja yang dijalankan oleh Kementerian Kerjaraya sehingga 23hb Julai 1984 menunjukkan terdapat sejumlah 3,655 kontraktor bumiputera. Dari juralah tersebut terdapat seramai 103 kontraktor dalam Kelas A termasuk golongan yang mempunyai saham sebanyak sekurang-kurang 51% dalam satu-satu syarikat yang diterima sebagai syarikat

bumiputera yang layak memohon kontrak kerja berharga melebihi setengah juta hingga sepuluh juta ringgit.

Walaupun saya akui bahawa penyertaan kontraktor bumiputera dalam bidang binaan sekarang ini telah ternyata, namun peluang-peluang untuk mereka berbanding dengan kontraktor-kontraktor bukan bumiputera dalam pembangunan negara adalah terhad. Penuhuan PUSAKABUMI sebagai sebuah agensi pusat pada asalnya dijangka dapat mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh kontraktor bumiputera. Tetapi apa yang telah kita lihat setakat ini kewujudan PUSAKABUMI hanya sekadar memenuhi penubuhan sebuah agensi pusat yang tidak bermaya, tidak bergigi disebabkan oleh peranan-peranannya yang sangat terhad.

Keadaan ini seolah-olah mencerminkan pihak Kerajaan tidak sepenuh hati mewujudkan agensi tersebut. Sejauh yang telah dilalui oleh PUSAKABUMI, saya melihat biokrasi antara jabatan dan Kementerian telah menjadi penghalang kepada kelicinan pengurusan dan pentadbiran agensi ini. Gejala inilah yang saya maksudkan sebagai tidak bergigi tadi. Manamana jabatan Kerajaan yang kurang bersetuju dengan penubuhan PUSAKABUMI masih boleh menggagalkan sebarang usaha PUSAKABUMI melalui sistem birokrasi yang wujud sekarang. Peranan unit didapati boleh menumpulkan keberkesanan PUSAKABUMI sebagai sebuah agensi pusat memandangkan terdapat berbagai-bagai 'loophole', dengan izin, yang diberikan sebagai alasan untuk melemahkan dan meragukan kemampuan serta keupayaan PUSAKABUMI yang datang dari berbagai-bagai birokrasi. Maka dengan ini saya suka mengesyorkan kepada Kerajaan supaya menjadikan PUSAKABUMI sebagai lembaga yang diwujudkan melalui penggubalan akta Parlimen yang khas.

Cara ini adalah seelok-eloknya pendekatan untuk mengatasi masalah birokrasi yang telah saya sebutkan lebih awal tadi. Untuk meningkatkan keberkesanan PUSAKABUMI dalam tugasnya membimbing kontraktor juga, saya cadangkan agensi tersebut mendapatkan lebih ramai kakitangan teknikal yang berpengalaman di dalam aspek-aspek pembinaan. Selain

dari itu bidang kuasa sistem pendaftaran pusat urusan PUSAKABUMI hendaklah disyaratkan juga ke atas kontraktor-kontraktor kerja yang menjalankan projek-projek swasta.

Cara ini akan memastikan cuma kontraktor-kontraktor yang berlesen dibenarkan melaksanakan projek-projek binaan, tidak kira di sektor awam atau swasta, dengan cara ini peluang penyertaan kontraktor bumiputera dalam projek-projek swasta akan dapat dipertingkatkan lagi.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini, anjuran kadar pertumbuhan ekonomi bagi tahun ini ialah 5.6%. Pertumbuhan yang sederhana ini dijangka akan mengurangkan aktiviti dalam industri pembinaan.

Kebimbangan di kalangan para kontraktor semakin meningkat. Oleh itu kontraktor-kontraktor binaan bumiputera hendaklah diberi perhatian sewajarnya oleh Kerajaan. Saya menggesa Kerajaan supaya memperluaskan peranan dan bidang kuasa PUSAKABUMI dengan melaksanakan semua ketetapan-ketetapan Kongres Ekonomi Bumiputera tahun 1980 tanpa sebarang keraguan lagi Tuan Yang di-Pertua, sekian, terima kasih.

**Timbatan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Menteri.

6.55 *ptg.*

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob):** Tuan Yang di-Pertua, setiap dasar yang Kerajaan hendak dilaksanakan ianya telah difikirkan dengan semasak-masaknya akan kesan atau implikasinya. Berkenaan dengan dasar Pandang ke Timur kalau kita betul-betul hayati akan tujuan dasar tersebut dan cara melaksanakannya, rungutan yang menyatakan dasar ini menguntungkan satu-satu golongan sahaja tidak akan timbul.

Dasar Pandang ke Timur sebenarnya adalah satu dasar yang bertujuan untuk mengkaji etika kerja dan kaedah pengurusan mereka dan bukannya dengan tujuan untuk memberi kontrak kerja kepada kontraktor-kontraktor Korea dan Jepun.

Sekiranya mereka mendapat kontrak kerja ini adalah kerana harga yang mereka tawarkan adalah rendah. Bagaimanapun kita dapati sekarang banyak kontraktor-kontraktor tempatan telah dapat menurunkan kos dan menggunakan teknik-teknik baru, juga dapat memendekkan masa pembinaan. Ini adalah di antara faedah-faedah yang menguntungkan yang kita didapati dari dasar Pandang ke Timur itu.

Suka ditekankan di sini bahawa Kerajaan akan tetap memberi keutamaan kepada kontraktor-kontraktor tempatan, terutamanya kontraktor bumiputera jika kos, mutu kerja dan keupayaan mereka adalah setanding dengan kontraktor asing.

Kemasukan kontraktor-kontraktor dari luar telah membawa satu kemajuan yang baik kepada industri binaan dan ekonomi negara di mana kalau dahulu tidak ada kontraktor-kontraktor tempatan yang dapat membuat projek-projek besar tetapi sekarang telah ramai kontraktor-kontraktor tempatan yang dapat melaksanakan projek-projek yang besar ini termasuk kontraktor-kontraktor bumiputera.

Sejak 24hb Julai, 1984 peranan dan fungsi yang telah ditetapkan oleh Kerajaan untuk PUSAKABUMI ialah:-

- (1) Mendaftarkan semua kontraktor kerja di seluruh negara dan hal ehwal yang berkaitan dengannya.
- (2) Memberi pengiktirafan bumiputera kepada kontraktor yang berkelayakan.
- (3) Menjadi pusat rujukan perihal kontraktor.
- (4) Memberikan khidmat nasihat dan bantuan kepada kontraktor-kontraktor bumiputera yang melaksanakan kontrak bagi jabatan-jabatan Kerajaan yang belum lagi mempunyai unit khas untuk memberi bantuan kepada kontraktor bumiputera.

Kerajaan semasa mengulangkaji fungsi dan peranan PUSAKABUMI tclahpun mengambil kira akan wujudnya unit-unit yang ditubuhkan khas di Kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan untuk memberi bantuan khas kepada

kontraktor-kontraktor bumiputera seperti Unit Penyertaan Bumiputera, Kementerian Kerjaraya.

Bidang khidmat-nasihat adalah satu bidang yang luas di mana unit-unit khas bumiputera telah terus memainkan peranan mereka tanpa menimbulkan percanggahan tugas. Oleh itu, Kerajaan telah membuat keputusan supaya unit-unit khas itu seperti Unit Penyertaan Bumiputera di Kementerian Kerjaraya patut terus wujud untuk terus menjalankan fungsi mereka dalam membantu dan memberi khidmat nasihat kepada kontraktor-kontraktor bumiputera.

Berasaskan kepada penjelasan ini Kerajaan tidak bercadang memindahkan fungsi, memberi khidmat-nasihat oleh Unit Penyertaan Bumiputera, Kementerian Kerjaraya kepada PUSAKABUMI.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Abu Bakar bin Lajim juga ada menyarankan supaya bidangkuasa memberikan kerja-kerja tender dan peruntukan kerja 30% kepada kontraktor bumiputera juga hendaklah dipusatkan di PUSAKABUMI. Suka saya menyatakan di sini bahawa mengikut perbekalan Financial Procedures Ordinance, dengan izin, pemberian kerja-kerja kontrak adalah tanggungjawab jabatan-jabatan pelaksana. Oleh itu, perkara ini perlulah dikaji dan dibincangkan dengan teliti oleh Kementerian Kewangan.

Buat masa sekarang PUSAKABUMI lebih menumpukan kepada menyelesaikan perkara-perkara berhubung dengan pendaftaran kontraktor-kontraktor, terutama dalam menyelaraskan pendaftaran kontraktor-kontraktor yang telah sedia berdaftar di samping menjalankan tugas-tugasnya seperti yang telah saya sebutkan. Tugas tersebut adalah mencukupi dan Kerajaan buat masa ini tidak bercadang untuk menambahkan lagi tugasnya.

Walau bagaimanapun, Kerajaan akan mengkaji dari masa ke semasa jika perlu untuk menambahkan tugas-tugas lain.

Berhubung dengan cadangan mendapatkan lebih ramai kakitangan teknikal yang mengetahui aspek-aspek pembinaan ditempatkan di PUSAKABUMI adalah merupakan satu cadangan yang baik. Walaupun demikian, buat masa ini PUSAKABUMI telah mempunyai 52 orang kakitangan teknikal dalam semua peringkat dan berpengalaman. Jumlah ini adalah difikirkan mencukupi untuk keperluan sekarang. Walau bagaimanapun, jumlah ini akan ditambah lagi dari masa ke semasa akan datang mengikut keperluannya.

Akhir sekali, Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim ada menyarankan supaya pihak swasta yang hendak melaksanakan projeknya hendaklah menggunakan kontraktor-kontraktor yang telah berdaftar dengan PUSAKABUMI. Dalam perkara ini Kerajaan tidak boleh memaksa. Sebenarnya pihak swasta yang hendak melaksanakan projeknya itu menggunakan kontraktor yang telah berdaftar dengan PUSAKABUMI, walaupun Kerajaan menggalakkan mereka menggunakan kontraktor-kontraktor yang telah berdaftar dengan PUSAKABUMI untuk melaksanakan projeknya itu.

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan usul bahawa mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 15(3) Dewan ini ditangguhkan sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok, hari Rabu, 31hb Julai, 1985.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 7.03 malam.*